

**PARLIMEN KESEMBILAN**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**Jilid V**

**Bil. 5**

**Isnin**

**10 Mei 1999**

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Ruangan)
- Urusan Mesyuarat (Ruangan)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan)

**USUL:**

- Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka  
Baginda Yang di-Pertuan Agong.
  - *Y.B Puan Tan Ah Eng* (Ruangan)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,  
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,  
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum  
(Dilantik)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)

“ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)

“ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)

“ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)

“ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T.,  
J.P. (Melaka)

“ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)

“ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

“ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)

“ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Abas (Melaka)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

“ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Ek Huat (Perak)

“ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

“ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)

“ Dato' Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

“ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamarudin bin Abdullah A.M.N., Psc TUDM
-------------------	---	--

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
Isnin, 10 Mei 1999**

**Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA  
PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT KEPADA  
DEWAN NEGARA**

“6 Mei 1999.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,  
Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1998 dan 1999;
2. Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998;
3. Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran pertanian Persekutuan (Pindaan) 1998;

4. Rang Undang-undang Perlembagaan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1998;
5. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1998;
6. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan) 1998; dan
7. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) 1968;

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

#### **URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah dan tindakan kementerian mengenai wujudnya sindiket membeli sijil kelahiran kanak-kanak yang meninggal dunia dan kemudian menjual semula kepada warganegara asing untuk digunakan bagi memohon kad pengenalan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian mewajibkan waris atau sesiapa yang mengetahui tentang kematian melaporkan kematian tersebut kepada polis ataupun Jabatan Pendaftaran Negara. Jabatan Pendaftaran Negara setelah

menerima laporan tersebut akan mengambil balik dokumen kad pengenalan, sijil kelahiran dan dokumen kewarganegaraan simati seterusnya.

Jabatan Pendaftaran Negara akan mencatatkan kematian tersebut ke dalam rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan dengan demikian sijil kelahiran kanak-kanak yang meninggal dunia tidak akan dapat digunakan untuk mendapatkan kad pengenalan. Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memastikan sama ada wujudnya sindiket membeli sijil kelahiran kanak-kanak yang meninggal dunia untuk digunakan oleh warganegara asing untuk memohon kad pengenalan seperti dalam soalan Ahli Yang Berhormat. Namun demikian, sebagaimana yang diterangkan di atas jika ada pun kegiatan tersebut, sijil kelahiran yang dibeli tidak akan dapat digunakan untuk mendapatkan kad pengenalan.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau lihat perkembangan sejak mutakhir ini ternyata bahawa Sabah merupakan sarang orang-orang daripada seberang sama ada daripada Filipina ataupun Indonesia. Saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah kerajaan menyedari bahawa ada kalangan pegawai-pegawai berkenaan yang melakukan kerja memberi sijil beranak kepada orang-orang yang tidak sepatutnya mendapatkan. Kalau ya, apakah tindakan yang telah dan akan diambil?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh salahkan pegawai-pegawai sahaja dalam perkara-perkara yang memang sering terjadi di Sabah beberapa tahun dahulu. Tetapi orang-orang lain termasuk juga beberapa orang pemimpin UMNO yang mana mereka semua telah ditangkap dan ditahan sebagaimana yang kita tahu. Alhamdulillah, sedikit-sebanyak sindiket yang berkaitan itu telah pun dapat kita lumpuhkan, sekarang kita jarang mendengar lagi cerita sedemikian.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan sindiket ini, apakah kedudukan sindiket-sindiket lain selain daripada sijil kelahiran kita ini iaitu seperti kad pengenalan dan lain-lain?



**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Negara dan kerajaan sepanjang masa mencari jalan supaya dokumen-dokumen penting seperti kad pengenalan dan sebagainya tidak dipalsukan. Memang dalam zaman teknologi ini ada berbagai-bagai cara untuk memalsukan dokumen-dokumen penting itu. Maka sebab itulah baru-baru ini kerajaan telah pun memperkenalkan jenis kad pengenalan baru. Tetapi sekarang kita didapati kad pengenalan yang baru ini pun mula, ada cara-caranya untuk memalsukan. Kerajaan sekarang sedang berunding dengan pakar-pakar lain pula, pakar-pakar antarabangsa untuk mencari teknologi yang terkini untuk mengatasi masalah tersebut. Tetapi sukacita saya menyatakan bahawa dari pengalaman Jabatan Pendaftaran Negara dari segi pemalsuan sijil kelahiran itu, kerana biasanya kalau hendak dapat IC baru ataupun pasport baru ia berasaskan kepada sijil kelahiran. Pemalsuan sijil kelahiran di Semenanjung khususnya tidaklah perlu kita bimbangkan. Misalnya, dalam dua tahun setengah yang lalu Jabatan Pendaftaran Negara hanya dapat mengesan dua sahaja usaha untuk memalsukan sijil kelahiran.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah undang-undang yang ditetapkan kepada pendaftaran yang terlewat mengambil sijil kelahiran, dengan izin, late registration birth certificate. Adalah sangat ketat, very tied, dengan izin, bagi mengatasi masalah keterangan dari segi ibu bapa diperlukan jika bapa sudah meninggal, ibu akan mengalami kesusahan yang teruk semata-mata untuk mengambil sijil ini. Bolehkah dengan pengakuan dari penghulu, pegawai daerah atau pegawai polis dan wakil rakyat dapat surat memberikan sijil kelahiran?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, pemberian sijil kelahiran, dari segi kelahiran itu kita boleh memberi taraf pemastautin tetap ataupun kewarganegaraan adalah satu perkara yang berat. Kita memang tahu bahawa pada ketika ini berjuta oleh khususnya dari negara-negara jiran yang cuba hendak menjadi pemastautin tetap ataupun warganegara di negara kita. Jadi, kerajaan terpaksa berhati-hati dalam kita mengeluarkan sijil-sijil ini. Oleh sebab itu, kita terpaksa dari masa ke semasa dari segi pengalaman-pengalaman kita

memperketatkan cara kita mengeluarkan sijil-sijil tersebut. Namun demikian, cadangan Ahli Yang Berhormat tadi saya akan mengambil perhatian dan menyelidik sama ada perkara ini boleh diperbaiki.

2. **Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah orang yang telah ditembak oleh polis semasa menjalankan tugas dan apakah langkah-langkah yang diambil agar ianya tidak membahayakan keselamatan orang awam.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 10 tahun yang lepas sejumlah 635 orang iaitu 355 orang tempatan dan 280 rakyat asing telah ditembak mati oleh polis semasa menjalankan tugas. Saya cuma hendak menekankan angka ini sungguhpun mengejutkan tetapi ia adalah masa 10 tahun. Bermakna hitung panjang lebih kurang 63 orang setahun.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai dan anggota polis memang tidak dibenarkan untuk melepaskan tembakan sewenang-wenangnya, kecuali dibenarkan mengikut peruntukan undang-undang. Misalnya, apabila nyawa mereka terancam yang memaksa mereka melepaskan tembakan demi untuk mempertahankan diri. Namun demikian, pasukan polis sepanjang masa mengambil langkah-langkah untuk mengawal kegunaan kuasa polis semasa mengendalikan tugas mereka agar mengurangkan kes-kes tembakan yang boleh membahayakan keselamatan orang awam. Di antara langkah-langkah itu termasuklah:

- (i) melatih dan mengingatkan pegawai dan anggota polis sepanjang masa supaya mengutamakan keselamatan orang awam ketika menjalankan tugas;
- (ii) mengingatkan menerusi taklimat sebelum keluar bertugas mengenai cara terbaik menggunakan senjata api; dan
- (iii) menjalankan latihan yang cukup dan berterusan mengenai aspek-aspek mengendalikan senjata api.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ingin hendak tahu jugalah berapa ramai pegawai dan anggota polis yang mati ditembak oleh penjahat-penjahat ataupun menemui accident di tepi jalan raya kerana dilanggar oleh penjahat, kerana kita didapati juga dalam beberapa tahun ini ada berlaku perkara semacam ini. Saya hendak tahu berapa jumlah anggota-anggota polis yang ditembak, cemas mati atau luka atau kena accident, dilanggar dan sebagainya oleh orang-orang jahat?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana saya tidak ada angka yang tepat mengenai jumlah anggota polis yang mati ataupun yang cedera parah. Namun demikian, memang terdapat banyak juga anggota polis yang mati ataupun cedera parah. Ini membuktikan bahawa anggota polis kita yang sebanyak 80,000 orang sepanjang masa, waktu menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka membahayakan diri mereka dan nyawa mereka juga. Jadi, dalam kita menegurkan pasukan polis kita mengenai satu-dua kesilapan mereka ataupun beberapa kesalahan mereka kita jangan lupa bahawa sebahagian besar anggota pasukan polis mereka memang menjalankan tugas mereka dengan baik dan kadangkalanya terpaksa mengorbankan nyawa ataupun tubuh mereka dalam menegakkan keadilan

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu 635 awam yang terlibat kena tembak dalam masa 10 tahun yang lepas. Saya ingin mendapatkan penjelasan dalam bilangan tersebut, berapa ramai orang awam yang didapati tidak terlibat dengan kes-kes keselamatan yang terkena tembak dan adakah bercadang untuk mengadakan satu skim perlindungan yang berbentuk insurans untuk memberi

perlindungan kepada pihak polis dan juga pihak orang awam yang menjadi mangsa terkena sasaran tembakan masa kecemasan begini?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, itu memang satu soalan yang cukup baik. Tetapi saya tidak ada angka yang tepat. Namun demikian, boleh saya menyatakan di sini bahawa orang awam yang tertembak dan mati ataupun cedera parah oleh sebab tindakan polis adalah terlalu kecil. Saya ingat tidak sampai 3% atau 4%. Kebanyakan yang kena tembak mati adalah perompak biasanya dan sebagainya. Namun demikian, untuk memastikan supaya pihak polis tidak menggunakan kuasa mereka dengan sewenang-wenangnya kita memang mempunyai peraturan-peraturan yang khusus iaitu apabila terjadi sesuatu kematian hasil tembakan oleh polis, satu inquiry oleh satu pasukan polis secara bebas akan diadakan. Dan dari inquiry itu kita dapat pasti sama ada ada kes untuk kita adakan siasatan lanjut. Kalau ada kes untuk siasatan lanjut, ini akan dikemukakan kepada Attorney-General ataupun pihak pendakwa raya, dan pihak pendakwa raya akan mengkaji pula sama ada ini perlu dimajukan lagi untuk diadakan inquest formal oleh mahkamah. Jadi, polis tidak bolehlah menjalankan kerja-kerja secara cuai ataupun dengan sewenang-wenangnya.

3. **Tuan Tee Thiong Hock** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa jumlah dan nilai saham Malaysia yang terlibat di dalam CLOB; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk 'membebaskan' saham-saham ini dari CLOB di samping menjaga harga-harga saham di BSKL.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, maklumat mengenai jumlah dan nilai saham syarikat Malaysia yang diniagakan menerusi Centre Limit Order Book System (CLOB) tidak dapat diumumkan kerana

maklumat mengenai akaun pendeposit bagi sekuriti tersebut dilindungi oleh peruntukan kerahsiaan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1991. Masalah berkaitan dengan saham-saham CLOB perlu diselesaikan oleh pemegang-pemegang saham terlibat dan Kerajaan Singapura. Kerajaan Malaysia tidak terlibat dalam urusan tersebut, tetapi berharap masalah ini dapat diselesaikan dengan seberapa segera dan sebarang cadangan penyelesaian perlu mengambil kira kepentingan semua pihak sama ada pelabur dalam negeri ataupun pelabur luar negeri, dan kestabilan pasaran saham secara keseluruhan.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. saya ingin bertanya dua pertanyaan secara serentak. Pertama sekali apakah benar kenyataan yang telah dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri Singapura pada 6 Mei 1999 di Parlimen Singapura iaitu bahawa tindakan Akhbar Khan untuk membeli saham-saham CLOB adalah dengan restu daripada Kerajaan Malaysia. Keduanya, ialah dakwaan Lee Seng Long mengatakan bahawa ini adalah menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia tidak menepati janji-janji yang telah dibuat di dalam satu perjanjian perundingan untuk menyelesaikan masalah saham CLOB ini sebagai satu daripada keseluruhan masalah besar dalam pakej deal di antara G to G.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan, ini adalah terpulang kepada pihak-pihak yang berkenaan dari Singapura untuk menyelesaikan masalah ini. Pihak BSKL Malaysia adalah tidak secara langsung dalam menyelesaikan masalah ini. Satu perjanjian memang telah ditandatangani pada 18 September 1998 di antara Security Clearing Automated Network Services Sdn. Bhd. (SCANS) dengan CDP daripada pihak Singapura iaitu untuk membantu mencari

cara penyelesaian dalam usaha menyelesaikan masalah ini tetapi ini tidak bermakna pihak Malaysia mengambil alih tanggungjawab terhadap pelabur-pelabur Singapura.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Satu lagi soalan tambahan, kalau diizinkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berikan kepada Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin dahulu.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya mendengar tadi penjelasan Dewan daripada pihak kementerian nampaknya ada masalah yang rumit yang berlaku dan kita faham bahawa persoalan CLOB ini telah pun diluluskan dalam Dewan tetapi nampaknya belum lagi dapat diselesaikan. Saya ingin bertanya daripada pihak kementerian, apakah kesan kepada BSKL. Jika masalah ini masih lagi tertangguh bagi masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Dewan ini tidak meluluskan apa-apa yang ada kaitan dengan CLOB, yang BSKL hanya menjalankan tugasnya mengawal selia perniagaan-perniagaan yang berlaku di dalam Malaysia ataupun di bawah jagaan BSKL. Apa yang dilakukan oleh pihak Singapura itu adalah ditanggungjawabkan Singapura dan tiada kaitan dengan Malaysia. Walaupun Malaysia telah banyak kali mengemukakan permintaan supaya kegiatan CLOB itu dapat diberhentikan dan oleh kerana telah menimbulkan banyak masalah seperti masalah untuk penguatkuasaan bagi kita menyelesaikan masalah seperti manipulasi pasaran, insider trading ataupun urus niaga dalam short selling, share prize trading dan juga kegiatan-kegiatan haram. Ini telah menambahkan kesusahan untuk BSKL untuk menguatkuasakan segala undang-undang yang terdapat di dalam sekuriti ini.

Kesan yang mungkin akan timbul kepada BSKL mungkin perlu kita akses dengan baik dan itulah mengapa kita mengharapkan supaya pihak-pihak yang berkaitan dapat menyelesaikan masalah ini dengan baik supaya kepentingan pelabur-pelabur itu dapat dijaga dan supaya juga keyakinan pasaran itu dapat kita pulihkan walaupun keadaan sekarang telah bertambah baik tetapi kita berharap secara satu jumlah saham yang besar yang belum dapat diselesaikan itu kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku adalah tidak dapat kita tafsirkan.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya mudah sahaja iaitu tentang adakah kita menganggap bahawa masalah saham CLOB ini sebagai satu masalah G to G seperti yang didakwa oleh Timbalan Perdana Menteri Singapura.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan, ini tidaklah sampai ke peringkat G to G. Ini adalah satu-satu tindakan yang diambil oleh pihak Singapura dan sekarang timbul masalahnya pihak kita memang tidak mengambil tanggungjawab itu dan pihak yang berkenaan hendaklah mengambil alih dan juga mencari cara penyelesaiannya, tidaklah sampai ke peringkat G to G, tidak timbul langsung.

4. **Tuan Haji Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kerajaan bercadang membuat salah satu daripada institut pengajian tinggi kerajaan ke tahap antarabangsa dan terkenal dalam bidang khas seperti Harvard, Yale dan lain-lain lagi memandangkan pada masa ini terdapat beberapa buah institusi luar negeri telah mengadakan kursus ijazahnya di negara ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk sentiasa meningkatkan kualiti dan standard institusi pengajian tinggi awam tempatan hingga mencapai kedudukan yang setanding dengan universiti-universiti ternama di dunia

seperti Universiti Harvard dan Yale. Untuk itu, semua institusi pengajian tinggi awam telah diminta mengenal pasti bidang-bidang yang menjadi kekuatan atau niche area masing-masing untuk dibangunkan sehingga menjadi pusat kecemerlangan. Adalah diharapkan dengan pembangunan pusat kecemerlangan ini nanti, institusi pengajian tinggi awam kita akan mencapai taraf yang tinggi di peringkat antarabangsa.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah setakat ini berapakah jumlah institusi pengajian tinggi yang boleh dikenal pasti berpotensi untuk mencapai taraf antarabangsa.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, kami anggap bahawa universiti-universiti tempatan ini bukan sahaja berpotensi untuk menjadi pusat kecemerlangan, malah ada universiti-universiti tempatan yang sudah diiktiraf sebagai institusi kecemerlangan di peringkat antarabangsa. Satu contoh yang amat ketara ialah baru-baru ini Fakulti Perubatan Universiti Malaya dalam satu masa yang singkat telah mengenal pasti virus yang baru yang negara telah diserang baru-baru ini dan dengan itu kita sudah menentukan virus yang baru dan kita boleh ambil tindakan supaya masalah virus encephalitis itu boleh diselesaikan.

Selain dari Universiti Malaya ada universiti-universiti yang lain seperti UPM, USM, UTM juga di bidang-bidang tertentu seperti kejuruteraan dan sebagainya telah diiktiraf, diterima sebagai sudah sampai peringkat antarabangsa dan banyak universiti di luar negara itu mula menghantar pelajar-pelajar mereka ke institusi-institusi ini untuk mengikut bidang-bidang tersebut.

Kita harapkanlah universiti-universiti yang lain yang baru itu seperti Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak akan juga di bidang-bidang tertentu boleh menjadi pusat kecemerlangan dalam satu masa yang singkat.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut satu analisa yang dikeluarkan dalam satu journal rantau ini, kita dapati universiti-universiti tempatan masih jauh kebelakang kalau dibandingkan



dengan universiti-universiti di Tokyo, di Jepun, di India dan sebagainya dan kalau saya tidak lupa, Universiti Malaya yang terunggul di negara kita ini naik taraf sedikit, nombor 23 tahun lepas dan tahun ini naik ke nombor 27, tetapi yang lain itu semuanya 'corot-corot'.

Tuan Yang di-Pertua, jadi seperti yang saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, tugas universiti untuk mencemerlangkan universiti berasaskan kepada penyelidikan dan pembangunan (research and development). Jadi, saya hendak tahu dari pihak kerajaan, sejauh mana, ke arah mana kita hendak sampai ke universiti, nombor tiga atau nombor dua di rantau Asia dan dengan hasrat itu berapakah jumlah wang pengkajian dan pembangunan yang kita berikan kepada universiti-universiti ini supaya kerana salah satu faktornya supaya ianya dapat mencemerlangkan universiti kita, kalau tidak saya rasa memang lambat hendak mencemerlangkannya.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan bersetuju bahawa sebelum setiap universiti boleh diiktiraf sebagai sampai taraf dunia, universiti itu mestilah mempunyai pensyarah atau kakitangan yang cemerlang dari segi research and development dan boleh keluaran kertas di majalah-majalah antarabangsa dan untuk mencapai itu, satu kriteria utama sebelum seorang pensyarah dinaikkan pangkat ialah beliau haruslah ada terbitan di majalah-majalah antarabangsa dan Kementerian Pendidikan akan terus menguatkan kriteria itu supaya boleh menjadi satu galakan kepada pensyarah-pensyarah, sebelum ia dinaikkan pangkat, ia ada terbitan yang berkualiti dan sebagainya.

Dari segi grant untuk R&D itu memang Kementerian Pendidikan menggalakkan universiti-universiti mengadakan grant untuk R&D dan universiti-universiti itu semua digalakkan untuk bukan sahaja diberi grant seterusnya untuk melaksanakan R&D, kita juga galakkan universiti-universiti tersebut khususnya kumpulan-kumpulan pensyarah yang mempunyai visi, yang mempunyai idea-idea baru, mereka boleh membuat permohonan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya permohonan itu boleh diberi galakan di bawah satu peruntukan khususnya untuk R&D ini.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mendengar tadi Yang Berhormat ada menyebutkan mengenai penemuan virus Nipah dari bahagian perubatan Universiti Malaya. Sebelum ini juga kita mendengar Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyebutkan mengenai penemuan ini, seolah-olah kita menganggap bahawa penemuan ini adalah satu penemuan yang besar.

Setahu saya, virus ataupun kalau kita ambil contoh serangga, ia ada peringkat berubah (mutation) perubahan structure apabila telah digunakan sesuatu insecticide bagi serangga ia boleh mengubah strukturnya ataupun bentuknya sebagaimana belalang hawkers.

Saya percaya virus juga akan bertindak sedemikian apabila ada kesan-kesan kimia yang dikenakan, ia boleh mengubah bentuknya. Jadi, saya tidak melihat bahawa penemuan ini adalah sesuatu yang luar biasa yang telah dua kali disebut dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian, apakah kayu ukur pihak kementerian untuk menilai sesuatu universiti yang difikirkan universiti tersebut dapat menyaingi universiti-universiti terkemuka di peringkat antarabangsa.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, tak payahlah kita berbabas mengenai dengan penentuan virus encephalitis ini, sekurang-kurangnya kita merasa bersyukur kerana kita mempunyai pakar-pakar di negara kita yang boleh menentukan bahawa ada virus yang baru dan dengan itu kita boleh menyelesaikan masalah yang menyerang dalam satu masa yang singkat tanpa bantuan dari pakar-pakar luar negara, mereka datang ke sini untuk membantu kita menentukan bahawa observation kita, dengan izin, adalah betul sahaja.

Bagaimana Kementerian Pendidikan ingin menolong atau universiti-universiti kita untuk menjadi pusat kecemerlangan, Kementerian Pendidikan mencadangkan bahawa setiap universiti mestilah menentukan 'niche area' atau bidang-bidang tertentu yang mereka anggap sesuai untuk dibangunkan dan Kementerian Pendidikan akan

memberi sokongan dan bantuan kepada universiti-universiti tersebut supaya 'niche area' itu boleh dibangunkan, bukan keseluruhannya, setiap universiti mestilah menentukan 'niche area' yang mereka anggap sesuai dan Kementerian Pendidikan akan memberi bantuan dan nasihat.

Dengan itu kita haraplah universiti-universiti tempatan kita boleh menerima satu pengakuan, satu pengiktirafan yang lebih tinggi dibandingkan dengan masa sekarang.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berapa peratuskah pelajar-pelajar asing yang sedang menyambung pelajaran tinggi dalam negara kita berbanding dengan pelajar-pelajar tempatan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Perlukan notis?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, setiap universiti ada pensyarah-pensyarah dari negara asing yang kita galakkan kerana mereka boleh membawa .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Mahasiswa atau guru?

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Mahasiswa!

**Tuan Yang di-Pertua:** Memerlukan notis barangkali.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Dari segi keseluruhannya, mahasiswa-mahasiswa di IPTA adalah lebih kurang 1,000 lebih orang pelajar dan kebanyakan mereka adalah di UIA yang sudah kita akui sebagai satu universiti antarabangsa dan kita galakkan pelajar-pelajar dari negara asing untuk mengikuti kursus di UIA.

Selain dari itu, universiti-universiti yang lain seperti Universiti Malaya, UTM, USM dan sebagainya ada pelajar-pelajar dari negara asing tetapi kebanyakan mereka mengikut post graduate programme, dengan izin.

**5. Tuan Zakaria bin Arshad** minta Menteri Pertanian menyatakan: -

- (a) hasil dari kempen menanam sayur-sayuran yang dilancarkan oleh kementerian dalam usaha-usaha mengurangkan import hasil pertanian sebagai satu daripada langkah mengurangkan tukaran wang asing; dan
- (b) apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang dilakukan oleh kementerian bagi memajukan lagi perindustrian yang berasaskan hasil pertanian di negara ini.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hasil dari kempen menanam sayur-sayuran yang dilancarkan oleh kementerian bagi tanaman secara hidroponik sejak Disember 1997 hingga ke hari ini adalah dianggarkan sekurang-kurangnya 20,000 unit takung hidroponik telah diedarkan atau dijual oleh agensi-agensi kerajaan. Kementerian ini tiada perangkaan mengenai jumlah penjualan bagi seluruh negara terutama penjualan oleh pertubuhan-pertubuhan peladang, syarikat-syarikat swasta dan peniaga-peniaga kecil. Tetapi berasaskan kepada penjualan takung hidroponik oleh agensi kerajaan setakat ini boleh dikatakan bahawa sambutan orang ramai terhadap kempen kerajaan menggalakkan penanaman sayur-sayuran secara hidroponik adalah baik dan memuaskan. Daripada 20,000 unit takung hidroponik yang diusahakan itu, ia akan dapat menghasilkan sebanyak 30 juta kilogram sayur-sayuran.
- (b) Di antara langkah-langkah jangka pendek dan panjang yang dilaksanakan oleh kementerian bagi memajukan industri berasaskan hasil pertanian di negara ini ialah:

- (i) menggalakkan pengeluaran produk-produk baru;
- (ii) mempertingkatkan produktiviti dan kualiti keluaran;
- (iii) meningkatkan kecekapan pasaran;
- (iv) menggalakkan industri hiliran makanan;
- (v) menggalakkan penyertaan dan pelaburan sektor swasta;
- (vi) meningkatkan kecekapan pemindahan teknologi-teknologi khususnya yang jimat buruh, yang diperlukan oleh industri;
- (vii) mempergiatkan pembangunan infrastruktur pertanian.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini kita dapati pihak kementerian telah menggubal suatu Dasar Pertanian Nasional dan saya ingin mendapat penjelasan sejauh manakah Dasar Pertanian Nasional ini mempunyai satu program yang komprehensif ke arah membantu petani-petani sama ada penanam-penanam sayur ataupun industri yang berasaskan hasil pertanian ini betul-betul dapat dilaksanakan dan dimanfaatkan oleh petani-petani itu sendiri dan negara pada umumnya.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, dasar sesuatu pembangunan itu walau baik semacam manapun kalau tidak disusuli oleh pelaksanaan, khususnya oleh agensi kerajaan dan petani-petani sendiri, begitu juga apa yang ada pada Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3), rancangan yang ditekankan sangat ialah untuk membawa petani-petani ke arah pengeluaran secara komersial. Kalau dahulu secara tradisional, tetapi sekarang ini ke arah komersial.

Yang kedua, kita juga cuba melibatkan pihak swasta melabur dalam bidang industri pertanian ini supaya saiz pengeluaran itu lebih besar dan lebih menguntungkan dan ini diharapkan dapat mengurangkan improt barangan yang berkaitan dengan pertanian.

Yang ketiga, kita hendak melibatkan projek secara integrated, bermakna sebidang tanah ada dua, tiga kegiatan seperti tanaman sawit ada ternakan. Tanaman getah ada dengan tanam-tanaman sampingan seperti salak dan lain-lain lagi.

Yang keempat, kita cuba mewujudkan projek pehutani. Pehutani ini maknanya menanam semula tanah-tanah hutan dengan tanaman kayu yang cepat membesar mungkin dalam sepuluh atau lima belas tahun boleh kita tebang seperti sentang, akasia, getah dan sebagainya.

Jadi, itulah perkara-perkara yang ditekankan dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga tetapi walau bagaimanapun, kementerian mengharapkan mereka di bidang sektor pertanian akan aktif supaya dasar dirancangan akan dapat dicapai.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah masyarakat petani salah satu daripadanya ialah soal pemasaran. Satu ketika dahulu ramai petani yang merungut kerana apabila mereka menanam sebagai contoh, umpamanya buah-buahan atau sayur-sayuran kadang-kadang berlambak dan mereka tidak tahu di mana dipasarkan. Apakah kerajaan mempunyai satu cara yang membolehkan supaya petani-petani ini masalah pemasaran ini dapat diatasi.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Sebagaimana yang saya sentuhkan tadi, bahawa pemasaran akan dapat diatasi kalau swasta yang besar-besar melibatkan diri dalam bidang sektor pertanian kerana sektor swasta ini biasanya lebih berdaya daripada orang-orang perseorangan.

**Yang kedua, kita cuba melibatkan diri dalam bidang kegiatan hiliran, pemprosesan supaya buah-buah segar atau sayur-sayuran yang segar itu boleh diproseskan, kalau sekiranya pada hari-hari atau waktu-waktu di mana pasarannya tidak begitu memuaskan.**

Jadi, kita tidak boleh bergantung dengan pengeluaran segar sepanjang masa kerana kita adalah ke arah negara maju, kita memerlukan proses untuk pengetinan barang-barang makanan ataupun dibuat jem, dibuat pelbagai kegiatan sama ada durian, nangka, cempedak dan lain-lain lagi. Jadi, ke arah itulah diharapkan soal yang Ahli Yang Berhormat timbulkan mengenai pemasaran akan dapat kita kurangkan dari masa ke semasa.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengemukakan pertanyaan yang saya agak mungkin saya tidak tahu atau kesilapan saya tidak ambil tahu iaitu sekarang ini terdapat suatu perubahan sikap orang tempatan iaitu pergi ke arah buah-buahan tempatan yang kita sedar, umpamanya sekarang kita boleh dapati buah nangka sepanjang masa, nampaknya ada pertambahan dalam market, tetapi saya ingin tahu iaitu buah jambu madu, yang berwarna hijau itu yang tidak berbiji, yang lembut, buah jambut merah, buah jambu 'pinks' dan juga honeydew, adakah ini, adakah ini dihasilkan daripada research MARDI atau Kementerian Pertanian ataupun dihasilkan oleh orang-orang Cina yang industrious dalam perkara ini yang telah mendatangkan berjuta ringgit income sepanjang jalan dari utara sampai ke Kuala Lumpur dan dari Kuala Lumpur menuju ke Terengganu, buah ini didapati sepanjang masa. Adakah ini hasil dari Kementerian Pertanian atau dari usaha orang Cina sendiri?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Kementerian Pertanian menerusi MARDI memang banyak membuat research tetapi sebagaimana yang kita ketahui

semua barangan yang ada di pasaran itu, kita tidak boleh claim 100% daripada MARDI.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tetapi ada juga pihak-pihak swasta yang telah mengadakan R&D sendiri sehingga dapat melahirkan apa yang Yang Berhormat Datuk sebutkan tadi, tetapi sebahagian besar dari penemuan-penemuan itu termasuk jambu batu, jambu merah itu yang kita panggil jambu madu iaitu yang harganya begitu baik RM6 atau RM7 sekilogram, itu adalah hasil dari kerjasama pihak swasta dan MARDI, pendek kata MARDI yang ditubuhkan itu agak berkesan dengan adanya kerjasama pihak swasta.

Jadi, kita tidak boleh bersendirian kerana maklumat pertanian ini mesti banyak kerjasama dengan pihak swasta. Jadi, dengan sebab itu, apa yang kita keluarkan ini adalah merupakan kerjasama MARDI dan juga pihak swasta.

5. **Dato' Ghazi bin Haji Ramli** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan status Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna yang telah lama tertangguh dan apakah sebab-sebab atau justifikasi kementerian kepada penangguhan tersebut.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan mengenai isu yang sama, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail pada 17 Mei 1999.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna dijangka akan dibentangkan di sesi Parlimen pada bulan Julai akan datang. Rang undang-undang ini terpaksa ditangguhkan pembentangnya kerana keperluan semakan yang teliti dibuat. Antara semakan ini ialah membandingkannya dengan



undang-undang yang sedia wujud di negara-negara maju lain dan pengubahsuaian dibuat. Semakan juga perlu dibuat kerana telah wujud unsur-unsur perlindungan pengguna di dalam akta-akta yang sedia ada dan dengan itu tidak perlu disentuh supaya tidak bertindih.

Adalah menjadi hasrat dan idaman kementerian ini untuk mewujudkan akta ini seberapa segera yang boleh bagi kepentingan pengguna keseluruhannya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah usaha-usaha pihak kementerian untuk memantau peranan Majlis Pengguna-pengguna Negeri dan juga persatuan-persatuan pengguna kerana saya dapati ada majlis-majlis pengguna negeri yang tidak menjalankan mesyuarat dan juga peranan mereka tidak dapat dilihat dengan begitu berkesan.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian dari masa ke semasa ada perbincangan dengan persatuan-persatuan pengguna baik di peringkat negeri mahupun di peringkat kebangsaan. Dari masa ke semasa kita mengenal pasti kelemahan dan ada pertikaian di antara pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di persatuan-persatuan dan dari masa ke semasa kita juga mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah-masalah dalaman.

Pada keseluruhannya kita telah meminta persatuan-persatuan itu menjalankan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan bidang penggunaan dan pada keseluruhannya kita puas hati bahawa mereka berjalan dengan baik.

**7. Tuan Janggu Anak Banyang** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah harga ayam di negeri Sarawak terkawal setakat ini dan beri jumlah peniaga yang telah dikenakan kompaun kerana menaikkan harga ayam sewenang-wenangnya di negeri Sarawak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini kedudukan harga runcit ayam di negeri Sarawak adalah terkawal iaitu di antara RM5.50 - RM6.00 sekilo. Harga ini tidak melebihi harga yang ditetapkan oleh kerajaan.

Bagi tahun ini sehingga 30 April 1999, kementerian tidak mengesan sebarang kes peniaga menaikkan harga ayam sewenang-wenangnya di Sarawak. Walau bagaimanapun, hasil pemeriksaan yang dijalankan, kementerian telah mengambil tindakan terhadap tiga peniaga ayam kerana kesalahan berkaitan tanda harga dan pelesenan. Ketiga-tiga peniaga terbabit telah dikenakan kompaun yang keseluruhannya berjumlah RM950.

**Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya dalam jangka waktu lima tahun kebelakangan ini harga ayam telah meningkat lebih daripada 100%. Kalau dahulu harga ayam hanya sekadar RM2.50 - RM3.00 sekarang sudah sampai ke RM6.00. Jadi, saya ingin tahu adakah penetapan harga ayam ini mempunyai jangka waktu yang tertentu, bila tiba masanya ia akan dikurangkan dan apakah usaha kementerian untuk menurunkan harga ayam ini kerana pada masa sekarang kita dapati keperluan ayam amat mendadak sekali lebih-lebih lagi apabila orang-orang Cina sudah berkurangan memakan daging babi dan mereka beralih kepada ikan yang sekarang ini pun terlalu berkurangan dan harganya amat tinggi sekali? Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, harga runcit ayam baru-baru ini ditetapkan pada RM6.00 sekilo. Harga ini akan ditetapkan sehingga Tahun Baru Cina dan Hari Raya pada tahun 2000. Ini bermakna harga runcit ayam ini akan dikekalkan (stable).

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kenaikan harga bahan-bahan makanan haiwan di mana bahan-bahan ini diimport dari negara asing dan oleh kerana kejatuhan nilai Ringgit, jadi ini pun telah menambahkan kos pengeluaran ayam. Oleh itu harga ayam pada masa dahulu, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat iaitu RM2.50, RM4.00, RM5.50 dan RM6.00 sekilo. Jadi kementerian ini sentiasa memantau jika di mana tadi saya katakan bahan-bahan makanan yang diimport sekiranya harga telah turun, ataupun kosnya telah dikurangkan, kementerian ini akan bermesyuarat atau berbincang dengan pihak Persatuan-persatuan Penternak Ayam supaya harganya boleh diturunkan atau satu harga baru boleh ditetapkan.

**8. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Kewangan menyatakan Syarikat Renong sedang mengalami masalah yang kronik akibat hutang yang berlebihan, bagaimana jika pelaburan terus dari luar (FDIs) digunakan untuk menyelesaikan sebahagian masalahnya. Banyak syarikat di Malaysia mengalami masalah yang sama seperti Syarikat Renong, adakah kerajaan akan mempromosikan FDIs untuk membantu syarikat-syarikat seperti yang dilakukan di Korea Selatan dan Thailand.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Renong merupakan sebuah syarikat yang terlibat dengan pelbagai industri termasuk pengangkutan dan komunikasi yang merupakan industri strategi dan penting bagi menjayakan rancangan negara ke arah perindustrian berasaskan teknologi tinggi. Oleh itu sekiranya aset Renong dijadualkan kepada pelabur-pelabur asing bagi mengatasi masalah hutangnya, akan secara langsung menyebabkan sebahagian daripada kepentingan strategi negara dimiliki oleh bukan warganegara. Di samping itu dalam keadaan krisis ekonomi, pelabur-pelabur asing akan

menggunakan kesempatan ini untuk membeli aset syarikat-syarikat pada harga yang paling rendah dan merugikan pemegang saham. Selain daripada itu, aset-aset yang serupa akan tertekan harganya ke tahap yang rendah sekali yang sekaligus merugikan negara. Walaupun kerajaan mengalu-alukan kemasukan pelaburan asing ianya hendak genuine yang berlandaskan konsep 'smart partnership' yang dapat menjanakan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan pendapatan tambahan kepada penduduk-penduduk Malaysia serta memindahkan teknologi terkini kepada syarikat-syarikat tempatan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon pihak kerajaan supaya dapat memberi senarai pengusaha-pengusaha ataupun pihak-pihak yang mendapat kontrak di bawah Syarikat Renong ini sebab kita difahamkan ada pihak-pihak yang menentang kerajaan ini mendapat kontrak daripada Renong yang bernilai berjuta-juta ringgit. Saya minta pihak kerajaan nyatakan senarai nama-nama itu.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya tidak dapat menyenaraikan kontrak-kontrak yang terlibat dengan Renong. Tetapi Renong ini mempunyai syarikat-syarikat subsidi yang tersenarai dan mereka masing-masing menjalankan urusniaganya dan bolehlah saya sebutkan syarikat-syarikat atau anak syarikat itu adalah United Engineers Malaysia Berhad, Cement Industries Malaysia ataupun CIMA, Crest Petroleum, Park May, Commerce Asset Holding, Kinta Kilas, Faber Group, Propel, Foh Hup, EPE Power dan Time Engineering Berhad.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, ia ada 49 syarikat semuanya yang telah disuntik modal melalui FDI sendiri iaitu RM3.49 bilion dan saya hendak tahun nama 49 syarikat tersebut dan mengapa kerajaan hanya meliberalisasikan suntikan modal ini daripada 31 Julai 1998 hingga

31 Disember 2000 dan syarikat manakah yang memegang 100% ekuiti dalam suntikan FDI ini?

**Dato' Wong See Wah: Tuan** Yang di-Pertua, saya memang tidak mempunyai senarai tentang suntikan oleh special purpose vehicle iaitu oleh Danaharta dan Danamodal kepada institusi-institusi kewangan ataupun syarikat-syarikat tertentu yang dijadualkan oleh CDRC. Tetapi bolehlah saya sebutkan jumlah NPL yang diperolehi oleh Danaharta daripada institusi kewangan itu ialah RM24.359 bilion, iaitu yang dibeli RM12.737 bilion daripada bank-bank atau institusi-institusi kewangan dan ada juga yang diuruskan oleh pihak Danaharta RM11.622 bilion, manakala Danamodal juga telah menyuntikkan sejumlah RM6.217 bilion ke dalam 10 buah institusi kewangan di dalam negara ini. Setakat ini terdapat lebih kurang 48 syarikat yang memohon bantuan daripada CDRC untuk mencari cara penyelesaian terhadap hutang masing-masing dan 4 termasuk Renong itu telah dapat mewujudkan cara penyelesaian untuk menyelesaikan masalah hutangnya. Yang baki itu masih dalam proses perbincangan untuk kita menyelesaikannya.

9. **Tuan N. Marimuth** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengkaji kemungkinan melanjutkan umur persaraan anggota-anggota kerajaan dari 55 ke-58 tahun. Nyatakan sebab kenapa kerajaan mengambil keputusan sedemikian.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kerajaan telah juga menerima cadangan melanjutkan umur persaraan dari 55 tahun ke-58 tahun bagi anggota-anggota sektor awam daripada Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) maka kerajaan perlu membuat kajian yang lanjut dan panjang ke atas cadangan ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan sama ada kerajaan daripada hendak mengkaji semula cadangan melanjutkan umur persaraan ke-58 atau 60 tahun, mewujudkan satu skim yang lebih

fleksibel iaitu memberi pilihan kepada anggota-anggota kerajaan yang mempunyai rekod perkhidmatan yang baik sahaja boleh meneruskan perkhidmatan mereka dalam bentuk kontrak, di mana pegawai-pegawai ini boleh menerima pencen dan dalam masa yang sama menikmati elaun semasa berkhidmat dalam kontrak itu.

**Dato' Othman bin Abdul :** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang kerajaan sedang mengamalkan konsep itu di mana pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai rekod cemerlang disambung kontraknya selama 2 tahun dan ditambah lagi 2 tahun.

10. **Tuan Tan Ek Huat** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- a) adakah ia benar bahawa pasaran muzik tempatan kini mengalami proses penguncupan berterusan disebabkan kegiatan cetak rompak yang berleluasa dan dijangka meningkat 50 peratus berbanding dengan produk tulen; dan
- b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah masalah tersebut.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian bersetuju bahawa pasaran muzik tempatan kini mengalami persaingan hebat daripada kegiatan cetak rompak. Jangkaan 50% yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat ini tidak dapat dipastikan oleh industri mahupun kementerian ini. Walau bagaimanapun, kementerian sedang mengambil tindakan yang konkrit untuk menentang aktiviti-aktiviti cetak rompak di Malaysia. Langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ialah seperti berikut:-

- (i) menjalankan program-program kesedaran awam di seluruh negara;
- (ii) penubuhan sebuah Pasukan Petugas Khas Hakcipta secara bersepadu yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan wakil-wakil tuan punya hakcipta untuk membendung kegiatan cetak rompak;

- (iii) mengkaji untuk menggubal undang-undang bagi mengawal dan mengawasi kilang-kilang pengeluaran cekera optik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan sudah habis.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.11 hingga 43 akan dijilid dalam buku berasingan]*

### USUL

#### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kelima Parlimen Yang Kesembilan.” (6 Mei 1999)

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab ada lagi Yang Berhormat yang ingin berucap sehingga pukul 12.00 tengah hari dan selepas itu Kementerian Kewangan akan mula menjawab. Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

**11.05pagi**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk membahaskan Usul Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah diusulkan oleh Yang

Berhormat Puan Tan Ah Eng dan disokong oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Sebelum meneruskan ucapan saya, saya ingin merakamkan ucapan Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda bekas Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar Ibni Tuanku Abdul Rahman yang telah memayungi pemerintahan negara selama 5 tahun. Sepanjang pemeritahan baginda, walaupun keadaan negara ada masanya cemerlang, ada ketikanya menghadapi kegawatan, namun baginda sentiasa dengan tenang, bijaksana di atas dasar Raja Berpelembagaan, menjalankan peranan baginda sebagai pelindung dan penaung kepada pemerintahan negara. Marilah kita berdoa agar baginda terus mendapat kesejahteraan dan kerahmatan daripada Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa yang diberikan kepada saya begitu terhad, saya cuma akan menumpukan ucapan saya kepada hal ehwal pembangunan luar bandar negeri-negeri pertanian yang agak mundur dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Daripada status laporan ekonomi adalah didapati bahawa empat buah negeri iaitu Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan berada di dalam kekangan ekonomi yang lebih kritikal berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Daripada 4 buah negeri ini pendapatan purata bulanan isi rumah bagi tahun 1997 penduduk-penduduk adalah di bawah RM2,000. Jika diperincikan pendapatan penduduk bagi isi rumah negeri-negeri yang berkenaan adalah Kedah RM1,590; Perlis RM1,507; Terengganu RM1,497; dan Kelantan yang terendah sekali RM1,249.

Purata pendapatan penduduk yang rendah adalah berpunca daripada purata pendapatan sektor pertanian yang mencatatkan purata pendapatan iaitu di antara sektor-sektor yang boleh saya sebutkan di sini penanaman padi, purata pendapatannya bulannya RM975 dan penoreh getah RM1,318; yang lain-lainnya adalah di antara pendapatan tersebut. Malah keempat-empat negeri ini telah menunjukkan kadar kemiskinan yang tinggi didahului dengan Kelantan mencatatkan kadar kemiskinan 19.2% daripada penduduk dalam negeri yang berkenaan berada dalam kategori PPRT iaitu hardcore poverty, diikuti dengan Terengganu 17.3%; Kedah 11.5%; dan Perlis 10.7%.



Jika dikaji dari segi pengagihan kaum, jelas menunjukkan negeri-negeri ini diwakili oleh jumlah peratusan bumiputera yang tinggi. Ketidakeimbangan pengagihan kekayaan negara, pendapatan purata yang rendah daripada negeri-negeri miskin yang diwakili sebahagian besarnya bumiputera mengunjurkan ketidakeimbangan pendapatan isi rumah kasar bulanan, purata mengikut kaum bagi negara kita Malaysia yang dilaporkan seperti berikut, pendapatan purata bumiputera adalah RM2,038; bagi kaum Cina pendapatan puratanya RM3,787 yang tertinggi dalam negara, dan kaum India mengatasi bumiputera dengan mencatatkan RM2,896. Dari sudut keperluan negara adalah didapati bahawa kecukupan makanan dan keperluan rakyat tidak dapat ditampung oleh pengeluaran pertanian, perikanan dan ternakan dalam negara. Malah pada tahun 1998 kita telah mengimport 10.4 bilion keperluan makanan berbanding dengan RM9 bilion sebelum berlakunya kegawatan ekonomi di negara kita. Sektor yang paling besar nilai importnya ialah sektor buah-buahan dan sayur-sayuran serta beras yang masing-masing menunjukkan angka RM1.4 juta dan RM1 juta.

Dari sudut politik pula, di sinilah parti pembangkang mengembangkan sayapnya. Mereka mengambil peluang daripada environment yang ada menyogok rakyat dengan berbagai-bagai fitnah di samping menjanjikan sebuah syurga. Bagi rakyat yang sepanjang hayat dihimpit kesusahan amat mudah bagi mereka terpedaya dengan pujuk rayu dan janji manis pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini tidak boleh dibiarkan berterusan. Kerajaan seharusnya mengambil langkah yang lebih serius untuk menjana pembangunan yang lebih terancang. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mewujudkan Dasar Pertanian Negara Ketiga. Saya amat menyokong usaha-usaha yang digariskan dalam DPN 3 iaitu:

- menambah bekalan makanan melalui pengukuhan dan pengagihan tempatan;
- punca bekalan strategik dan kecekapan pasaran;
- meningkatkan produktiviti dan pendapatan melalui pembangunan produk baru;

- pengembangan teknik penjimatan buruh dan penggunaan tanah secara yang lebih intensif;
- Menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam pertanian melalui penubuhan taman teknologi pertanian, pusat enkobeta, bank tanah dan perlonggaran peraturan-peraturan yang mengehadkan pengeluaran.
- Menggalakkan eksport pertanian dengan memperbaiki akses pasaran.
- Memajukan pemasaran langsung dan juga pusat pengedaran serantau bagi produk floriculture tropical dan ikan hiasan serta menggalakkan produk berjenama Malaysia di peringkat antarabangsa.
- Membangunkan Malaysia sebagai 'hub' makanan halal antarabangsa dan mengukuhkan pembangunan sumber manusia, kemahiran, pengetahuan dan teknologi baru termasuk bioteknologi, mekanisasi dan pertanian mapan.

Saya juga menyokong usaha-usaha yang telah disebutkan dalam DPN, iaitu menerajui pembangunan pertanian berasaskan pendekatan perhutani dan produk bagi meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan daya saing. Menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pertanian komersial berskala besar untuk memoden dan mengembangkan sektor ini kepada sektor kecil yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Memperkukuhkan pengeluaran makanan tempatan bagi mengurangkan pengantungan kepada import melalui penzonan tanah pertanian untuk disediakan kepada sektor swasta pada kadar yang nominal.

Menggalakkan penanaman sayur-sayuran secara moden dan berskala besar dan menggalakkan ternakan secara integrasi di ladang. Meneruskan pembangunan infrastruktur asas yang diperlukan untuk pembangunan pertanian. Mempertingkatkan usaha-usaha penyelidikan untuk meningkatkan produktiviti melalui penggalakan tanaman teknologi pertanian. Menggalakkan khidmat latihan pengembangan kepada petani-petani kecil untuk memoden dan meningkatkan produktiviti serta meneruskan

usaha penyusunan semula agensi pertanian dengan memperkemas fungsi dan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan.

Dalam memenuhi gagasan dan cita-cita yang begitu tinggi dan murni serta menggalakkan penglibatan swasta, saya ingin mengingatkan kerajaan agar petani-petani kecil tidak terpinggir. Mereka harus diberi perhatian agar penglibatan mereka lebih ketara dan mampu membawa pulangan pendapatan yang lumayan dan berpatutan kepada keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan cadangan kerajaan supaya pembangunan pertanian berasaskan pendekatan perhutani dan produktiviti, mengukuhkan pengeluaran makanan tempatan dan mengurangkan import. Kerajaan juga harus segera mengezonkan pengeluaran pertanian supaya pengurusan ladang, pengendalian pemasaran dan khidmat pengembangan dapat dilaksanakan secara lebih terancang dan berkesan.

Program 'satu village satu produk', dengan izin, sebagaimana yang dilaksanakan di Oita Prefecture Jepun, mungkin boleh disesuaikan di negara kita dalam bentuk zon. Misalnya keluaran buah-buah mempelam, 'harumanis', 'sala namdukmai' dan lain-lain jenis mempelam boleh diketengahkan dan boleh diusahakan secara besar-besaran di zon-zon yang ditentukan seperti di Kedah, Perlis dan Perak Utara.

Tanaman tebu dan orkid boleh dimajukan di Perlis kerana cuaca dan juga keadaan muka bumi dan tanah di sana begitu sesuai dengan tanaman ini. Buah-buahan seperti durian, rambutan, dokong boleh dimajukan di Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu serta kerajaan mengenal pasti zon sayur-sayuran secara besar-besaran di tempat-tempat yang dikenal pasti dan ditentukan oleh pihak kementerian. Sebagaimana yang dilakukan di Cameron Highlands dan telah terbukti bahawa Cameron Highlands telah dapat mengeluarkan sayur-sayuran yang bermutu tinggi, bukan sahaja untuk kegunaan tempatan tetapi juga untuk kegunaan eksport. Kecuali dalam suatu ketika, Tuan Yang di-Pertua, Cameron Highlands pernah mengalami

masalah penggunaan racun yang begitu tinggi dan saya kira hari ini perkara ini telah pun diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kerajaan mengenal pasti pengeluaran mengikut zon, saya mencadangkan kerajaan menyusun semula agensi pertanian menubuhkan badan-badan berkanun yang diwujudkan khas untuk memberi perkhidmatan sokongan mengikut komoditi. Malahan Universiti Putra Malaysia juga harus mengkaji graduan-graduan mereka agar UPM mengeluarkan graduan yang mempunyai pengkhususan dalam pengeluaran komoditi yang tertentu.

Setahu saya, pada masa yang lepas pihak UPM menjalankan kursus-kursus pertanian secara umum sehinggakan graduan-graduan yang keluar daripada Universiti Pertanian tidak mempunyai pengkhususan dalam bidang-bidang komoditi yang tertentu. Ini pada pandangan saya telah menghambat pencapaian kemajuan pertanian di negara kita.

Saya ingin mengambil model komoditi tanaman padi di mana kerajaan telah berjaya memastikan pengeluaran melalui zon pengeluaran yang dikenal pasti. Agensi sokongan seperti MADA, KADA untuk menjalankan perkembangan dan pengurusan pertanian serta pengurusannya juga dijalankan bersama-sama dengan pertubuhan-pertubuhan peladang yang terlibat di dalam kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan pengeluaran padi.

Pemasaran dilaksanakan melalui Bernas, daripada apa yang telah pun kita laksanakan selama ini kita melihat komoditi ini, pengeluaran padi ini telah dapat dilaksanakan dengan begitu berjayanya dan tidak ada timbul masalah-masalah pemasaran sebagaimana yang berlaku kepada komoditi-komoditi yang lain. Maka dengan itu saya mencadangkan sekurang-kurangnya 3 komoditi diberi keutamaan, iaitu pengeluaran sayur-sayuran, pengeluaran buah-buahan, pengeluaran daging ruminan dan susu. Ketiga-tiga sektor ini perlu diwujudkan agensi yang khusus untuk perancangan berskala besar melibatkan petani-petani kecil dan juga pihak swasta.

Agensi ini bertanggungjawab merancang, memajukan dan menjalankan Reserch and Development (R&D) khusus untuk pembangunan komoditi tersebut.

Persatuan-persatuan peladang yang dikenal pasti dalam zon pengeluaran diberi tanggungjawab khusus untuk menguruskan pengeluaran. Saya juga mencadangkan agar peranan FAMA dikaji semula agar penglibatan yang melebihi mendalam dengan autoriti-autoriti tertentu diberikan kepada FAMA untuk menyediakan saluran pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita memang mengakui bahawa FAMA telah pun menjalankan peranan-peranan pemasaran bagi negara kita tetapi kita tidak dapat melihat kesan yang dilaksanakan oleh FAMA dapat mengatasi masalah-masalah kegawatan dalam pemasaran hasil pertanian. Malahan semasa kita menghadapi keadaan kegawatan ekonomi kita melihat bukan sahaja orang perseorangan tetapi sektor swasta dan juga kerajaan-kerajaan negeri telah menggalakkan petani-petani dan juga pihak swasta untuk mengeluarkan tanaman-tanaman dan juga untuk mengeluarkan sayur-sayuran. Malangnya dalam masa yang sama, sayur-sayuran masih lagi diimport daripada luar negara.

Apabila pengeluaran secara besar-besaran selepas negara menghadapi kegawatan ekonomi dikeluarkan, barang-barang pengeluaran ini tidak mendapat harga yang berpatutan malahan sebagai contoh di Perlis sendiri, apabila kerajaan negeri menggalakkan petani-petani supaya mengeluarkan tanaman sayur-sayuran secara besar-besaran, satu ketika harga mentimun telah pun turun sehingga 20-30 sen yang menyebabkan petani-petani tidak lagi meneruskan usaha-usaha mereka. Ini berlaku kerana tidak ada penyelarasan di kalangan pihak pengeluar dan juga tidak ada satu pengurusan yang khusus menentukan banyak mana pengeluaran dan banyak mana kekurangan keperluan yang perlu diimport daripada luar.

Tuan Yang di-Pertua, kita di sini menggunakan teori supply and demand. Kalau supply daripada luar masih banyak sedangkan demand dalam keadaan yang biasa, kita mengeluarkan supply dalam negara sudah tentu pengeluaran negara tidak akan dapat memberikan pulangan yang berpatutan kepada pengusaha-pengusaha.

Saya melihat peranan FAMA daripada sejak ditubuhkan sehingga hari ini walaupun mereka berusaha untuk menunaikan tanggungjawab mereka sebagai saluran

pasaran tetapi mereka tidak mampu berbuat demikian kerana ruang-ruang dan juga peranan mereka adalah begitu terhad.

Mereka tidak dapat menentukan kemasukan barang-barang daripada luar ataupun komoditi pertanian daripada luar, mereka juga tidak mempunyai angka-angka pengeluaran yang dapat membolehkan mereka membuat satu perancangan yang terperinci malahan, saya difahamkan bahawa baru-baru ini FAMA akan diswastakan tetapi kebelakangan ini kita tidak mendengar sejauh mana kenyataan FAMA ini dapat diswastakan. Bagi saya, saya memikirkan bahawa jika FAMA ini diswastakan sekalipun FAMA tidak akan dapat menjalankan peranannya untuk menjadi sebuah swasta yang menguntungkan kalau dalam keadaan yang ada sekarang ini. Kita boleh mengambil contoh seperti Bernas, dulu disebut Lembaga Padi Negara (LPN). Apabila ia diswastakan dengan peluang-peluang perniagaan, dengan infrastruktur, dengan tenaga kerja ataupun human resource yang mencukupi, kepakaran yang mencukupi, apabila mereka diswastakan, mereka boleh menjalankan kegiatan-kegiatan menguruskan perniagaan beras ini dengan begitu cekap dan berjaya. Mungkin dalam sedikit masa ini menghadapi masalah kerana kegawatan ekonomi malah Bernas sendiri menentukan banyak mana import beras daripada luar dan menentukan pengagihan dan juga penjualan beras-beras tempatan bersama dengan pihak swasta.

Tetapi peranan FAMA jauh daripada apa yang pernah dilakukan atau dapat dilakukan oleh Bernas. Dan kuasa-kuasa yang diberikan kepada FAMA saya kira tidak mencukupi dan tidak mampu bagi FAMA untuk menjalankan peranan mereka sebagai alat pemasaran.

**Kedadaan ini sebenarnya akan menjadikan kerajaan dalam kedudukan yang serba salah kerana bagi rakyat, rakyat merasakan bahawa kerajaan telah mewujudkan satu agensi yang boleh menyelesaikan masalah pemasaran tetapi apabila mereka menghadapi masalah, masalah pasaran itu tidak dapat diselesaikan sehingga menjadi set-back, dengan izin, ataupun menjadi rasa kekecewaan kepada rakyat, kekecewaan kepada agensi kerajaan yang akhirnya**

**mewujudkan rasa kecewa rakyat kepada kerajaan itu sendiri. Oleh itu saya mencadangkan supaya FAMA juga perlu disusun semula agar mempunyai fokus khusus mengikut komoditi-komoditi yang dicadangkan.**

Tuan Yang di-Pertua, pengubahsuaian ini sudah tentu membawa implikasi kewangan yang agak besar. Namun saya percaya sekiranya kerajaan menjalankan kajian dan penyusunan secara berhati-hati maka banyaklah kemudahan sedia ada yang menjadi 'gajah putih' seperti bilik sejuk, pusat-pusat latihan malah kepakaran-kepakaran yang sedia ada yang selama ini terabai boleh di'utilise', dengan izin, bagi menghasilkan produktiviti yang tinggi serta memastikan keperluan makanan negara adalah terjamin.

Dalam suasana politik dunia yang tidak menentu kita perlu melindungi keperluan utama rakyat iaitu makanan yang mencukupi. Dewasa ini kita melihat keadaan dunia tidak lagi aman, kalau kita melihat CNN, sepanjang masa menunjukkan pergaduhan-pergaduhan yang berlaku di Kosovo, yang sekarang ini bukan sahaja sekadar Kosovo menghadapi masalah politik, masalah keselamatan dan masalah pelarian tetapi masalah ini telah menular ke negeri China oleh kerana Kedutaan China telah secara tidak sengaja diserang oleh NATO. Di negara China telah dua hari diadakan tunjuk perasaan menentang Kedutaan Amerika dan juga Kedutaan British.

Kita melihat bahawa dunia sekarang ini tidak stabil sebagaimana pada masa yang lalu. Banyak perkara yang berlaku, pertelingkahan-pertelingkahan yang berlaku yang melibatkan etnik ataupun kaum serta juga yang melibatkan kefahaman-kefahaman dan anutan-anutan agama yang kita bimbang keadaan ini pada masa yang akan datang kemungkinan akan menjadi lebih besar dan akan menjadi tekanan kepada negara kita dalam kita menentukan keperluan dan kecukupan makanan bagi negara. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa pandangan yang saya kemukakan tadi adalah merupakan satu pandangan yang penting, meletakkan isu kecukupan makanan negara adalah sebagai keperluan dan juga keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai 1500 juta masyarakat tani. Bagi mereka yang ada dalam zon pengeluaran seperti padi yang telah diuruskan dengan

begitu berjaya dengan meningkatnya penggunaan mekanisasi, kajian menunjukkan tenaga manusia cuma digunakan selama 168 jam bagi tiap-tiap enam bulan. Maka bererti lebih kurang 202 jam tenaga petani-petani digunakan untuk pengeluaran tanaman padi mereka. Bayangkanlah betapa banyaknya man hours bagi petani, isteri, anak-anak petani yang terbuang begitu sahaja. Masa yang begitu banyak terluang memberi peluang kepada PAS hidup subur dalam masyarakat penanam padi.

Saya mencadangkan agensi pelaksana merancang program income generated, dengan izin, mengadakan projek-projek untuk menghasilkan pendapatan sampingan penanam-penanam padi. Saya mencadangkan program berskala besar, tersusun dan terancang disalurkan kepada pertubuhan-pertubuhan peladang dan pihak-pihak swasta bagi mewujudkan kilang-kilang yang kurang menggunakan mesin tetapi memerlukan tenaga manusia yang lebih. Syarikat-syarikat besar diberi insentif tertentu dalam program-program mewujudkan kilang-kilang bimbingan, vendor kepada masyarakat luar bandar dalam bentuk tanggungjawab bersama. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab bersama adalah tanggungjawab sosial bagi negara kita bukan sahaja patut ditanggung oleh pihak kerajaan tetapi juga harus diberi perhatian oleh pihak swasta yang banyak menanggung ataupun mendapat keuntungan di negara kita. Biar pun kilang-kilang ini dari segi kajian efisiensinya ataupun internal rate of return - I&Rnya agak kurang dibandingkan dengan investment yang dibuat di bandar dan di tempat-tempat yang agak maju, saya kira kilang-kilang ini patut digalakkan untuk mewujudkan program pengeluaran mereka di luar bandar di samping mereka dapat membantu untuk petani-petani luar bandar meningkatkan pendapatan.

Saya berharap supaya program-program sebegini dapat dilaksanakan dan juga diuruskan bersama di antara Kementerian Pertanian dengan Kementerian Pembangunan Usahawan bagi menjayakan program pembangunan makanan halal antarabangsa, saya mencadangkan agar wanita-wanita di luar bandar digalakkan dan dilatih untuk meningkatkan kualiti pengeluaran makanan. Industri kecil pengeluaran makanan perlu ditingkatkan dengan mematuhi peraturan kesihatan dan penggunaan



teknologi moden. Saya juga mencadangkan diwujudkan pusat pengumpulan yang bertindak sebagai quality control, pusat pembungkusan, saluran pemasaran dan juga mewujudkan R&D bagi memajukan sektor pengeluaran makanan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, saya bersama-sama dengan HAWA PENIAGAWATI kita telah pun mengadakan trade fair di Abu Dhabi, membuat satu test market, dengan izin, ataupun kita menguji pasaran di sana, membawa makanan-makanan yang disediakan oleh wanita-wanita kita di luar bandar yang telah kita tingkatkan pengeluarannya, kualitinya dan kita dapati bahawa peluang dan ruang untuk kita memajukan makanan di dalam pasaran halal di negara-negara Timur Tengah memang terbuka.

Saya berharap supaya agensi kerajaan, Kementerian Pertanian dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan memberi perhatian kepada usaha-usaha ini untuk kita memajukan pengeluaran pertanian dan juga pengeluaran makanan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembangunan sosial, saya mengalu-alukan usaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar mewujudkan Program Desa Wawasan. Saya berharap supaya program ini dapat dipertingkatkan, dapat diperluaskan supaya keadaan hidup masyarakat di luar bandar dapat kita majukan. Begitu juga dengan pemikiran penduduk-penduduk luar bandar, kita harus memberikan satu pendekatan dan juga harus diwujudkan suasana pemikiran yang lebih terbuka kepada masyarakat luar bandar.

Saya mencadangkan supaya Program Pintas yang dianjurkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang memberi penekanan kepada khusus keibubapaan, pengurusan kewangan, pengurusan masa dapat

diteruskan dan diberi perhatian yang khusus kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Saya juga berharap supaya Program Pintas ini dapat meluaskan lagi peranan dan juga dapat meningkatkan lagi kursus dalam bidang-bidang kursus ketatanegaraan, memupuk patriotisme masyarakat luar bandar agar dapat kita membina masyarakat yang bertamadun.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya dapat lihat sekarang ini dalam masyarakat luar bandar adalah bagaimana kita menerima pembangunan yang sedang berlaku, bagaimana kita menguruskan pembangunan yang sedang berlaku. Kita dapati ada di antara pihak-pihak yang tidak terdedah dengan pembangunan melihat bahawa usaha-usaha kerajaan membuat pembangunan, melihat usaha-usaha kerajaan untuk mewujudkan satu tamadun bangsa Malaysia yang tinggi sebagai sesuatu yang tidak dapat diterima oleh mereka.

Oleh yang demikian, saya berharap supaya pihak kerajaan mengambil peranan supaya masyarakat di luar bandar juga dapat diwujudkan sebuah masyarakat yang sama-sama berusaha untuk meningkatkan pembangunan diri mereka, keluarga mereka dan juga masyarakat mereka serta mereka dapat menerima pembangunan yang telah dibuat di dalam negara kita, mereka dapat menghayati dan juga dapat menyelami hasrat kerajaan untuk membina sebuah masyarakat yang bertamadun. Dalam masa yang sama, sekali lagi saya ingin mengingatkan pihak kementerian-kementerian yang terlibat dalam pembangunan luar bandar walau apapun pembangunan yang kita jalankan, dalam usaha-usaha kita untuk menggiatkan kegiatan-kegiatan pihak swasta, perlulah diberi penekanan kepada pendapatan perkeluarga masyarakat luar bandar supaya nasib mereka terbela.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk bercakap panjang kerana ada lagi dua rakan saya yang ingin menyampaikan hujah-hujah dalam Usul Terima Kasih

Kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi, dengan pandangan-pandangan yang saya kemukakan tadi, saya turut menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad.

**11.32 pagi.**

**To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang memberi saya untuk bangun turut sama mengucapkan terima kasih junjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 5 April 1999, semasa Perasmian Penggal Kelima Parlimen Kesembilan baru-baru ini. Saya tidaklah hendak mengambil masa panjang kerana masa kita hanya ada setengah jam lagi, hanya saya hendak mengemukakan satu masalah dalam undang-undang pentadbiran syariah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan kerana telah memberi banyak perhatian yang sungguh-sungguh dalam mempertingkatkan pengurusan dan pentadbiran Islam di negara ini. Antara perkara-perkara yang telah dilaksanakan ialah seperti meningkatkan taraf atau menaikkan taraf Bahagian Hal Ehwal Agama Islam daripada satu bahagian kepada jabatan dengan pertambahan ramai pegawai dan kakitangan, juga meningkatkan taraf kehakiman Islam dengan lebih kemas lagi dari segi organisasi dan bangunan-bangunan fizikal Mahkamah Syariah berkenaan, mewujudkan Jabatan Pentadbiran dan Pengurusan Mahkamah-mahkamah di Malaysia

Dewan juga telah banyak meluluskan undang-undang pentadbiran Islam di antaranya seperti Undang-Undang Akta Keluarga Islam, Akta Acara Mal Islam dan juga Akta Acara Jenayah Islam. Walau bagaimanapun, kerajaan telah mempertingkatkan pentadbiran dan pengurusan Islam dan juga pelbagai akta yang

berkaitan dengan Islam yang diluluskan, namun begitu banyak lagi perkara yang perlu diberi perhatian dengan serius oleh kerajaan jika kita mahu melihat pentadbiran Islam itu berjalan dengan kemas dan teratur terutama dalam menangani pelbagai masalah yang melanda umat Islam hari ini.

Kita dapati banyak lagi Mahkamah Syariah memendapkan kes-kes nafkah isteri-isteri yang teraniya, isteri-isteri yang ditinggal dan pelbagai lagi. Dan bagi isteri-isteri yang bekerja, walaupun mengalami masalah-masalah yang seumpama saya sebutkan tadi iaitu masalah kes tertanggung yang terpaksa berulang alik ke Mahkamah Syariah hari demi hari, bulan demi bulan tetapi kes tidak juga selesai dan juga kadang-kadang terdapat hakim atau pegawai-pegawai di Mahkamah Syariah tidak ada, pergi berkursus dan pelbagai lagi.

Bagi mereka yang bekerja, tidaklah begitu bermasalah kerana mereka ada pekerjaan dan boleh menanggung anak-anak yang setiap hari perlu diberi makan, perlu diberi pelajaran, pakaian mereka perlu ditukar tetapi bagi wanita-wanita yang tidak bekerja adalah menjadi suatu yang amat pahit dan merana. Tambahan lagi kalau isteri-isteri yang teraniya ini tinggal di ibu negara, di rumah-rumah pangsa, apa yang mereka boleh buat, kalau di kampung lainlah cerita, setidak-tidaknya boleh memetik pucuk ubi, pucuk paku dan sayur-sayur yang boleh menahankan penderitaan mereka yang adalah harapan sedikit. Tetapi bagi mereka yang tinggal di rumah-rumah pangsa, ibu-ibu yang macam ini ke manakah mereka ini hendak tuju.

Maka dengan ini, saya berharap supaya Mahkamah Syariah mengambil perhatian yang serius terhadap kes-kes semacam ini supaya dapat berjalan dengan licin dan sempurna. Jika kes-kes tuntutan nafkah lambat diselesaikan disebabkan kekurangan hakim dan sebagainya, maka meranalah dan yang menanggung beban ialah

isteri. Banyak kedengaran kadang-kadang kes-kes yang disebabkan kesempitan hidup ramai wanita yang telah terjerumus ke kegiatan yang tidak bermoral.

Oleh itu, saya ingin bertanya kenapa dan mengapakah perkara ini boleh berlaku. Kita sering mengikuti taklimat-taklimat yang diberikan oleh Mahkamah Syariah, nampaknya okay semua tetapi disebaliknya K.O. Jadi, inilah yang menjadi masalah bagi kita, di mana silap dan di mana kelemahannya. Setiap kali kita mendengar taklimat memang kita rasa lapang dada, insya-Allah akan terbela tetapi hakikat yang sebenarnya, yang merana tetap merana, yang seksa tetap seksa.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya kerajaan hendaklah mempercepatkan penambahan Hakim-hakim Syariah di seluruh negara supaya kes-kes yang berkaitan dengan tuntutan nafkah dan sebagainya tidak tergendala disebabkan tidak ada hakim atau hakim berkursus dan begitu juga pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlatih dan juga unit-unit kaunseling dipertingkatkan.

Satu lagi masalah ialah sejak akhir-akhir ini banyak ajaran sesat timbul di sana sini, penyebaran Islam oleh golongan-golongan yang tidak memahami Islam, rata-rata menyebarkan fitnah dan menghalalkan apa juga cara asalkan tujuan politik mereka tercapai.

Saya bimbang keadaan sekarang ini saya nampak apa yang jelas hari ini kegiatan parti lawan, parti pembangkang dalam menyebarkan fitnah dan juga meracuni fikiran rakyat sejak tahun 1955 hinggalah sekarang ini tidak semakin berkurang bahkan semakin bertambah. Kalau tahun 1955 – 1959 ditaburi dengan fitnah kepada orang-orang kampung dengan dakwaan siapa yang memangkah bulan bintang ketika itu maka syurgalah jawabnya dan ini menyalahi akidah sehingga hari ini pun terdapat lagi ramai penganut Islam yang telah diselewengkan akidah oleh parti pembangkang sampai hari pun masih terdapat, dan kini saya bimbang racun-racun ini ditabur kepada

generasi-generasi muda, di bangku-bangku sekolah, di universiti-universiti dan lain-lain lagi dengan satu tujuan ialah untuk menjatuhkan kerajaan yang ada hari ini.

Saya tidak bimbang, tetapi apa akan jadi kepada umat Islam hari ini kalau kita senantiasanya bersengketa dan meracun fikiran-fikiran rakyat yang tidak berdosa, anak-anak kita yang perlu belajar yang perlu memperkembangkan diri untuk menjadi pengganti pemimpin di masa hadapan dan pemimpin-pemimpin pembangkang ini sanggup menjualkan ayat Quran dan membaca ayat-ayat Quran walaupun mereka tidak tahu apa maksud yang sebenar, apakah tafsiran yang sebenar dibuat, asalkan mereka puas hati, walhal Allah telah memberi amaran kepada kita dalam Quran [*membaca ayat Quran*] maksudnya, “*jangan kamu jual sekali-kali ayat Quran dengan harga yang sedikit*”. Saya yakin kalau kerajaan hari ini mengambil perhatian yang serius terhadap perkara-perkara ini dari masa kecil-kecil dahulu, dari sedikit dahulu, maka saya rasa perkara ini tidak akan berlaku.

Saya berpuas hati dengan kerajaan Barisan Nasional yang dahulunya dikenali sebagai Perikatan dalam menerajui kerajaan daripada tahun 1955 sehingga mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dengan janji-janjinya yang pertama untuk menebus kembali maruah bangsa dan negara melalui pilihan raya dan alhamdulillah tahun 1957 kita merdeka. Dan seterusnya mengisi pembangunan hinggalah ke hari ini, hinggalah kita sampai ke Dewan yang mulia ini hinggalah kita berjaya, kerajaan berjaya melengkapkan diri generasi daripada tahun 1959 hingga ke hari ini di bidang jurusan-jurusan tertentu seumpama menambahkan banyak akauntan, doktor, engineer dan sebagainya. Ini membuktikan bahawasanya kalau mengikut dari segi Islam bahawasanya Allah meredai kepimpinan yang ada hari ini sebagaimana firman Tuhan [*membaca ayat Quran*] maksudnya, “*sekiranya kamu menolong menjalankan perkara kebaikan pada jalan Allah maka Allah akan menolong kamu*”. Maka saya minta supaya kerajaan mengambil perhatian yang serius dalam perkara ini. Dari itu saya berharap kesempatan ini yang diambil disebabkan pentadbiran dan pengurusan daerah di seluruh negara belum lagi diberi perhatian disusun dengan kemas dan sempurna.

Keperluan setempat hendaklah diberi perhatian. Kalau dari segi kesihatan fizikal ataupun bangunan, kerajaan sanggup memperuntukkan peruntukan yang begitu banyak untuk mendirikan hospital-hospital atau pusat kesihatan daerah dan juga sampai ke peringkat mukim dan juga setiap daerah di negara ini mempunyai pejabat daerah di seluruh negara. Saya mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan pejabat-pejabat agama di setiap daerah dan mukim bagi mempertingkatkan agama Islam di seluruh negara. Dari itu sebagai menangani masalah rohani, dakwah dan kaunseling keluarga maka adalah sampai masanya kerajaan mewujudkan jabatan yang seumpama itu di daerah-daerah. Jabatan ini hendaklah diadakan pegawai-pegawai yang lengkap dan terlatih bagi mengendalikan masalah-masalah agama di peringkat daerah sehinggalah ke peringkat mukim. Dengan adanya pejabat-pejabat agama dan daerah yang berasingan daripada pejabat kadi dan mahkamah syariah maka banyaklah masalah-masalah dapat diatasi seperti dakwah songsang, ajaran sesat, masalah kaunseling rumah tangga, pembangunan keluarga bahagia mengikut lunas-lunas dan banyak lagi perkara yang berkaitan dengan hal-ehwal agama Islam.

Satu lagi perkara yang ingin saya sebutkan di sini yang patut diberi perhatian oleh pihak kerajaan ialah pembangunan ekonomi kampung masyarakat Islam, di mana negara kita dilanda oleh kegawatan ekonomi maka statistik kadar kemiskinan rakyat makin meningkat. Bukan sahaja masalah atau beban ekonomi ini lebih terasa oleh ibu-ibu tunggal yang hilang tempat pergantungan, di samping itu program-program ekonomi dijalankan oleh kerajaan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia, maka ini masih lagi tidak mencukupi, dari itu satu lagi sumber ekonomi yang tidak diurus secara profesional ialah daripada sumber zakat iaitu daripada asnaf fakir miskin dan asnaf fissanillillah. Begitu juga saya minta supaya bagi pihak Jabatan Agama Islam memikirkan atau memindahkan daripada asnaf-asnaf alqhorimin dan juga alriqhaf di mana sekarang ini dalam negara Malaysia saya kira, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lagi hamba-hamba dalam negara kita ini. Begitu juga orang berhutang, di mana pun kita dengar hari ini semuanya orang berhutang, tetapi hutang itu tidak perlu dibayar, tidak perlu diberi bantuan oleh Majlis Agama Islam atau asnaf alqhorimin, kerana

kita hutang kereta, hutang beli rumah, hutang beli saham yang mana tidak termasuk dalam kategori ini. Maka saya harap supaya dapat dipindahkan kedua-dua asnaf ini kepada asnaf fissabilillah atau asnaf fakir miskin.

Kita dapat tahu setiap tahun kutipan zakat ini begitu meningkat, akan tetapi kebanyakan negeri-negeri tidak melaksanakan sistem agihan zakat ini dengan lebih sempurna dan kemas, seperti apa yang dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang mana banyak program yang telah diatur dan juga program-program yang telah diberi agihan ini kepada masyarakat-masyarakat fakir dan miskin melalui peniaga-peniaga kecil dan bantuan-bantuan bulanan dan juga menubuhkan pusat-pusat kemahiran bagi belia-belua yang menganggur dan tercicir

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad:** Sedikit lagi. Bagi ibu-ibu tunggal yang ingin memulakan pekerjaan atau membuat perniagaan kecil seperti menjual nasi lemak, goreng pisang dan sebagainya memang sudah, Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapat pinjaman atau bantuan sebanyak antara RM500 dengan RM1,000. Maka saya sarankan supaya bantuan Agama Islam ini di bawah asnaf fakir miskin ini dapat memberi bantuan perniagaan kecil ini kepada suri-suri rumah, belia-belua dan lain-lain lagi untuk mereka memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dan bantuan ini memang boleh diberi mengikut lunas-lunas Islam dengan sistem yang betul dan adil.

Saya rasa oleh kerana masa pun tidak mengizinkan, maka Tuan Yang di-Pertua, saya akur pada apa yang disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya turut sama menyokong Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya bagi sampai 12.10 tengah hari, saya beri lebih masa sedikit. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, minta maaf sedikit, beri 10 minit sahaja.

### **11.53 pagi**

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi juga saya peluang untuk memberi sedikit pandangan dalam Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menamatkan satu penggal pemerintahan yang aman, adil dan makmur.

Sebenarnya saya ingin memberi penekanan kepada apa yang telah banyak ditimbulkan dewasa ini, dalam kesyukuran kita kepada Allah s.w.t. yang negara kita walaupun di dalam keruncingan ekonomi dan juga adanya cetusan-cetusan kegelisahan dan perasaan, masih dapat kita mengekalkan keamanan di dalam negara ini. Dan saya inginlah memberikan pandangan bahawa kejayaan kita mengekalkan keamanan dalam negara ini ialah kerana pemerintahan negara kita adalah berteraskan sistem perundangan dan pemerintahan undang-undang dengan izin, rule of law yang mantap lagi kukuh di dalam negara berteraskan Perlembagaan bertulis dan perundangan-perundangan yang bertulis dalam sistem kehakiman yang mantap.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah dikemukakan di dalam akhbar dan juga kita sendiri telah dapat dilihat di kaca televisyen bahawa ada rasa tidak puas hati dan ada yang merasakan bahawa mencurigai sistem keadilan dan sistem yang berteraskan terus kepada sistem kehakiman negara. Sebenarnya sistem kehakiman di negara ini adalah sangat mantap dan ianya adalah berteraskan kepada Perlembagaan yang sedia memperuntukkan peruntukan-peruntukan mengenai kuasa yang diberi untuk mentadbirkan keadilan di dalam negara ini. Saya yakin, bahawa apa yang telah berlaku, adanya kecurigaan terhadap sistem kehakiman negara ini ialah kerana tidak adanya kefahaman yang mendalam dan mungkin juga kerana tidak adanya pengetahuan

mengenai undang-undang yang wujud dan juga mungkin kepada satu tahap yang tertentu, gagal juga kita dari sistem keadilan kita menunjukkan bahawa keadilan bukan sahaja dilaksanakan tetapi dapat dilihat dilaksanakan.

Justeru itu saya berpendapat bahawa adalah penting sebenarnya rakyat diberikan kefahaman, diberikan kesedaran tentang sistem keadilan yang ada di negara ini. Saya hanya sedikit mengambil imbasan sejarah bahawa sistem kehakiman di negara kita telah bermula dalam tahun 1802 lagi sebelum datangnya juga pentadbiran British dan seterusnya kita telah membangunkan sistem kehakiman ini terutamanya selepas merdeka dengan banyaknya unsur-unsur yang lebih local atau Malaysianization dan kita dapati juga perkembangan kehakiman ini terus berkembang dalam tahun 1988 apabila kita memisahkan diri kita dengan Britain dan kita membubarkan Privy Council dan kita mempunyai mahkamah kita sendiri. Dan kita juga telah melalui pelbagai krisis perlembagaan terutamanya dalam tahun 1988 yang sebenarnya telah terus dapat memantapkan sistem pemerintahan undang-undang di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyatakan di sini bahawa jika banyak mempertikaikan tentang kebebasan kehakiman yang ada di negara ini, saya ingin juga menyatakan di sini bahawa kebebasan di negara ini mempunyai safe-guards dengan izin, seperti mana diperuntukkan di dalam Perlembagaan. Ada enam jenis safe-guards dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan yang mana kita sebenarnya tidak dapat tidak boleh mempertikaikan kebebasan kehakiman di negara ini, cumanya mungkin ada beberapa perkara yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan supaya apa yang sebenarnya dilaksanakan, apa yang dikatakan sistem keadilan itu benar-benar dapat dilihat oleh rakyat jelata adanya keadilan, dan keadilan itu adalah berasaskan undang-undang dan bukannya budi bicara mereka yang mentadbirkan keadilan di negara ini. Saya beri contoh ialah seperti tentang

perlantikan hakim. Perlantikan hakim adalah diperuntukkan di dalam Perlembagaan di bawah Perkara 122(b), dan kita dapati di bawah perlantikan hakim ini sebenarnya ada syarat-syarat tertentu yang dinyatakan di bawah Perkara 123, yang mana kita tidak dapat lari bahawa seorang hakim yang dilantik adalah seorang hakim yang mempunyai pengalaman sebagai peguam selama 10 tahun ataupun ianya seorang ahli judicial dan legal service.

Jadi, di sini mungkin ada yang mempertikaikan tentang perlantikan hakim dari segi kelayakan dan mungkin juga ada yang mempersoalkan tentang bagaimanakah seorang hakim itu yang akan membicarakan sesuatu kes dan bukannya sesuatu kes yang tertentu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara ini disoalkan dan perlu diperjelaskan kepada rakyat dan kita dapati bahawa peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan ini mencukupi untuk sebenarnya memastikan bahawa integriti dan kaliber hakim-hakim yang dilantik itu adalah sebenarnya hakim-hakim yang mempunyai kelayakan. Kita dapati bahawa mereka juga adalah ditentukan tempoh masa yang mana tidak boleh seseorang hakim itu dikeluarkan atau ditamatkan tempoh khidmatnya tanpa sebab-sebab tertentu iaitu sebab-sebab menyalahi etika dan sebagainya dan ada peraturan-peraturan yang tertentu.

Juga saya ingin menarik perhatian kepada Perkara 156 dan 127 yang memberikan peruntukan-peruntukan bagaimana hakim itu sebenarnya bebas daripada pengaruh politik yang sepatutnya jelas diperuntukkan di dalam Perlembagaan dan sepatutnya hakim-hakim juga dapat menjelaskan kepada rakyat bahawa ianya tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak di dalam membuat keputusan. Begitu juga kita mengingatkan kepada pihak kehakiman tentang judicial transparency and accountability bahawasanya segala keputusan di mahkamah hendaklah lebih mementingkan public order dan juga kepentingan kepada pihak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu pegawai lagi dalam sistem kehakiman ialah Peguam Negara. Peguam Negara juga menjadi satu isu yang banyak dibangkitkan. Persoalan-persoalan tentang peranan Peguam Negara, kita dapati bahawa Peguam Negara dilantik juga mengikut peruntukan Perlembagaan iaitu Perkara 143(3) yang memberi kuasa budibicara yang membolehkan Peguam Negara memulakan prosiding di mahkamah. Persoalan yang banyak timbul ialah bagaimanakah Peguam Negara mengguna kuasa budibicaranya dalam menentukan sama ada satu-satu kes itu dapat diteruskan ataupun tidak. Ada anggapan bahawa Peguam Negara menggunakan kuasanya itu tanpa ada sekatan-sekatan tertentu. Tetapi apa yang perlu kita faham ialah bahawa Peguam Negara walaupun diperuntukkan di bawah Perkara 143(3) boleh menggunakan kuasa budibicaranya memulakan prosiding di mahkamah tetapi sebenarnya kuasa itu ialah kuasa budibicara yang terhad kepada kuasa yang tidak merupakan kuasa yang menyalahi undang-undang yang tidak sebenarnya merupakan kuasa mutlak yang hanya boleh digunakan oleh Peguam Negara untuk melaksanakan tugasnya. Juga di bawah Criminal Procedure Code, Peguam Negara boleh menukar atau meminda segala pertuduhan-pertuduhan yang telah dilakukan.

Di sini inginlah saya menyatakan bahawa kita juga perlu ingat bahawa Peguam Negara boleh dipersoalkan tentang keputusan-keputusan yang dibuatnya dan ianya boleh dibawa juga ke mahkamah untuk dipertikaikan tentang keputusan-keputusannya. Jadi di sini, ini bermakna bahawa Peguam Negara sebagai ahli mahkamah juga adalah tertakluk kepada judicial review dan ini tidak bermakna bahawa sistem yang ada wujud itu tidak merupakan sistem yang mapan.

Yang ketiganya, Peguam Negara ini tidak boleh bertindak sebagai Pendakwa Raya tanpa bantuan polis. Jadi polis ini juga adalah merupakan satu daripada isu yang juga perlu dilihat daripada satu pandangan yang memerlukan banyak kita memberi pertimbangan dan kita juga meminta kepada pihak kerajaan untuk dapat meneliti kembali tentang institusi polis. Walaupun kita tahu bahawa polis juga merupakan satu institusi yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan yang juga diberi kuasa mengikut Perlembagaan, walau bagaimanapun perkara-perkara tertentu yang dilaksanakan polis

dewasa ini banyak menimbulkan juga persoalan terutamanya dalam segi kuasa polis menyoal, menangkap, menggeledah dan juga tatacara tindakan yang dilaksanakan oleh polis dan juga cara polis melaksanakan tugasnya yang lebih berbentuk adversarial dengan izin, daripada inquisitorial yang mana kita dapati banyak pihak tertuduh lebih ditekankan untuk membuat pengakuan yang membolehkan kes-kes itu dibawa ke mahkamah.

Saya juga ingin membangkitkan tentang kelulusan polis terutamanya apabila ianya mengambil alih tugas-tugas sebagai Pendakwa Raya. Kita dapati bahawa tindakan-tindakan terhadap polis adalah amat sukar jikalau terdapat masalah-masalah terhadap polis dan dalam masa yang sama oleh kerana perkara-perkara yang tersebut ini, imej polis juga tidak menyakinkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan dalam mengenal pasti masalah-masalah yang saya sebutkan tadi bahawa pihak kerajaan diminta mengkaji semula tentang institusi polis dan melihat kembali apakah peranan polis ini dapat berfungsi dengan lebih efisien, dengan kita mengadakan beberapa pindaan dan perubahan-perubahan kepada tatacara, peraturan-peraturan termasuk juga CPC yang saya juga telah pun kita luluskan, reviewed CPC mungkin juga perlu dikaji semula.

Dalam masa yang sama, saya juga ingin menyarankan kebajikan polis perlulah diberi perhatian kerana banyak tindak-tanduk polis juga akan sebenarnya dapat dilihat daripada kebajikan polis yang mungkin tidak dilihat secara menyeluruh contohnya seperti segi gaji, perumahan dan juga pendidikan untuk anak-anak polis.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya dalam kita membicarakan tentang pemerintahan keadilan ini ialah Ahli Majlis Peguam. Ahli Majlis Peguam adalah pegawai-pegawai mahkamah yang menentukan pentadbiran keadilan di dalam kehakiman. Ahli-ahli Majlis Peguam juga adalah tertakluk kepada etika-etika profesion di mana perilaku mereka adalah dipantau dari masa ke semasa mengikut peruntukan daripada peruntukan etika ini. Walau bagaimanapun, saya ingin juga menyarankan bahawa kerajaan juga perlu melihat kembali kepada peruntukan-peruntukan etika yang disebutkan di dalam profesion peguam dan kita juga mahukan

bahawa pemantauan yang lebih efisien dapat dilaksanakan untuk memastikan bahawa perilaku peguam-peguam juga dapat dipantau dan seterusnya supaya kita pastikan bahawa keberkesanan peguam-peguam di mahkamah dapat memberikan sumbangan yang lebih bermakna di dalam pemerintahan keadilan dan juga pelaksanaan keadilan.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa apa yang telah banyak dibangkitkan tentang contempt of court dengan dengan izin. Undang-undang mengenai 'contempt of court' juga dapat diberikan perhatian untuk diulang kaji semula agar ianya dapat menepati kehendak dan maksud 'contempt of court' sepertimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan demi kita memastikan bahawa keadilan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan oleh kerana tidak wujudnya atau mungkin kurang adanya persahabatan dan silaturrahim di antara ketiga-tiga pegawai kehakiman ini iaitu hakim, peguam negara, polis dan juga peguam-peguam mungkin boleh dipertimbangkan satu Majlis Pengamal Perundangan Negara diwujudkan untuk menunjukkan satu fraternity bagi mereka yang mempunyai latar belakang undang-undang dapat sama-sama menjalinkan silaturrahim, semangat persaudaraan, 'brothers in-law' dengan izin, kita dapat sama-sama menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi terutamanya masalah-masalah terkini yang kita dapati lebih teruncing kerana terdapat seolah-olah wujud animosity dengan izin, antara ketiga-tiga pegawai kehakiman ini. Ini adalah tidak memberi manfaat kepada rakyat jelata, dalam kita mentadbirkan undang-undang.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa kerajaan juga mengadakan Legal Literacy Programme yang lebih luas untuk rakyat memahami tentang undang-undang dan tidak menyalahafsirkan undang-undang yang wujud dan tidak membuat tuduhan yang saya rasa juga akan memudaratkan negara.

Saya juga ingin mencadangkan semakan undang-undang diberi kepada undang-undang seperti Internal Security Act, Official Secrecy Act, yang pada saya apabila kita melihat kepada next millennium yang akan datang, kita lebih bergantung kepada komputer yang mana maklumat-maklumat tidak akan dapat disekat, idea-idea manusia tidak dapat lagi kita bendung dengan adanya akta-akta yang sebegini kerana

maklumat-maklumat, idea-idea, aspirasi-aspirasi manusia ini dapat terus disebarikan tanpa adanya sekatan-sekatan. Mungkin ada baiknya kalau kita dapat menyemak semula undang-undang ini supaya ianya memberi justifikasi kepada millennium yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga ingin mencadangkan personaliti bagi jawatan tinggi, ketiga-tiga badan ini perlulah merupakan personaliti yang mempunyai kewibawaan yang tinggi kerana kita dapati bahawa ada masalah-masalah tertentu sebab adakalanya personaliti yang menerajui satu-satu institusi yang tertinggi itu mempunyai rekod latar belakang yang mungkin tidak berapa sesuai tetapi masih lagi menerajui satu-satu institusi itu. Ini tentulah akan menjadi satu mudarat kepada pelaksanaan tugas-tugas yang akan dilaksanakan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang ingin saya sampaikan mungkin ada yang tertinggal tetapi saya ucapkan terima kasih sekali lagi kerana memberi peluang saya untuk berucap dan saya menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

**12.10 tgh.**

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah Diraja khususnya dengan mengemukakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan mengenai isu-isu dan permasalahan di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan serta dalam memberi sokongan kepada usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara. Saya akan perjelaskan seberapa banyak yang boleh kepada perkara yang telah dibangkitkan. Sekiranya saya tidak dapat atau tidak sempat memberi maklumbalas pada hari ini, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Kewangan akan memberi perhatian kepada semua perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, ekonomi negara kini dalam fasa pemulihan setelah menguncup sebanyak 6.7% pada tahun 1998 akibat kesan penularan krisis kewangan serantau. Hakikat ini dapat dilihat berdasarkan beberapa petunjuk utama ekonomi negara misalnya keluaran sektor benar ekonomi telah pulih di mana indeks pengeluaran sektor perkilangan telah meningkat semula sebanyak 5.9% pada bulan Februari 1999 berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Jika dibandingkan indeks pengeluaran bagi bulan Januari 1999, pengeluaran sektor perkilangan telah meningkat dengan lebih ketara iaitu sebanyak 10.5%. Perdagangan luar negara mencatat lebihan yang besar sebanyak RM58.5 bilion tahun 1998 dan RM15.7 bilion dalam tempoh Januari-Mac 1999. Sejak bulan Oktober 1998, eksport dalam nilai dolar Amerika Syarikat telah pulih dengan mencatatkan kadar pertumbuhan 4.2% pada bulan Mac 1999. Lebihan perdagangan yang besar membolehkan akaun semasa imbalan pembayaran mencatatkan lebihan sebanyak RM36.1 bilion ataupun 13.7% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) pada tahun 1998. Berbanding dengan defisit sebanyak RM14.1 bilion pada tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah rizab negara meningkat kepada US\$28.6 bilion yang mampu membiayai lebih daripada 6 bulan import tertanggung pada akhir April 1999. Berbanding US\$20.2 bilion hanya mampu membiayai 38 bulan, import tertanggung akhir Ogos 1998. Jumlah rizab semasa adalah hampir empat kali lebih tinggi daripada jumlah tanggungan luar jangkaan pendek. Hakikat ini menunjukkan asas dan daya tahan ekonomi negara pada kejutan luar sudah pun bertambah kukuh. Sentimen pelaburan di pasaran saham telah beransur pulih dengan indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur meningkat kepada 717.58 mata pada 6 Mei 1999, iaitu peningkatan melebihi 173% berbanding dengan 262.7 mata pada 1 September 1998. Peningkatan keyakinan ini adalah berikutan asas-asas ekonomi yang bertambah kukuh. Tahap keyakinan pengguna telah juga meningkat misalnya jumlah jualan kereta penumpang meningkat sebanyak 178.6% iaitu daripada 7,427 unit pada bulan Mac 1998 kepada 20,694 unit pada bulan yang sama tahun ini. Bagi keseluruhan tahun 1998, jumlah jualan kereta penumpang adalah sebanyak 142,459 unit manakala dalam



tempoh suku pertama tahun 1999, jualan kereta penumpang berjumlah 55,835 unit berbanding dengan 23,135 unit dalam tempoh yang sama tahun 1998. Kadar inflasi semakin berkurangan iaitu daripada paras 6.2% pada bulan Jun 1998 kepada 2.9% sahaja pada bulan April yang lalu. Kadar inflasi yang berkurangan ini telah membolehkan kerajaan menurunkan kadar faedah. Bagi mencergaskan aktiviti ekonomi tanpa menjejaskan pulangan benar bagi penampung.

Bilangan jawatan kosong yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Rakyat pula, meningkat daripada 4,244 jawatan kosong pada bulan Oktober 1998 kepada 7,320 jawatan kosong pada bulan Mac 1999, selaras dengan pemulihan ekonomi. Petunjuk-petunjuk ekonomi yang saya sebutkan tadi jelas mencerminkan bahawa ekonomi negara bukan sahaja berada dalam landasan pemulihan tetapi daya tahannya kepada kejutan luar telah bertambah kukuh berikutan peningkatan rizab dan pengurangan tanggungan luar jangka pendek negara. Kerajaan yakin ekonomi negara akan berkembang sebanyak 1% pada tahun 1999. Ini adalah satu pemulihan yang amat ketara jika dibandingkan dengan penguncupan sebanyak 6.7% pada tahun 1998. Malah institusi-institusi kewangan seperti Goldman and Sachs dan Institute of International Finance menunjukkan Malaysia dapat mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 2% - 3% bagi tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, berbagai isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Kementerian Kewangan semasa membahaskan Titah Diraja. Isu-isu ini termasuk dana yang diuruskan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad, peruntukan pembangunan, pembahagian kontrak kerajaan dan prosedur Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Mengenai cadangan supaya dana khas rumah kos rendah dan sederhana dan murah yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia diuruskan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad ataupun SPN sebagaimana dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli, untuk makluman Yang Berhormat, Skim Khas Perumahan Kos Rendah dan Sederhana telah ditubuhkan pada 1 Mei 1998 dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion. Objektif penubuhan adalah untuk menambahkan

penawaran rumah-rumah kos rendah dan sederhana yang bernilai RM150,000 dan ke bawah.

Pada awal penubuhannya semua permohonan pinjaman di bawah skim ini perlu dimajukan kepada SPN untuk diproses dan disokong oleh pihak SPN. Setelah mendapat sokongan daripada SPN pihak pemaju akan mengemukakan permohonan tersebut kepada institusi-institusi kewangan pelaksana untuk mendapatkan pinjaman. Semenjak dari tarikh mula operasi SPN pada 1 Jun hingga 5 Oktober 1998 SPN telah meluluskan 60 projek bernilai RM732.8 juta kepada pemaju-pemaju perumahan untuk membina rumah kos rendah dan sederhana. Kelulusan berkenaan melibatkan 50,725 unit rumah iaitu 13,644 rumah kos rendah, 13,482 rumah kos sederhana rendah dan 23,599 rumah kos sederhana. Bagaimanapun kerajaan telah memutuskan pada 5 Oktober, 1998 supaya proses permohonan untuk skim tersebut ditimbang terus oleh institusi kewangan pelaksana tanpa melalui proses penilaian kelulusan daripada SPN. Berikutan daripada perkembangan ini SPN sedang menggunakan dana RM1 bilion daripada terbitan bon untuk membeli rumah-rumah kos rendah secara pukal dari pemaju perumahan bagi mengatasi masalah kekurangan rumah kos rendah terutamanya di bandar-bandar besar. Pembelian ini dibuat secara prapembinaan fizikal bagi membolehkan pemaju-pemaju berkenaan mematuhi aspek-aspek penilaian teknikal, kewangan dan komersial SPN.

Pembelian oleh SPN pada peringkat ini juga akan membantu pemaju mendapat sumber pembiayaan daripada SPN dan bagi memajukan projek berkenaan dan pembangunan rumah kos rendah tidak tergendala disebabkan oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh pemaju. Bagi mempercepatkan pemprosesan permohonan pinjaman di bawah skim ini kerajaan pada 5 Oktober 1998, telah memutuskan supaya semua permohonan hendaklah dikemukakan terus kepada institusi kewangan pelaksanaan dan sebarang keputusan untuk memberi pinjaman akan diputuskan oleh institusi kewangan itu sendiri. Oleh yang demikian, bermula dari tarikh tersebut pemaju perumahan tidak perlu lagi mengemukakan permohonan kepada SPN. SPN sedang berunding dengan pihak berkuasa kerajaan negeri untuk mendapatkan tapak-

tapak strategik bagi membina rumah kos rendah dan sederhana. Sehingga 30 April 1999 SPN telah meluluskan pembelian sebanyak 2,506 unit rumah kos rendah bernilai RM94.5 juta untuk 3 projek di sekitar Lembah Klang.

Pada masa yang sama banyak lagi projek yang dikenalpastikan oleh SPN dan bahagiannya dalam peringkat perundingan. Berkenaan dengan dakwaan mengenai SPN yang telah diberi peruntukan yang banyak iaitu RM1.5 bilion tetapi pencapaian membina rumah adalah kurang memuaskan. Untuk maklumat Yang Berhormat, kerajaan hanya memperuntukkan RM1 bilion kepada SPN melalui Bank Negara Malaysia untuk menyediakan pembiayaan titian atau dengan izin bridging finance di bawah skim khas perumahan kos rendah dan sederhana kepada pemaju-pemaju. Manakala RM1 bilion lagi diperolehi melalui terbitan bon kepada Petronas dengan bayaran faedah tetap sebanyak 3% setahun untuk tempoh matang 5 tahun. Mengenai cadangan memberi lebih banyak peruntukan bagi pembinaan rumah-rumah guru di Sarawak yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Ting Chek Sii, ingin saya menjelaskan bahawa sebanyak RM9,164,500 juta telah diperuntukkan bagi tahun ini untuk membiayai, 243 projek rumah guru di luar bandar bagi negeri Sarawak. Daripada keseluruhan projek ini sebanyak 181 projek sedang di dalam pembinaan, 27 dalam peringkat perancangan, dan 35 dalam peringkat permohonan tanah.

Berhubung dengan soal ketidakadilan dalam perolehan kerajaan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Encik Rosli bin Ahmad, sebenarnya ianya tidak timbul kerana setiap perolehan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan adalah tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dan surat-surat pekeliling kerajaan yang disemak dan dikemas kini dari masa ke semasa. Garis panduan ini telah ditetapkan supaya setiap perolehan itu mestilah telus dan perlantikan kontraktor dibuat secara adil dan saksama oleh Lembaga Perolehan Agensi-agensi Kerajaan. Mengenai cadangan supaya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adakan satu prosedur baru seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi iaitu bagi penamaan baru untuk ahli berkahwin lain supaya tiada pertikaian antara penamaan lama dengan status keluarga baru. KWSP

sebenarnya telah pun menyediakan borang penamaan untuk diisi oleh ahli yang berkenaan. Dalam borang tersebut ahli boleh memasukkan nama sehingga 10 orang penama. KWSP tidak mengehadkan bilangan penama jika ahli ingin memasukkan lebih daripada 10 orang penama, ahli perlu mengisi lebih daripada satu borang dan ahli mestilah menentukan peratus ini yang akan diterima oleh setiap penama tersebut. Ahli KWSP boleh mengubah nama-nama penama dengan mengisi borang penamaan baru. Apabila KWSP menerima borang penamaan baru, nama di dalam borang atau borang-borang penamaan sebelum itu dengan sendirinya terbatal.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak, supaya akta KWSP dipinda untuk membolehkan wanita mengeluarkan semua caruman apabila mencapai umur 50 tahun dan begitu juga wanita yang menjadi ibu tunggal. Untuk makluman Yang Berhormat, peranan utama KWSP adalah untuk memberi jaminan kewangan kepada ahli-ahlinya terutama sekali selepas bersara melalui sekim simpanan wajib. Pencarum boleh mengeluarkan simpanan KWSP mereka apabila mencapai 55 tahun untuk menikmati hidup yang selesa tanpa bimbang tentang tiadanya punca kewangan selepas bersara. Sebagai manfaat, tambahan ahli dibenarkan menggunakan sebahagian daripada simpanan mereka untuk membeli rumah dan untuk penjagaan kesihatan. Kerajaan berpendapatan skim pengeluaran yang sedia ada, adalah mencukupi untuk menjaga kepentingan ahli semasa persaraan. Jika ahli wanita dibenarkan membuat pengeluaran awal sekali gus bila berumur 50 tahun atau ibu tunggal dibenar membuat pengeluaran sekali gus. Ini akan menjejaskan punca kewangan mereka semasa persaraan. Manakala jika mereka dibenarkan membuat pengeluaran semua simpanan untuk membeli rumah ini bermakna baki yang tinggal untuk masa persaraan adalah sedikit. Jika pengeluaran awal sedemikian dibenarkan matlamat utama KWSP untuk memberi jaminan kewangan semasa persaraan akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin segala isu utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Kementerian Kewangan semasa perbahasaan Titah Diraja telah pun saya perjelaskan dengan sewajarnya. Untuk mengakhiri ucapan

gulung ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lain-lain kementerian lagi.

**12.29tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli Dewan Negara yang sentiasa prihatin ke atas perkara-perkara yang berkaitan bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja hanya seorang Ahli Yang Berhormat telah pun membangkitkan dua isu. Maka pada pagi ini saya ingin menjawab dua isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin iaitu isu pertama ialah sama ada Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah Subang akan ditutup tidak lama lagi, memandangkan KLIA telah pun mula beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini setakat ini kerajaan tidak ada cadangan untuk menutup Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang dan lapangan terbang berkenaan pada masa ini digunakan untuk pengendalian penerbangan domestik. Isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin ialah mengenai menaikkan bayaran road tax bagi mengurangkan bayaran tol.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini juga cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin adalah baik. Namun ianya perlukan kajian yang teliti sebelum ianya dapat dipertimbangkan dan dilaksanakan. Ini adalah disebabkan kerajaan perlu berhati-hati dalam membuat keputusan mengenainya memandangkan bayaran tol yang dikenakan kepada pengguna jalan raya adalah berat berdasarkan kepada perjanjian konsesi yang diberikan kepada sesebuah syarikat swasta yang membina lebuhraya tertentu.

Justeru itu, jika tindakan yang diambil untuk menaikkan bayaran cukai jalan tidak dibuat dengan teliti adalah dikhuatiri ianya tidak akan dapat mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh pengguna jalan raya yang lain yang sentiasa menggunakan jalan raya. Maka oleh yang demikian, kenaikan cukai jalan jika tidak dipertimbangkan dengan teliti maka akan juga menyebabkan kenaikan tambang kenderaan perkhidmatan awam yang menggunakan lebuh raya dan begitu juga kenderaan perdagangan yang mungkin akan menaikkan kadar perkhidmatan ekoran daripada kenaikan cukai jalan. Jika keadaan ini berlaku, penyelesaian ke atas cadangan penurunan kadar tol dengan menaikkan cukai jalan tidak akan berkesan dalam membantu orang ramai mengurangkan beban untuk membayar tol.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut saya telah pun menjawab dan jika ada terdapat apa-apa teguran yang saya tidak sempat menjawab pada pagi ini maka ianya akan diambil perhatian oleh Kementerian Pengangkutan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kementerian Kerja Raya.

**12.31 tgh.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kerja Raya saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya akan cuba menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah meminta supaya kadar had laju Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dikaji semula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak telah direka

bentuk untuk had laju di antara 60-90 kilometer sejam, kerana lebuhraya ini melalui kawasan berbukit-bukau, selekoh tajam dan kawasan curam. Sebelum lebuhraya ini dinaik taraf purata had laju ialah di antara 60-80 kilometer sejam. Perlu dijelaskan di sini bahawa had laju lain-lain lebuhraya tol bukan sahaja bergantung kepada reka bentuk geometri lebuhraya berkenaan tetapi juga kepada tahap kelajuan dianggap mengurangkan kemungkinan berlakunya kemalangan jalan raya.

Berkenaan dengan kualiti jalan yang dibina menepati spesifikasi yang ditetapkan, saya menjelaskan bahawa jalan-jalan yang dibina sememangnya mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Bagi memastikan jalan-jalan yang telah dibina menepati kualiti dan spesifikasi yang ditetapkan, pihak Jabatan Kerja Raya atau juruperunding adalah bertanggungjawab mengawasi pembinaan sesuatu jalan raya dengan staf yang mencukupi ditempatkan di tapak. Jalan-jalan yang telah siap dibina mempunyai 12 bulan tempoh tanggungan kecacatan di mana sebarang kerosakan yang berlaku mesti dibaiki oleh kontraktor berkenaan dengan kos sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang minta Kementerian Kerja Raya memberikan perhatian kepada keadaan jalan raya di Sarawak dengan mereka bentuk dan menaik taraf jalan-jalan raya supaya ianya lebih tahan lama dan kekal. Beliau juga telah meminta supaya jalan dari Batu 10 Kuching ke Kota Semarahan dapat diperbesarkan kepada empat lorong iaitu daripada dua lorong untuk satu hala.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum keadaan jalan raya di negeri Sarawak dan telah mengambil tindakan menaik taraf dan memperbaiki jalan-jalan sedia ada berdasarkan kepada keperluan semasa. Sehingga kini, sebahagian besar daripada jalan-jalan utama dibuat mengikut reka bentuk piawai Jabatan Kerja Raya R.O5 iaitu setanding dengan Jalan Raya Persekutuan di Semenanjung.

Mengenai jalan raya daripada Batu 10 Kuching ke Kota Semarahan, Kementerian Kerja Raya bercadang untuk membina jalan dual carriageway atau jalan dua hala dari Kilometer 10 hingga Kilometer 20 Jalan Kuching-Serian.

**Tuan Janggu Anak Banyang:** Pembetulan. Jalan raya tadi iaitu dari Kilometer 10 hingga Serian bukan Kota Semarahan.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Terima kasih Yang Berhormat. Dual carriageway atau jalan dua hala dari Kilometer 10 hingga Serian. Peruntukan yang telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adalah sebanyak RM20 juta. Projek ini masih dalam peringkat kajian dan dijangka dapat dilaksanakan dalam tahun 2000 iaitu tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan telah membangkitkan beberapa perkara mengenai Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan CIDB melalui Akta 520 pada tahun 1994 bertujuan untuk membangunkan dan mempertingkatkan industri pembinaan negara melalui program-program yang telah dirancang. Program-program tersebut meliputi program pembangunan sumber manusia, industri pembinaan, program peningkatan produktiviti dan kualiti industri binaan dan program peningkatan bisnes binaan. Sebagai sebuah agensi yang bersifat self-financing, dengan izin, semua program yang dirancang akan dibiayai oleh hasil kutipan levi manakala sebahagian kecil akan digunakan untuk pembiayaan kos operasi CIDB sendiri. Oleh yang demikian, kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan sebahagian daripada wang kutipan levi untuk dijadikan sebahagian daripada dana khas untuk membantu kontraktor-kontraktor dalam menghadapi masalah kewangan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga bahawa CIDB sekarang ini telah merangka untuk membina enam buah akademi binaan yang akan memberi latihan kemahiran kepada personal binaan terutamaan personal binaan tempatan dan juga akan memberi kemudahan akreditasi personal binaan. Latihan kemahiran yang tersusun dan terancang ini adalah penting untuk memenuhi keperluan sektor ini di samping dapat membantu mengurangkan penggantungan industri pembinaan negara kepada tenaga kerja asing. Akademi binaan yang dianggarkan akan memakan belanja sebanyak RM35 juta setiap satu buah dijangka akan dibina secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1999 iaitu tahun ini. Di samping itu juga, program-program peningkatan produktiviti dan kualiti industri pembinaan yang sedang dilaksanakan secara berterusan akan menggunakan hasil pendapatan yang sama sebagai sumber pembiayaannya.



Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendapat bahawa mewujudkan dana khusus untuk kontraktor-kontraktor bumiputera dengan menggunakan hasil kutipan levi adalah tidak bersesuaian dengan matlamat utama penubuhan CIDB untuk membangunkan sektor binaan negara.

Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim telah membangkitkan mengenai kadar tol. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang prihatin mengenai kadar tol yang dikenakan oleh syarikat konsesi kepada pengguna-pengguna. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak mampu mengurangkan kadar tol kerana sekiranya kadar tol dikurangkan kerajaan perlu membayar balik pampasan kepada syarikat konsesi seperti mana yang termaktub dalam perjanjian konsesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah mengambil tindakan mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi untuk menyusun semula kadar tol bagi mengelakkan kenaikan tol secara mendadak. Bagi syarikat-syarikat konsesi yang baru menandatangani perjanjian konsesi, kenaikan tol hanya dilaksanakan sebanyak dua atau tiga kali sepanjang tempoh konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii telah menyentuh beberapa perkara terutama mengenai keadaan jalan di Sarawak juga. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya telah dan akan meneruskan agar seterusnya mengambil tindakan untuk menaik taraf dan memperbaiki jalan-jalan persekutuan di Sarawak. Walau bagaimanapun, kerana peruntukan yang terhad kementerian terpaksa melaksanakan projek ini secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan semasa.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh peruntukan sebanyak RM268 juta telah disediakan untuk projek-projek menaik taraf jalan persekutuan iaitu naik taraf Jalan Kuching-Sibu, Jalan Betong-Kayumalan, Jalan Lawas-Merapok, Jalan Terusan-Sunda dan Jalan Miri-Bintulu dan Beluru. Projek menaik taraf jalan dari Sarikei ke Bintulu mungkin akan dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan kelak bersama projek menaik taraf jalan yang lain mengikut keutamaan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya melalui JKR Sarawak bukan sahaja menaik taraf dan memperbaiki jalan-jalan yang rosak tetapi juga memastikan jalan yang dibuat adalah baik dan selamat kepada pengguna. Selekoh-selekoh

merbahaya akan dikenal pasti dan tindakan akan diambil untuk memulihkannya, begitu juga dengan keadaan cerun-cerun yang merbahaya.

Mengenai Jambatan Durin, projek ini telah mula dilaksanakan apabila penyerahan tapak dibuat kepada kontraktor iaitu pada 31 Mac 1999 yang lalu. Kerajaan tidak bercadang untuk menangguhkannya tetapi akan memantau bagi memastikan projek ini siap mengikut jadual pada tahun 2002 kelak.

Mengenai projek-projek besar di negeri Sarawak, kerajaan tidak bercadang untuk menangguhkan pelaksanaannya malah kini giat memantau bagi memastikan projek ini dapat dilaksanakan. Di antara projek-projek besar itu ialah projek jalan masuk ke Empangan Hidroelektrik Bakun dengan anggaran kos sebanyak RM300 juta, Jambatan Batang Rajang atau Jambatan Durin dengan kos sebanyak RM125 juta dan projek naik taraf Jalan Betong-Kayu Malam dengan anggaran kos sebanyak RM300 juta.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara yang berhubung kait dengan tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya. Sebarang perkara yang tidak disentuh, insya-Allah kita akan mengambil perhatian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.  
**12.41 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad kamaruzaman bin Mohamed Baria]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Usul Titah Ucapan Diraja mengenai perkara-perkara yang ada hubung-kait dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ghazi Haji Ramli ingin tahu mengenai isu kelonggaran ekuiti iaitu bagaimana kerajaan menangani masalah serta memantau pembahagian ekuiti terutama milik bumiputera pada sesuatu masa kelak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MITI telah mengumumkan kelonggaran syarat ekuiti bagi projek-projek perkilangan baru termasuk juga projek pembesaran dan mempelbagaian (diversification) keluaran yang diluluskan dalam tempoh 1 Julai 1998 hingga 31 Disember 2000. Mulai dari tarikh tersebut semua permohonan baru untuk menjalankan projek perkilangan tidak lagi dikenakan syarat ekuiti yang dikaitkan dengan syarat eksport.

Dengan itu para pelabur tempatan dan asing tidak lagi perlu mematuhi syarat eksport untuk membolehkan mereka memegang 100% ekuiti. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor perkilangan sebagai sektor yang dikenal pasti boleh mendorong dan membantu proses perindustrian dan memulihkan keadaan ekonomi negara. Semua syarikat perkilangan yang diluluskan dan menerima faedah daripada kelonggaran ini tidak perlu menstrukturkan semula pegangan ekuiti mereka selepas 31 Disember 2000. Bagaimanapun, kelonggaran ini tidak diberikan kepada tujuh sektor perkilangan iaitu pembungkusan kertas, pembungkusan plastik, plastic injection moulding components, metal stamping, fabrication and electroplating, wire furnace, percetakan dan pusat perkhidmatan keluli. Ini ialah kerana kerajaan berpendapat pengilang dan pengusaha tempatan sudah mempunyai kepakaran dan keupayaan yang tinggi. MITI akan mengkaji semula polisi tersebut selepas tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno supaya MITI terus memainkan peranan untuk memperjelaskan keadaan ekonomi dan politik Malaysia di luar negara, ingin dimaklumkan bahawa MITI memang sentiasa berusaha untuk menerangkan keadaan ekonomi dan politik Malaysia semasa lawatan galakan perdagangan dan pelaburan ke luar negara. Semasa rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ke Amerika Syarikat baru-baru ini, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menjelaskan bahawa ekonomi Malaysia telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Kesempatan juga telah diambil

untuk menerangkan dasar-dasar, pelan tindakan dan langkah-langkah pemulihan ekonomi yang telah diambil oleh kerajaan.

Di samping itu penerangan juga diberi mengenai peluang-peluang dan perdagangan serta perkembangan sebenar politik Malaysia kepada sektor swasta di Amerika Syarikat. Pegawai-pegawai MITI, MIDA, MATRADE dan Wisma Putra yang berada di luar negara juga berusaha untuk menyampaikan maklumat-maklumat tepat dan terkini mengenai langkah-langkah pemulihan ekonomi yang diambil oleh kerajaan dan juga mengenai situasi politik di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab buat kali ini dan perkara-perkara tersebut akan diambil perhatian sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pertanian.

**12.48 tgh.**

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan ke atas Titah Diraja di Dewan Negara mulai 4 hingga 6 Mei 1999 seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dengan menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian Malaysia. Mereka ialah Yang Berhormat Senator Puan Tan Ah Eng, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Senator Tuan Janggu a/k Banyang, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Yeow Seng Huat, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, Yang Berhormat Senator Puan Jamilah binti Ibrahim, Yang Berhormat. Senator Tuan Abdillah bin Abdul Rahim, Yang Berhormat Senator Datuk Zainudin bin Maidin, Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Ramlah Binti Kassim dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki Bin Kamaluddin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara industri ternakan babi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Tan Ah Eng, Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Yeow Seng Huat dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pertanian Malaysia telah menggubal rancangan jangka panjang industri ternakan babi menerusi pembangunan zon-zon khas yang dikenali sebagai

Kawasan Ternakan Babi Bersepadu atau, dengan izin, Integrated Pig Farming Area (IPFA).

Pengusaha-pengusaha ladang babi akan dikeluarkan lesen terlebih dahulu dengan syarat-syarat tertentu sebelum mereka boleh mengusahakan ladang-ladang ternakan tersebut. Kerajaan Pusat telah pun menyediakan peruntukan sebanyak RM65 juta bagi tempoh RMK-6 dan KMK-7. Kerajaan Pusat juga akan mendapatkan kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan untuk mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk dijadikan kawasan ternakan babi bersepadu ini. Kawasan-kawasan tersebut hendaklah berjauhan dari penempatan penduduk dan perbandaran.

Bagi masa yang akan datang pembangunan semula industri ternakan babi akan ditumpukan di kawasan-kawasan itu sahaja di mana sistem kawalan pencemaran, syarat-syarat sanitasi, biosekuriti, kawalan penyakit dan pengurusan ternakan yang baik akan dipraktikkan. Kementerian Pertanian Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan senantiasa bersedia memberi nasihat teknikal bagi memudahkan pengusaha-pengusaha memenuhi syarat-syarat tersebut.

Mengenai isu pemberian bantuan kemanusiaan oleh kerajaan kepada penternak babi yang menghadapi kerugian akibat daripada pemusnahan babi ingin dijelaskan bahawa kadar yang diluluskan pada masa ini adalah munasabah jika dibandingkan dengan bantuan yang diberi kepada penternak-penternak lembu, kerbau dan kambing yang mengalami kerugian pada masa berlakunya wabak penyakit kuku dan mulut pada tahun 1978.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Yeow Seng Huat, atas ucapan syabas beliau kepada kementerian dan kerajaan kerana telah berjaya menangani masalah wabak JE baru-baru ini. Dengan adanya wabak tersebut kerajaan telah memperolehi pengalaman yang amat berguna melalui kaedah bersepadu, pelbagai jabatan atau agensi dalam menangani wabak JE dan NE. Pengalaman ini sudah tentu akan digunakan oleh kerajaan bagi menangani masalah yang sama yang mungkin berlaku pada masa-masa akan datang.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Zainudin bin Maidin agar Malaysia tidak perlu berusaha menjadi negara pengeksport babi tetapi sebaliknya menumpukan pada penggunaan tempatan. Ingin saya memaklumkan bahawa dasar kerajaan kini ialah untuk mewujudkan industri ternakan babi yang lebih

moden dan hanya untuk kegunaan tempatan sahaja. Ternakan babi untuk tujuan eksport hanya boleh dilakukan jika ada bekalan yang berlebihan.

Seperti mana yang diminta oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman agar diwujudkan budaya penyelarasan, penyelenggaraan dan pemantauan bagi mengatasi masalah pencemaran sungai-sungai. Sukalah saya menyatakan bahawa kerajaan sudah pun berbuat demikian. Kerajaan telah bersetuju supaya pengurusan sungai ditubuhkan di setiap negeri. Setakat ini Kerajaan Negeri Selangor telah pun menubuhkan badan tersebut dengan nama Lembaga Urus Negeri Selangor dan bagi negeri-negeri lain kerajaan telah bersetuju supaya jawatankuasa pengurusan sungai atau seumpamanya ditubuhkan. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri yang berkaitan dan urusetia oleh Jabatan Pengaliran dan Saliran Negeri. Keanggotaannya akan terdiri dari semua agensi yang terlibat dengan pembangunan dan pengurusan sungai serta pegawai-pegawai daerah yang berkaitan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya semua tebing sungai ditanam dengan buluh bagi mengatasi masalah keruntuhan tebing-tebing sungai, saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan itu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat usaha tersebut telah pun dilakukan sebelum ini, walau bagaimanapun kejayaan tersebut banyak bergantung kepada kesesuaian tanah dan kedapatan buluh-buluh yang mencukupi di kawasan berhampiran.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Janggu Anak Banyang supaya pembangunan pertanian digerakkan di kawasan Lembah Rajang, di Sarawak. Saya ingin memaklumkan bahawa memandangkan kepada kedudukan kewangan masa kini, cadangan projek seperti Projek Pertanian Bersepadu (IADP) di kawasan Lembah Rajang perlu dikaji dengan lebih mendalam dan pertimbangan hanya boleh dibuat di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, jika ianya sesuai.

Untuk maklum Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, pihak kerajaan pada masa ini telah mengadakan kemudahan bantuan kewangan kepada golongan petani melalui dana dan tabung seperti Tabung Untuk Pemakanan (Fund For Food) dan Tabung Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang dikendalikan oleh Bank Negara dan disalurkan melalui institusi-institusi kewangan seperti Bank Pertanian

Malaysia. Pihak kerajaan berpendapat kemudahan-kemudahan yang telah disediakan ini adalah mencukupi, pada masa yang sama pihak kerajaan juga ada menyediakan bantuan secara terus kepada golongan petani, nelayan dan penternak termiskin di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang disalurkan melalui agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Sebagaimana yang digesa oleh Yang Berhormat Senator Tuan Abdillah bin Abdul Rahim dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Ramlah binti Kassim, Kementerian Pertanian Malaysia memberi perhatian kepada petani-petani yang mempunyai keluasan tanah yang kecil dan bercadang untuk membangunkan tanah tersebut melalui pembangunan ladang berkelompok termasuk mini estet. Untuk makluman Yang Berhormat juga, sehingga akhir tahun 1998, adalah dianggarkan sejumlah 4,180 ladang berkelompok telah diwujudkan dengan melibatkan kira-kira 159,465 keluarga tani. Tanaman utama yang diusahakan ialah padi, buah-buahan dan sayur-sayuran dengan melibatkan keluasan antara 270,500 hektar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian Malaysia melalui Lembaga Pertubuhan Peladang ada menyediakan jentera-jentera untuk disewa kepada tuan tanah dengan kadar sewa yang berpatutan. Untuk memantapkan lagi perkhidmatan ini, Pusat Mekanisasi Peladang yang menyediakan kemudahan-kemudahan jentera untuk petani telah diwujudkan. Berhubung dengan masalah seperti baja yang tidak sampai mengikut masa yang diperlukan .....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang minta laluan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' yang memberi laluan kepada saya. Pertamanya, saya ingin menyebutkan kepada Dato' bahawa saya juga mengambil bahagian dalam ucapan perbahasan tadi, 25 minit khusus bercakap dalam bidang pertanian. Tetapi kemungkinan penyediaan kertas jawapan ini lebih awal, jadi tidak dimasukkan di dalam jawapan-jawapan. Walau bagaimanapun, saya berharap apa yang saya cadangkan tadi akan diberi perhatian oleh pihak kementerian. Saya minta laluan ini Yang Berhormat Dato', mengenai dengan ladang berkelompok, tadi Dato' ada menyebutkan bahawa 275 hektar ladang berkelompok telah pun diwujudkan di tanah air kita melibatkan golongan petani yang besar.

Bagi kawasan penanam padi, saya amat faham kerana saya pernah berkhidmat di sana, mereka telah mewujudkan tanah berkelompok tetapi perjalanan ladang berkelompok ini tidak dapat dimajukan ke peringkat estet kerana mereka tidak mempunyai modal yang cukup. Walaupun kita ada dana daripada Kementerian Pertanian, dana makanan 3F yang disediakan oleh Kementerian Pertanian, sepatutnya dana ini boleh disalurkan kepada Pertubuhan Peladang supaya Pertubuhan Peladang dapat menguruskan urusan ladang estet ataupun ladang berkelompok ini supaya pengeluaran dapat dipertingkatkan, pengurusan pertanian dan amalan-amalan ekonomi dapat dijalankan dengan cara yang lebih berkesan. Tetapi sehingga hari ini, saya baru sahaja check balik ke jabatan, adakah mereka telah menggunakan dana ini sedangkan mereka menghadapi tidak ada modal, tetapi dana ini tidak digunakan. Dalam masa yang sama kita juga bercakap bahawa dana ini tidak digunakan dengan begitu meluas oleh kaum bumiputera, pada hal ada keperluan.

adi, saya hendak tahu adakah pihak kementerian dapat mempertimbangkan supaya dana daripada 3F ini dapat disalurkan kepada projek-projek berkelompok dalam kawasan pengeluaran tanaman padi supaya pengeluaran padi dapat dipertingkatkan kerana sekarang kita cuma dapat memenuhi keperluan 70%, 30% lagi masih kita import dari luar negara. Malah dari segi kualiti pengeluaran per hektar, pengeluarannya begitu rendah, saya kira sebab di Chucak boleh mencapai sehingga 11 tan per hektar sedangkan ada sesetengah kawasan cuma 2.5 tan per hektar, mungkin yang tinggi 4.5 tan per hektar. Ini jauh daripada keupayaan ataupun opportunity yang ada. Saya melihatkan bahawa dalam area ini ada kelemahan-kelemahan yang harus diperbaiki oleh pihak kementerian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah, memang tadi saya belum sampai lagi, tetapi walau bagaimanapun saya tidak sempat untuk hendak menjawab sepenuhnya yang ditimbulkan pada pagi tadi. Saya membetulkan bahawa keluasan kelompok bukan 270 hektar tetapi 270,500 hektar. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa Tabung Makanan, Fund For Food (3F) ini tidak termasuk bagi tanaman padi. Padi tidak boleh dipinjam menerusi tabung ini kerana tabung ini dikhususkan selain daripada padi dan kelapa sawit iaitu



termasuk buah-buahan, ternakan dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun Bank Pertanian sedia memberi pinjaman di bawah pinjaman biasa kepada penanam-penanam.

Tentang itu Yang Berhormat, saya bersetuju bahawa kadar pengeluaran padi boleh ditingkatkan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya hendak minta laluan sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah dimaklumkan dalam Dewan ini kerana perkara ini bukan kali pertama pernah saya bangun untuk membangkitkannya. Saya pernah dimaklumkan bahawa Tabung 3F, minta maaf bukan 3M, lama tidak sebut kadang-kadang itu lupa, Dato'. Tuan Yang di-Pertua: 3F ini apa?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Fund For Food, bukan Food For Fund.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, ya, sebab kami ini bukan orang pertanian, tidak tahu.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Jadi, pernah dimaklumkan bahawa akan dipertimbangkan, maknanya kementerian buat masa sekarang ini belum mempertimbangkan. Saya merayu kepada kementerian, kalau boleh Tabung 3F ini, yang banyak tidak digunakan, begitu besar dan dari segi komoditi, saya rasa padi ini dijalankan dengan cara yang terancang dan mempunyai potensi untuk dipertingkatkan. Saya merayu supaya komoditi ini diberi juga pertimbangan untuk dapat menggunakan Tabung 3F, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat. Dasar untuk menentukan 3F ini bukan di bawah Kementerian Pertanian, tetapi Kementerian Kewangan. Jadi, kita sama-samalah merayu kepada Kementerian Kewangan supaya dapat diperluaskan lagi, kalau difikirkan ianya mustahak. Saya teruskan iaitu ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jam sudah pukul satu, nampaknya.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita tangguhlah pada pukul 1.00.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Ya, okay, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis disambung semula. Kementerian menjawab, Kementerian Pertanian belum habis lagi, sila teruskan.

**2.30 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyambung.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi tak berapa lama lagi ya?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak banyak lagi?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Ya, tak banyak lagi. Saya memohon izin untuk menyambung jawapan saya pada sesi sebelah petang.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi hal lembu-lembu belum lagi? [*Ketawa*]

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah seperti baja pula, yang tidak sampai mengikut masa yang diperlukan, ingin saya nyatakan bahawa pada amnya bekalan baja padi yang dikendalikan oleh Kementerian Pertanian Malaysia melalui Pertubuhan Peladang sememangnya sampai mengikut masa yang telah diperlukan oleh penanam-penanam padi. Namun begitu, pihak kementerian akan sentiasa memperbaiki kelemahan-kelemahan yang mungkin ada dan terus memantau dari masa ke semasa sistem pengagihan baja tersebut agar dapat mengatasi masalah-masalah yang mungkin timbul.

Atas cadangan Yang Berhormat Senator Puan Jamilah binti Ibrahim, kerajaan sememangnya mempunyai dasar untuk memajukan sektor pertanian yang boleh membantu meningkatkan ekonomi negara. Dalam usaha ini kerajaan akan terus menambahkan pengeluaran bahan makanan. Malahan, untuk makluman Yang Berhormat, pengeluaran bahan makanan pada keseluruhannya meningkat dalam tahun

1998 berbanding dengan pengeluaran pada tahun 1997. Di antara bidang pengeluaran makanan yang meningkat ialah akuakultur sebanyak 23.2%, daging lembu 7.4%, ayam 5.7%, sayur-sayuran 4.8% dan buah-buahan 3.9%. Pengeluaran daging kambing, telur ayam dan susu juga turut meningkat di antara 2% – 6%.

Mengenai masalah peningkatan harga barang-barang keperluan seperti kelapa dan ayam, kerajaan sentiasa berusaha untuk mengawasi kenaikan harga barang-barang tersebut agar lebih berpatutan dan tidak membebankan pengguna. Mengenai kelapa, terdapat beberapa sebab kenapa harganya meningkat. Pertama, wujudnya permintaan yang begitu ketara daripada pengilang-pengilang membuat santan yang mengakibatkan bekalan kelapa untuk orang ramai berkurangan dan kedua, bekalan kelapa menurun kerana kawasan tanaman kelapa juga telah berkurangan kerana telah ditukar kepada kawasan perumahan, perindustrian dan kelapa sawit. Dalam pada itu, pekerja-pekerja memetik kelapa juga telah berkurangan. Untuk mengatasi masalah ini kerajaan telah pun melaksanakan program pembangunan kawasan kelapa dengan tujuan menambah pengeluaran supaya harga tidak melambung tinggi. Pada waktu yang sama kebenaran juga diberi untuk mengimport kelapa khususnya dari Indonesia bagi mengatasi kekurangan bekalan kelapa semasa. Bagi ayam pula, harganya telah dikawal di paras siling RM6.05. Sekiranya masih wujud kekurangan, kerajaan akan mengambil tindakan dengan mendapatkan bekalan yang mencukupi dari luar negara. Walau bagaimanapun, buat masa ini keadaan ini tidaklah begitu perlu kerana bekalan ayam adalah mencukupi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, cadangan penswastan LKIM kepada BERNAS telah pun ditangguhkan. Penangguhan ini bertujuan bagi membolehkan kerajaan menyemak dan mengkaji dengan lebih terperinci akan cadangan penswastan tersebut.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Ramlah binti Kassim agar diwujudkan rangkaian pemasaran pertanian yang berkesan dan tidak melibatkan orang tengah, Kementerian Pertanian Malaysia kini sedang giat menyediakan kemudahan pemasaran untuk memanfaatkan para petani dan para

pengguna. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah mewujudkan dan melaksanakan program pasar tani di merata tempat di seluruh negara di mana petani boleh menjual hasil pengeluaran terus kepada pengguna dengan harga berpatutan. Jabatan Pertanian juga berusaha mengadakan kemudahan pemasaran tanpa orang tengah dengan mengendalikan program jualan terus hasil pengeluaran pertanian peserta-peserta ladang berkelompok. Dari segi mempromosi teknologi tanaman, kementerian melalui Jabatan Pertanian mempunyai mekanisme menyalurkan kepada petani segala teknologi tanaman yang telah dibangunkan oleh MARDI. Dengan demikian, pengeluaran dan seterusnya taraf hidup petani boleh dipertingkatkan.

Saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan teguran, cadangan dan nasihat berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian Malaysia. Jika ada di antara teguran terutama pada sesi pagi ini yang tidak sempat dijawab, cadangan dan nasihat yang diberikan itu, insya-Allah, akan kita ambil ingatan dan kementerian akan terus memberikan perhatian dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pendidikan.

**2.40 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Ucapan Diraja yang telah membangkitkan pelbagai perkara, isu serta cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan menghargai keprihatinan beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu pembiayaan dan pinjaman pendidikan khususnya kepada para pelajar institusi pengajian tinggi.

Ahli Yang Berhormat Senator Abdillah bin Abdul Rahim, Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim mencadangkan supaya pelajar-pelajar yang miskin diberi

bantuan kewangan termasuk di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah agar mereka berpeluang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Sebagai memenuhi tanggungjawab sosial, kerajaan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah meluaskan pinjaman pendidikan daripada peringkat Ijazah Pertama kepada peringkat Diploma. Semenjak ditubuhkan PTPTN telah memberi pinjaman pendidikan kepada 31,108 orang pelajar yang melibatkan peruntukan sebanyak RM626.6 juta. Adalah dijangkakan jumlah pelajar yang akan memohon pinjaman akan meningkat berikutan perpindahan peranan penajaan pelajar daripada Jabatan Perkhidmatan Awam kepada PTPTN.

Berhubung dengan cadangan untuk mengadakan kursus perubatan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno, suka saya nyatakan bahawa pada masa ini masih terdapat kekurangan tenaga pakar untuk mengendalikan sebuah fakulti perubatan di UMS dengan sepenuhnya. Sehubungan dengan itu Kementerian Pendidikan bercadang supaya UMS memulakan program pra-klinikal dengan menawarkan Program Sarjana Muda Sains Perubatan. Seterusnya pelajar-pelajar yang berjaya akan menyambung pengajian mereka di peringkat klinikal di IPT lain seperti Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia atau Universiti Kebangsaan Malaysia.

Berhubung dengan masalah pengagihan borang UPU yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail, perlu dijelaskan bahawa Kementerian Pendidikan telah menggunakan khidmat Bank Simpanan Nasional kerana bank ini dapat menyediakan sistem on-line dengan izin, secara elektronik dengan baik menerusi 400 cawangan BSN di seluruh negara. Ini memudahkan pemantauan jumlah jualan borang dan jumlah kutipan. BSN juga telah menawarkan kos perkhidmatan yang paling minimum. Jualan melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah tidak sesuai kerana ianya akan mengganggu tugas-tugas di Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri.

Isu peranan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor dan Yang Berhormat Dato' Ting Chek Sii dan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang minta laluan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Sekejap, dan Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat respon mengenai dengan masalah UPU, kita sedia memaklumkan di kawasan-kawasan pedalaman, terutama sebagai contoh di Pensiangan, Nabawan, bila masalah BSN ini tidak terdapat di Daerah Nabawan. Jadi adakah kerajaan melalui kementerian Pendidikan berhasrat untuk kalau boleh barangkali membekalkan borang UPU ini ke sekolah-sekolah menengah di mana yang memang tempat ini tidak terdapat Bank Simpanan Nasional. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan sedar tentang masalah di kawasan-kawasan pedalaman seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, dan kita akan cuba teliti tentang cara mana, yang sebaik mungkin dapat kita atasi masalah itu. Saya sedar tentang perkara yang telah ditimbulkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, penubuhan IPTS adalah bertujuan untuk menyediakan peluang pendidikan yang lebih luas kepada para pelajar sejajar dengan usaha-usaha menjadi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau menjelang abad ke-21. Kerajaan menggalakkan penubuhan IPTS sebagai sokongan ke atas usaha-usaha menambahkan peluang di peringkat pendidikan tinggi yang tidak dapat disediakan sepenuhnya oleh kerajaan. Adalah diharapkan menjelang tahun 2002, IPTS dapat menyediakan 50% daripada tempat di peringkat pendidikan tinggi. Namun demikian, Kementerian Pendidikan sentiasa mengawal penubuhan IPTS dan tidak akan berkompromi dari segi kualiti.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu dan Yang Berhormat Tuan janggu telah menyarankan agar potensi para pelajar yang kurang berjaya di dalam

bidang akademik digilap dalam bidang kemahiran hidup dan vokasional. Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Program Sekolah ke Kerjaya (SKK) yang merupakan satu program pendidikan dan latihan di tempat kerja bagi mengembangkan potensi pelajar dengan membekalkan mereka pengetahuan dan kemahiran boleh guna melalui pengalaman di tempat kerja. Sasaran program ini melibatkan pelajar di Tingkat IV yang mendapat empat D ke bawah dalam keputusan peperiksaan PMR. Program ini telah berjalan secara rintis di 28 buah sekolah terpilih di seluruh negara pada 1 Julai 1998 dengan melibatkan sebuah sekolah di kawasan bandar dan sebuah sekolah di kawasan luar bandar bagi setiap negeri. Tempat latihan kerja yang dikenal pasti oleh sekolah rintis yang melibatkan beberapa agensi kerajaan, badan-badan swasta dan orang perseorangan.

Bersesuaian dengan konsep pendemokrasian pendidikan, kerajaan tidak akan mengabaikan pelajar yang berprestasi rendah. Untuk tujuan tersebut, kursus aliran latihan kemahiran di sekolah-sekolah teknik dan vokasional disediakan bagi pelajar-pelajar yang berminat untuk meneruskan pelajaran dalam aliran kemahiran dan kurang berminat dalam bidang akademik.

Yang Berhormat Senator Janggu Anak Banyang dan Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii juga telah membangkitkan tentang keadaan rumah guru di kawasan luar bandar. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah menyediakan pembaikan dan penyelenggaraan 927 buah sekolah di seluruh negeri Sarawak secara berperingkat-peringkat. Peruntukan ini termasuklah penyelenggaraan bagi rumah-rumah guru dan asrama. Pegawai-pegawai di Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pendidikan Negeri dan pihak kontraktor terbabit mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah untuk mengenal pasti kerosakan yang perlu diperbaiki. Setakat ini 50 buah projek telah disiapkan dan dijangka 450 buah projek akan disiapkan menjelang akhir tahun ini.

Mengenai ketidakseimbangan bilangan pelajar di antara sekolah-sekolah bandar dan luar bandar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng, fenomena ini tidak dapat dielakkan. Perkembangan yang pesat di kawasan bandar,

pembangunan kawasan perumahan serta peluang pekerjaan telah mengakibatkan penghijrahan penduduk ke kawasan bandar. Kementerian Pendidikan mempunyai garis panduan mengenai pembinaan sekolah di kawasan-kawasan perumahan. Sebaliknya, sekolah-sekolah di kawasan luar bandar yang kurang murid tidak akan ditutup selagi masyarakat di sekeliling memerlukannya. Di samping itu, Kementerian Pendidikan tidak pernah meminggirkan semua jenis sekolah khususnya di kawasan luar bandar dari segi kemudahan fizikal mengikut kemampuan kerajaan.

Berhubung cadangan untuk menambah jumlah sekolah jenis kebangsaan Cina, untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Chew Poh Thoi, perancangan projek pendidikan di sesuatu kawasan bergantung kepada keperluan masyarakat setempat dengan keutamaan diberikan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai keperluan yang mendesak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli ingin mendapat penjelasan tentang peranan sekolah bestari dalam melahirkan pelajar yang berkualiti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aplikasi ini adalah satu langkah mencapai matlamat Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan pusat teknologi serta telekomunikasi antarabangsa. Sekolah-sekolah bestari mengamalkan budaya berilmu, berfikir dan penyayang. Teknologi digunakan secara meluas untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan di sekolah. Pelajar-pelajar dididik supaya bersifat global dan mampu beroperasi di arena antarabangsa.

Dalam hubungan di atas, pelaksanaan program sekolah bestari tidak bermakna aspek kerohanian akan diabaikan sebagaimana ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Ramlah binti Abas. Kurikulum sekolah bestari tetap memberi penekanan terhadap pendidikan Islam dan moral. Sehubungan itu, mata pelajaran sosiologi, keagamaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak diperlukan kerana mata



pelajaran Pendidikan Islam dan Moral telah menjurus ke arah pembentukan sahsiah, akhlak dan keperibadian yang tinggi.

Berhubung dengan cadangan Puan Jamilah binti Ibrahim supaya peruntukan yang tinggi untuk sekolah bestari disalurkan ke sekolah-sekolah yang daif, Kementerian Pendidikan sentiasa memastikan peruntukan bagi membaik pulih sekolah-sekolah yang daif disediakan dengan secukupnya walaupun pihak kerajaan sedang berusaha untuk mewujudkan sekolah bestari di seluruh negara.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno agar syarat kemasukan ke sekolah berasrama penuh dilonggarkan, Kementerian Pendidikan mempunyai kriteria tertentu dalam proses pengambilan pelajar ke sekolah berasrama penuh. Kelayakan akademik dan status sosio-ekonomi pelajar merupakan kriteria utama pemilihan pelajar ke sekolah berasrama penuh.

Namun begitu, Kementerian Pendidikan sememangnya memberi kelonggaran kepada pelajar-pelajar luar bandar dan juga kepada pelajar-pelajar dari golongan yang berpendapatan rendah. Bagi kemasukan ke sekolah berasrama penuh di negeri Sabah, syarat minimum yang ditetapkan ialah 4A 1B.

Kementerian Pendidikan mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Senator Abdillah bin Abdul Rahim agar Kementerian Pendidikan memikirkan satu sistem supaya pelajar-pelajar miskin dapat mengikuti kelas tambahan. Perlu dijelaskan bahawa sekolah-sekolah telah merancang dan mengadakan kelas tambahan, pemulihan dan pengayaan bagi meningkatkan prestasi pelajar-pelajar. Di samping itu, ceramah motivasi dan kelas-kelas teknik menjawab soalan peperiksaan juga dianjurkan oleh pelbagai pihak bagi membantu pelajar-pelajar mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam.

Saya ingin menegaskan bahawa sekiranya para pelajar mengikuti kelas di sekolah dan mengulang kaji pelajaran di rumah dengan tekun, kejayaan dalam peperiksaan pasti akan dicapai walaupun tanpa mengikuti kelas-kelas tambahan. Adalah tidak benar dakwaan bahawa masalah gejala negatif dan perubahan sikap pelajar adalah disebabkan kegagalan sistem pendidikan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, program-program pendidikan seperti penekanan nilai-nilai murni, merentas kurikulum dan aktiviti kokurikulum sekolah yang berfokus kepada pemupukan dan penghayatan nilai dan etika murni sentiasa diberi penekanan oleh Kementerian Pendidikan.

Namun demikian, keberkesanan program-program dan penghayatan serta amalan nilai-nilai murni memerlukan pendekatan yang bersepadu daripada semua lapisan masyarakat. Tanpa sokongan padu daripada semua pihak, keruntuhan moral di kalangan remaja sukar diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat adalah kurang tepat dakwaan kurangnya penglibatan guru dalam kerja-kerja sukarela dan kebajikan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani. Selain tugas hakiki di bilik darjah, guru-guru telah banyak menyumbang dalam aspek pendidikan seperti melaksanakan kelas tambahan dan pemulihan di luar jadual waktu persekolah. Secara tidak langsung, guru-guru berkenaan telah melaksanakan tugas-tugas kebajikan secara sukarela, di samping itu, khidmat guru juga diperlukan dalam aktiviti atau program yang melibatkan masyarakat di luar sekolah.

Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng telah menyarankan supaya menambahkan bilangan guru terlatih di sekolah-sekolah. Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan guru terlatih dengan menambahkan bilangan calon yang mengikuti Kursus Diploma Perguruan Malaysia, Kursus Perguruan Lulusan Ijazah dan program khas pengsiswazahan guru bagi menampung keperluan guru terlatih di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Berkaitan isu kekurangan guru sains, matematik, kimia dan biologi di kawasan pedalaman Sarawak, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang, suka saya menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan telah berusaha mengatasinya dengan menambah unjuran pengambilan calon pengkhususan berkenaan bagi Kursus Diploma Perguruan Malaysia bagi mengatasi kekurangan guru di sekolah rendah dan Kursus Perguruan Lulusan Ijazah bagi sekolah menengah.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Puan Chew Poh Thoi supaya guru-guru bersara diambil bekerja secara kontrak, sebenarnya kerajaan telah melaksanakan dan pada tahun ini terdapat 72 orang guru bersara wajib yang dilantik secara kontrak. Perlantikan guru-guru ini adalah berdasarkan keperluan perkhidmatan terutamanya bagi mata pelajaran yang masih mengalami kekurangan guru.

Berhubung bentuk pengawasan kepada guru-guru yang terlibat dengan tunjuk perasaan menentang kerajaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah, suka saya maklumkan bahawa semua kakitangan kerajaan termasuk guru adalah tertakluk kepada Perintah-perintah Am. Tindakan boleh diambil dari memberi amaran hinggalah pembuangan kerja kepada yang terlibat bergantung sejauh mana penglibatan mereka. Setakat ini jumlah mereka yang terlibat adalah kecil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengadakan sesi dialog dengan pelajar-pelajar universiti bagi mengekang penglibatan para pelajar dalam demonstrasi. Kementerian Pendidikan menghargai saranan Ahli Yang Berhormat dan memandang serius terhadap perkara tersebut. Dari masa ke semasa sesi penerangan diadakan oleh pihak universiti sendiri bagi menjelaskan isu-isu semasa. Pihak kerajaan juga tidak pernah menghalang para pelajar di kampus menganjurkan forum atau sesi-sesi dialog asalkan tidak menyalahi peraturan-peraturan universiti. Panel-panel forum bukan sahaja terdiri daripada pemimpin-pemimpin kerajaan, malahan juga pemimpin-pemimpin pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan. Dengan cara ini, minda pelajar akan lebih terbuka dan seterusnya membina sifat-sifat kepimpinan. Langkah ini adalah lebih positif daripada membiarkan para pelajar terpengaruh dengan unsur-unsur negatif.

Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin telah menyentuh berkaitan dengan disiplin pelajar warganegara asing yang belajar di negara ini. Kerajaan memandang serius terhadap aktiviti-aktiviti negatif yang mungkin dilakukan oleh mereka. Sehubungan itu, satu prosedur baru syarat-syarat pengeluaran pas pelajar telah

dikuatkuasakan mulai 15 Januari 1999 dan pelajar-pelajar warganegara asing di negara ini adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan Imigresen.

Di samping itu, IPT dipertanggungjawabkan untuk mengawal disiplin dan kegiatan pelajar dengan menandatangani, dengan izin, personal bond sebagai jaminan. Sekiranya berlaku pelanggaran syarat-syarat, maka pas pelajar akan dibatalkan dan pelajar dihantar pulang.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya sedar mungkin terdapat beberapa perkara yang tidak sempat saya jelaskan di sini, perkara-perkara tersebut lazimnya akan diambil perhatian dan akan diambil tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan yang berterusan, teguran yang membina dan pandangan positif kepada Kementerian Pendidikan.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Ya, Yang Berhormat hendak tanya apa? Penjelasan.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Cuma sedikit sahaja yang saya rasa saya amat perlu meminta penjelasan terutama mengenai dengan pusat tanggungjawab guru besar di mana kalau di Semenanjung ini semua peruntukan disalurkan kepada guru-guru besar di sekolah-sekolah rendah, manakala di Sabah dan di Sarawak saya difahamkan pusat tanggungjawab ini masih belum diberikan kepada guru-guru besar. Apakah kementerian berhasrat atau kerajaan berhasrat untuk membuat apa yang telah dibuat ke atas sekolah-sekolah di Semenanjung diselaraskan dengan apa yang akan dilakukan di Sabah dan di Sarawak. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya maklum akan perkara ini dan kita akan teliti kalau sekiranya sampai masa, insya-Allah, kita akan uruskan. Setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Penerangan.

**3.01 ptg.****Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno telah mencadangkan supaya Kementerian Penerangan menubuhkan radio bergerak di kawasan-kawasan pedalaman negeri Sabah untuk menyalurkan maklumat yang betul dan tepat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini hanya terdapat satu sahaja radio bergerak di Sabah iaitu di Kota Kinabalu yang digunakan untuk tujuan liputan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Kota Kinabalu terutama siaran radio bola sepak, sembahyang Jumaat, siaran langsung dari Padang Merdeka dan siaran-siaran *ad hoc* misalnya lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Oleh kerana bilangannya terhad maka ianya hanya dapat digunakan untuk acara-acara yang khusus sahaja. Kementerian akan mengkaji keperluan ini dari masa ke semasa dan akan merancang penggunaannya di masa yang akan datang.

Gesaan Yang Berhormat Datuk Ting Chek Sii supaya kementerian dapat mengadakan siaran radio dan televisyen untuk kawasan luar bandar di negeri Sarawak, sukacita saya maklumkan bahawa RTM sedang memperluaskan rancangan serta liputannya di samping meningkatkan pelbagai kemudahan dan infrastrukturnya.

Rancangan RTM melalui stesen siaran Kuching disiarkan 24 jam setiap hari manakala stesen kawasan Sri Aman, Sibul, Miri dan Limbang disiarkan pada jangka masa siaran yang ditetapkan.

Pada masa ini, keluasan penerimaan siaran bagi radio dan TV1, TV2 setakat ini lebih kurang 90%, penerimaan siaran optimum akan dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut perancangan.

Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Kasim meminta Kementerian Penerangan memberi penjelasan dan maklumat yang tepat kepada penduduk luar bandar mengenai isu semasa dan meminta Jabatan Penerangan mengadakan semula aktiviti tayangan wayang gambar dan ceramah di kawasan luar bandar sebagaimana yang dilakukan pada tahun-tahun 60-an.

Tuan Yang di-Pertua, tugas dan tanggungjawab Jabatan Penerangan adalah untuk memberi penerangan dan penyebaran maklumat yang tepat kepada seluruh anggota masyarakat di seluruh negara khususnya melalui kegiatan komunikasi bersemuka.

Jabatan Penerangan akan terus berusaha menyebarkan maklumat secara yang tepat dan cepat dari masa ke semasa. Mengadakan tayangan filem sebenarnya masih menjadi satu bentuk kegiatan Jabatan Penerangan, tayangan filem ini masih diadakan di tempat-tempat tertentu yang dikenal pasti mengikut kesesuaian, tempat dan keperluan sasaran dan pada waktu-waktu yang tertentu berikutan dengan adanya perkembangan pesat dalam dunia komunikasi dan wujudnya pelbagai saluran TV dewasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan semasa membahas Titah Ucapan Diraja, jika ada mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, kementerian akan memberikan perhatian sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Sumber Manusia.

**3.05 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Tan Ah Eng, Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak serta Yang Berhormat Senator-senator yang lain yang membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia.

Yang Berhormat Senator Puan Tan Ah Eng telah membangkitkan isu mengenai waktu kerja fleksibel bagi kaum wanita masa bekerja setengah hari dan cadangan untuk mengadakan taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menerangkan bahawa dalam menetapkan waktu bekerja sesebuah syarikat, majikan perlu mengambil kira dan memberi pertimbangan kepada beberapa faktor seperti peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, kelicinan operasi, penghasilan produktiviti yang optimum serta kemudahan-kemudahan pengangkutan, infrastruktur dan lain-lain faktor yang berkaitan.

Akta Kerja 1955 membenarkan waktu kerja yang fleksibel untuk membolehkan majikan mengatur waktu kerja yang bersesuaian dengan keperluan masing-masing dan ini akan memberi peluang kepada majikan dan pekerja untuk menetapkan masa bekerja yang sesuai bagi kedua-dua pihak. Akta Kerja 1955 juga mempunyai peruntukan bagi membolehkan majikan mengambil pekerja untuk bekerja secara separuh masa. Kedua-dua peruntukan di atas memberi peluang kepada kaum wanita bekerja mengikut jadual dan masa kerja yang sesuai dengan keperluan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia sememangnya berusaha untuk menggalakkan majikan menyediakan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja. Langkah-langkah juga telah diambil untuk mengadakan garis panduan khas bagi membantu para majikan dalam menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja.

Kementerian Sumber Manusia juga bertindak sebagai one-stop-agency untuk membantu majikan berurusan dan mendapat kelulusan daripada lain-lain agensi yang berkaitan. Sukacita saya maklumkan bahawa penubuhan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja melibatkan kos yang tinggi dan juga pematuhan pelbagai syarat lain bagi menjamin keselamatan kanak-kanak apatah lagi pusat asuhan kanak-kanak yang ditubuhkan di tempat-tempat kerja di kawasan perindustrian atau di lain-lain tempat pekerjaan. Kerajaan juga memberi insentif dalam bentuk kelonggaran cukai bagi majikan-majikan yang menyediakan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu gaji bulanan kepada pekerja ladang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan N. Marimuthu, ingin saya jelaskan Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai kuasa untuk menetapkan gaji dan upah pekerja-pekerja kerana tiada dalam peruntukan undang-undang. Buat masa ini, gaji dan upah menjadi perkara rundingan di antara majikan dan pekerja mengikut pasaran. Isu gaji sentiasa menjadi bahan rundingan secara berterusan di antara kesatuan pekerja-pekerja ladang dengan majikan yang diwakili oleh kesatuan majikan dalam setiap perjanjian bersama.

Gaji pekerja-pekerja ladang yang dibayar secara harian pada masa kini mengandungi beberapa elemen-elemen seperti gaji pokok, elaun insentif yang dikaitkan dengan harga pasaran harian komoditi dan elaun-elaun lain.

Walau bagaimanapun, bagi pekerja-pekerja ladang yang dibayar gaji harian ini Akta Kerja 1955 memperuntukkan supaya pihak majikan membayar gaji minimum bersamaan 24 hari gaji dalam sesuatu bulan sebagai satu jaminan pendapatan. Ini bertujuan untuk membantu pekerja ladang sekiranya mereka tidak dapat menjalankan kerja biasa atas sebab-sebab tertentu seperti musim hujan dan sebagainya.

Bagi isu perumahan untuk pekerja ladang yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Marimuthu, saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Sumber Manusia adalah sentiasa memantau mutu perumahan dan kemudahan asas yang disediakan oleh majikan untuk pekerja-pekerjanya supaya mematuhi standard minimum yang ditetapkan di bawah undang-undang. Selain dari itu, Kementerian Sumber Manusia juga melalui aktiviti promosi menggalakkan majikan supaya meningkatkan lagi taraf perumahan dan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan dewan orang ramai sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti hidup pekerja ladang. Skim pemilikan rumah pekerja juga dilaksanakan sebagai satu langkah galakan. Walaupun tiada peruntukan tertentu mengenainya di bawah undang-undang, ianya merupakan rancangan sukarela yang dilaksanakan untuk para pekerja di ladang dan dilombong memiliki rumah sendiri dengan tapak pembinaan dan rumah disediakan oleh pihak majikan.



Untuk menjayakan rancangan ini, Kementerian Sumber Manusia telah menjalankan aktiviti promosi khas yang berterusan untuk menggalakkan pihak majikan membina rumah-rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerja ladang dengan harga berpatutan. Pelaksanaan skim ini bergantung kepada kesungguhan dan kemampuan majikan dan juga faktor-faktor lain. Adalah dimaklumkan juga Kementerian Sumber Manusia telah menyiapkan draf Kertas Kabinet mengenai cadangan dan langkah-langkah untuk membantu pekerja-pekerja ladang memiliki rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, saya ingin menjelaskan seorang pakar perunding Pertubuhan Buruh Antarabangsa sedang membuat kajian mengenai perlindungan keselamatan sosial ataupun PERKESO bagi orang-orang bekerja sendiri, dengan izin, self-employed seperti nelayan dan petani. Kajian ini dibiayai oleh Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu ataupun United Nation Development Programme atas permintaan kerajaan Malaysia. Adalah dijangkakan kajian ini diselesaikan dalam sedikit masa lagi dan laporan mengenai hal ini akan disediakan pada akhir bulan Jun tahun ini.

Di samping itu beberapa bengkel dan satu seminar kebangsaan akan diadakan untuk membincangkan hasil kajian ini. Bagi isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Zainal bin Rampak, ingin saya memaklumkan bahawa urusan untuk melanjutkan umur persaraan kakitangan awam dari 55 tahun ke-60 tahun bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Perkara ini sebenarnya di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam di Jabatan Perdana Menteri.

Kementerian Sumber Manusia amat berterima kasih di atas kerjasama pihak majikan, pekerja, kesatuan sekerja dan kesatuan majikan untuk mengekalkan suasana hubungan perusahaan yang harmoni di negara ini. Dalam keadaan kegawatan ekonomi tidak ada tindakan mogok yang telah berlaku. Kementerian berharap suasana ini akan terus dikekalkan demi menjamin kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan gaji minimum pekerja sekarang. Kerajaan berpendapat bahawa penentuan gaji yang diamalkan sekarang yang berasaskan kepada permintaan dan penawaran buruh di pasaran terbuka adalah suatu pendekatan yang amat sesuai sekali. Di samping itu juga saya menjelaskan bahawa Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai kuasa untuk menetapkan gaji dan upah pekerja ladang kerana tidak ada peruntukan di dalam undang-undang yang berkaitan. Buat masa ini gaji dan upah pekerja ladang menjadi perkara utama di dalam rundingan di antara majikan dan pekerja.

Kerajaan mengamalkan dasar terbuka dalam isu penetapan kadar upah termasuk sistem bayaran gaji di negara ini. Bagi sektor perladangan misalnya, sebarang penetapan upah berdasarkan bulanan akan bergantung kepada kebijaksanaan dan keberkesanan rundingan di antara majikan yang diwakili oleh MAPA dengan pekerja yang diwakili oleh NUPW. Perbincangan mengenai upah bulanan telah pun dijalankan semasa perundingan bagi perjanjian bersama yang telah dimeterai baru-baru ini oleh MAPA dan NUPW. Di samping itu, kedua-dua pihak telah bersetuju meneruskan sistem bayaran upah yang berdasarkan kiraan harian yang sedang terpakai.

Sebagaimana Yang Berhormat, sedia maklum, Akta Kerja tahun 1955 memperuntukkan supaya pekerja-pekerja ladang dibayar gaji minimum bersamaan 24 hari gaji dalam sesuatu bulan sebagai satu jaminan pendapatan. Ini bertujuan untuk membantu mereka sekiranya mereka tidak dapat menjalankan kerja biasa atas sebab-sebab tertentu seperti hujan, banjir dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya kerajaan melaksanakan Konvensyen 98 ILO ataupun dengan izin, International Labour Organization untuk membenarkan kakitangan kerajaan mengadakan perundingan terus dengan pihak kerajaan, ingin saya jelaskan bahawa di negara ini perundingan dan perbincangan sedang dibuat di peringkat tertinggi. Penubuhan tiga buah Majlis Bersama Kebangsaan ataupun MBK untuk perkhidmatan awam menunjukkan wujudnya satu kaedah perundingan dan perbincangan bagi pekerja-pekerja sektor awam dengan

majikan. Sebagaimana termaklum, sektor swasta berorientasikan keuntungan dan mempunyai sistem upah yang berkait rapat dengan produktiviti dan prinsip-prinsip lain yang jelas, manakala sektor awam adalah berteraskan perkhidmatan. Gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja sektor awam tidak diasaskan kepada prinsip-prinsip yang diguna pakai oleh sektor swasta.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Zainal bin Rampak juga, pekerja-pekerja industri elektronik diberi hak untuk berkesatuan di mana mereka boleh menubuh dan menganggotai kesatuan dalaman dengan izin, in-house union dan setakat ini tujuh buah kesatuan sekerja elektronik telah berdaftar di Malaysia.

Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini yang mana tidak dapat saya menjawab dalam masa yang singkat ini, saya ingin memaklumkan bahawa kementerian saya amat menghargai teguran, komen, cadangan dan pandangan yang membina tersebut dan akan mengambil perhatian serta tindakan sewajarnya terhadap isu ataupun cadangan. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, ada di sini? Tidak ada. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

### **3.16 ptg**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim dan Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin, yang telah mengambil bahagian dalam memberi pandangan dan teguran mengenai perkara-perkara yang melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ketika perbahasan ke atas Titah Diraja di Upacara Perasmian Penggal Kelima Parlimen Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim. Untuk makluman Yang Berhormat, adalah tidak dapat dinafikan bahawa pencemaran

sungai disebabkan oleh pembuangan sampah dan sisa industri ke dalam sungai memang sentiasa berlaku. Penyumbang utama pencemaran sungai ialah kelodak yang berpunca daripada hakisan tanah, pencemaran organik daripada kumbahan serta buangan ternakan yang dicatatkan oleh parameter pepejal terampai dan monikal nitrogen.

Walau bagaimanapun dengan penguatkuasaan Akta-akta seperti Enakmen Air 1920, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, Enakmen Hutan 1935, Akta Konservasi Tanah 1960, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Perkhidmatan Pembentukan 1993 dan akta-akta yang berkaitan. Aktiviti ini dapat dikawal dengan lebih berkesan. Di samping penguatkuasaan melalui akta-akta tersebut kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga turut mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan program-program pendidikan dan kesedaran alam sekitar seperti program river watch, dengan izin, di bawah kempen Cintailah Sungai Kita dan sebagaimana yang sentiasa dijalankan oleh agensi-agensinya yang berkaitan. Keprihatinan rakyat juga adalah penting terutama untuk meningkatkan kesedaran dan menerapkan sikap bertanggungjawab supaya amalan pembuangan sampah sarap di merata-rata dapat dihentikan. Bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai perkara ini kerjasama semua pihak amatlah diperlukan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyeru orang ramai agar dapat memberi kerjasama sepenuhnya ke atas usaha-usaha memelihara alam sekitar supaya ianya akan sentiasa terpelihara dan tugas ini tidak seharusnya dibebankan kepada kerajaan semata-mata. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang berusaha meningkatkan kesedaran rakyat mengenai tanggungjawab menjaga alam sekitar melalui aktiviti-aktiviti seperti Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM), pertandingan menulis novel, penerbitan video, pameran dan ceramah alam sekitar, program pendidikan melalui media cetak dan elektronik, kem alam sekitar, projek riadah alam sekitar (PRIAS), pertandingan debat alam sekitar antara institusi pengajian tinggi dan pertandingan menulis puisi alam. Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat juga tahap kesedaran orang ramai dan komitmennya menjaga alam sekitar telah pun meningkat. Hasil soal selidik yang dijalankan pada tahun 1995, 1996 telah menunjukkan kesedaran alam sekitar di peringkat orang ramai adalah tinggi, iaitu melebihi daripada 80%. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini perlu dipertingkatkan lagi agar peratusan itu akan bertambah dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zainudin bin Maidin pula, memang tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan pesat negara pada masa kini sedikit sebanyak telah menyumbangkan kepada kemerosotan kualiti alam sekitar negara. Kemerosotan ini berpunca daripada perkembangan sektor industri infrastruktur dan pembangunan guna tanah. Walau bagaimanapun, tahap kemerosotan ini belum mencapai paras kritikal dan tidak menampakkan kesan yang begitu ketara sehingga boleh menjejaskan aktiviti harian.

Sukacita saya memaklumkan bahawa adalah menjadi dasar dan pendekatan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk memastikan setiap projek pembangunan yang dijalankan mengimbangi objektif pemeliharaan alam sekitar. Dalam hal ini, kerajaan telah melaksanakan pendekatan pencegahan seperti melaksanakan Environmental Impact Assessment (EIA) dengan izin, terutama dalam aktiviti pembangunan industri dan guna tanah. Selain menjalankan aktiviti penguatkuasaan undang-undang yang sedang ada dan kempen kesedaran yang dijalankan secara agresif, dasar alam sekitar negara juga sedang dikaji semula oleh kementerian ini juga yang akan memastikan maklumat pembangunan sentiasa selaras dengan objektif pemeliharaan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian serta mengemukakan pandangan dan teguran di dalam perbahasan kali ini yang menyentuh aktiviti-aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

### **3.22 ptg**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Seng Huat, Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang, Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, Yang Berhormat Dato' Zainudin bin Maidin, Yang Berhormat Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Ismail yang telah mengambil bahagian dan membahaskan isu berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu perumahan, mengenai peruntukan perumahan kos rendah di Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang, sukacita dimaklumkan peruntukan untuk pembangunan rumah kos rendah di setiap negeri dibuat berdasarkan permohonan dari negeri berkenaan. Berdasarkan kepada sasaran untuk negeri Sarawak bagi membina 74,000 unit semua kategori rumah di Sarawak adalah di antara negeri yang mendapat peruntukan terbanyak untuk program perumahan awam kos rendah.

Mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu mengenai program rumah untuk disewa dan diperkembangkan ke seluruh negara, kerajaan sedang merancang untuk membina 55,000 unit rumah kos rendah untuk disewa di seluruh negara, selain daripada 35,000 unit untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Mengenai kemudahan-kemudahan awam di kawasan setinggan, kerajaan memang berusaha memberikan kemudahan tersebut sementara perumahan untuk disewa disediakan dan setinggan terlibat dipindah.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah mencadangkan supaya kerajaan mengadakan penjualan pembinaan rumah mengikut status golongan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mahu campur tangan dalam urusan pasaran tetapi membantu memudahkan supaya semua golongan rakyat mendapatkan kemudahan perumahan yang mencukupi. Syor beliau yang kedua supaya undang-undang diadakan supaya kerajaan menghadkan bilangan rumah yang boleh dibeli oleh

individu, untuk menjawab soalan tersebut sukacita dinyatakan bahawa kerajaan sedang mengawal pembelian rumah kos rendah sahaja.

Mengenai cadangan supaya kerajaan perlu lebih....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada yang minta laluan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kerajaan, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, kalau tidak silap saya telah mengambil tindakan merampas balik rumah kos rendah yang disewa kepada orang lain. Oleh sebab itu dalam perkara ini saya minta supaya kerajaan tegas dari segi agihan rumah-rumah.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kita bertindak tegas kerana kita tidak membenarkan orang yang sudah membeli rumah kos rendah ini diberi peluang lagi untuk membeli rumah kos rendah yang lain walaupun tidak sama dalam satu negeri. Melalui proses ini kita ada pendaftaran secara terbuka berkomputer supaya kita boleh meneliti permohonan-permohonan daripada orang ramai untuk rumah kos rendah itu. Kita setuju dengan tindakan yang diusahakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya kerajaan perlu lebih prihatin terhadap keadaan dalam sekitar. Cadangan itu adalah sangat dihargai. Kerajaan memang sangat prihatin mengenai perkara tersebut. Pihak kementerian ini dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa bekerjasama untuk menentukan pihak pemaju mematuhi undang-undang dan peraturan yang sedia ada terhadap pengekalan alam sekitar.

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor membangkitkan perkara harga rumah yang semakin meningkat dan siapa yang kerajaan bela, pemaju atau pembeli. Kerajaan sebenarnya menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak iaitu hak asasi pembeli serta sumbangan industri perumahan terhadap ekonomi negara.

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail menyarankan supaya kementerian mengawasi kualiti pembinaan dan mempunyai tiga bilik setiap rumah. Kerajaan memang mengambil berat mengenai perkara ini dan diantara langkah yang

diambil ialah penubuhan CIDB bagi mengawal mutu pembinaan. Rumah kos rendah baru sekarang memang dikehendaki mempunyai tiga bilik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kerajaan tempatan, Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Seng Huat telah membangkitkan persoalan berhubung kemudahan untuk golongan tua dan kurang upaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang mengadakan garis panduan perancangan golongan orang kurang upaya dan orang tua untuk membantu pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam merancang keperluan bagi golongan tersebut. Garis panduan ini antaranya mencadangkan penyediaan kemudahan-kemudahan bagi golongan tua di tempat-tempat riadah yang meliputi aksesibiliti seperti ramp, laluan pejalan kaki, beri ruang di tempat letak kereta, tandas dan kemudahan sokongan seperti bangku, walk-up, pondok telefon dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin pun membangkitkan isu kebersihan di tempat penjagaan dan kemudahan gerai tanpa izin. Pihak kerajaan memang memberi perhatian yang serius terhadap isu kebersihan persekitaran. Satu daripada aktiviti yang dilaksanakan adalah lawatan dan pemeriksaan mengejut oleh pegawai-pegawai daripada kementerian serta lawatan pemeriksaan yang dilakukan sendiri oleh Yang di-Pertua Majlis dan pegawai atasannya di peringkat pihak berkuasa tempatan.

Masalah utama yang dihadapi oleh pihak berkuasa tempatan untuk mengendalikan kebersihan dengan sempurna ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang minta laluan.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Okay. Sila.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang masalah kebersihan ini saya rasa ramai yang bersetuju bahawa ianya bukanlah satu masalah atau isu baru tetapi lama. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, setakat ini sejauh manakah kerajaan berasa puas hati dengan tindakan-tindakan yang telah diambil, contohnya seperti yang dikatakan tadi lawatan mengejut,



yang telah sebenarnya dapat memastikan kebersihan alam sekitar terutamanya di kawasan bandar-bandar telah dapat dipastikan tercapai. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Untuk menjawab soalan itu, Yang Berhormat, kita masih tidak puas hatilah sepenuhnya tentang usaha-usaha ke arah itu. Sebenarnya kita baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru melaksanakan atau mengadakan satu launching Kempen Kebersihan dan Anti-Nyamuk dan semua ini adalah menghuraikan sebaliknya usaha daripada semua pihak terutamanya pihak berkuasa tempatan supaya ambil berat tentang isu kebersihan. Kita harap dengan kerjasama daripada semua pihak terutamanya golongan penduduk di kawasan sekitar bandar-bandar dan juga pihak NGO dan lain-lain supaya boleh mempertingkatkan lagi tahap kebersihan.

Masalah utama yang dihadapi oleh pihak berkuasa tempatan untuk mengendalikan kebersihan dengan sempurna adalah sikap, perangai dan tingkah laku orang awam sendiri yang tidak bertanggungjawab dan kurang prihatin terhadap isu kebersihan. Kadar kejadian kerosakan kemudahan awam atau vandalisme juga adalah tinggi. Bagi memupuk amalan dan budaya yang sihat, pihak kementerian dengan kerjasama pihak berkuasa negeri dan tempatan kerap mengadakan kempen 'Bersih dan Indah' dengan tujuan khusus meningkatkan kesedaran di kalangan orang awam melalui penyertaan dan penglibatan mereka secara terus.

Mengenai gerai tanpa lesen di kawasan perumahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin, pihak berkuasa tempatan sentiasa mengambil tindakan menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka ini dengan merobohkan gerai-gerai perniagaan yang dibina secara haram. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa tempatan terpaksa berhati-hati dalam melaksanakan tindakan-tindakan ini supaya tidak disalahtafsirkan oleh sesetengah pihak dan menuduh bahawa kerajaan menindas dan menganiayai peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja secara kecil-kecilan berkenaan.

Semenjak berlakunya wabak JE di negara ini bilangan ladang babi telah dikurangkan. Ini hanya 94 buah ladang sahaja yang bertempat di dalam pihak

berkuasa tempatan dan adalah dikawal melalui pelesenan premis. Semua masalah kebersihan dan sanitasi ladang juga adalah dikawal selia oleh pihak berkuasa tempatan. Bagi ladang-ladang di luar kawasan pihak berkuasa tempatan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan mengawasinya.

Menyentuh tentang perlesenan tempat-tempat hiburan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, memang diakui bahawa pada masa ini ianya berbeza-beza di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Ini adalah kerana setiap negeri mempunyai enakmen hiburannya masing-masing. Ada kerajaan negeri yang menurunkan kuasa kepada pegawai daerah dan ada pula kepada pihak berkuasa tempatan. Masalah ini memang disedari oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Justeru itu kementerian sedang berusaha menyeragamkannya dengan mewujudkan satu enakmen hiburan untuk diguna pakai oleh semua kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja saya dapat menjawab tentang isu-isu yang dihuraikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Jikalau sesuatu yang saya tidak sempat jawab, perkara-perkara tersebut sudah dicatat oleh pegawai-pegawai dalam kementerian dan akan diambil perhatian kelak. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pertahanan.

**3.39 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman yang telah menyentuh tiga perkara berkenaan dengan bidang kuasa Kementerian Pertahanan. Di antara tiga perkara itu adalah seperti berikut:

- (i) jangka hayat peluru-peluru yang terpakai dari depot peluru Kementerian Pertahanan;
- (ii) sistem komunikasi Angkatan Tentera Malaysia di Kementerian Pertahanan; dan

(iii) kedudukan pesawat-pesawat TUDM.

Bagi jangka hayat peluru yang disimpan di depot-depot peluru ATM, ianya adalah berbeza di antara satu sama lain. Peluru yang mempunyai hayat yang agak pendek adalah daripada jenis, dengan izin, 'piro technic' yang mempunyai jangka hayat di antara 5 hingga 7 tahun. Bagi peluru daripada jenis yang lain pula, jangka hayatnya adalah panjang, ada di antaranya yang melebihi 20 tahun dalam simpanan dan masih boleh lagi dipergunakan dan berfungsi dengan baik.

Pemanjangan jangka hayat ini dapat dilanjutkan oleh kerana ATM mengamalkan kaedah pemeriksaan dan ujian tembakan secara sistematik. Ini dilakukan setiap tahun pada setiap batch ataupun lot keluaran satu jenis peluru. Sekiranya terdapat semasa pemeriksaan dan ujian peluru-peluru tersebut masih dalam keadaan yang baik dan boleh berfungsi serta selamat digunakan, maka jangka hayat peluru tersebut akan dilanjutkan. Sebaliknya, jika peluru-peluru tersebut didapati mengalami kecacatan semasa pemeriksaan dan ujian, maka tindakan yang sewajarnya akan diambil. Tindakan ini termasuklah penukaran komponen yang didapati cacat bagi membolehkan peluru tersebut terus digunakan atau sekiranya pula didapati peluru-peluru tersebut mengalami kecacatan yang boleh mengancam nyawa atau akan merosakkan sistem persenjataan, maka peluru tersebut akan dikeluarkan daripada perkhidmatan.

Bagi yang kedua pula, berkenaan dengan kecanggihan sistem komunikasi kita, Kementerian Pertahanan sebagai agensi utama kerajaan yang bertanggungjawab bagi pertahanan negara, sentiasa prihatin dan peka terhadap keupayaan ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dalam sistem komunikasi kita. Segala usaha sentiasa diambil bagi menentukan peralatan-peralatan tersebut yang baru diperolehi adalah yang terkini dan mempunyai teknologi termoden. Di samping itu, usaha juga terus dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan peralatan-peralatan komunikasi yang lama ataupun sedia ada supaya berada dalam keadaan yang sentiasa baik dan boleh digunakan.

Bagi yang ketiga pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan kedudukan dan tahap penyelenggaraan pesawat-pesawat udara ATM dan keperluan mengubahsuai dengan pembelian yang baru dan melupuskan yang sedia ada, didapati kebanyakan pesawat TUDM adalah masih baru lagi dan telah sedia dilengkapi dengan pelbagai teknologi terkini. Pada masa yang sama beberapa pesawat lama TUDM yang masih digunakan telah pun menjalani baik pulih (refer base dan up-grading) dan dilengkapi dengan sistem air bionic dan persenjataan moden.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, yang sempat oleh saya bagi pihak kementerian memberi penjelasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Luar Bandar.  
3.43 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan turut membincang perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar, di dalam perbahasan Ucapan Terima Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan ini isu-isu mengenai penstrukturan luar bandar, program pembasmian kemiskinan, KEMAS dan RISDA telah menarik perhatian beberapa Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno, membangkitkan isu-isu mengenai projek jalan kampung, bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar supaya disegerakan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar mengenai keperluan menyediakan infrastruktur yang lengkap di kawasan luar bandar dan dengan itu telah menambah senarai jalan-jalan di bawah program menaikkan taraf jalan kampung pada setiap tahun. Pada tahun 1998, sebanyak 2,641 projek telah disiapkan berbanding tahun 1997 sebanyak 2,059 projek, pada tahun 1999 pula kementerian telah bercadang untuk melaksanakan 2,551 projek sepanjang 2,300 kilometer.

Pelaksanaan PJK secara konsep payung akan terus dan diperkembangkan, antara perubahan-perubahan yang telah dilakukan ialah standard menerima jalan telah ditetapkan dan boleh dibina sehingga 14 kaki lebar, dapat menampung kenderaan sehingga berat lima tan untuk memberi kemudahan dan keselesaan yang lebih baik pada orang-orang kampung. Bagi jalan yang rosak, kementerian akan memastikan kontraktor akan membaikinya dalam tempoh tanggungan kecacatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai projek yang dipilih adalah berdasarkan daripada tiga sumber iaitu permohonan daripada Ahli Yang Berhormat, permohonan pejabat daerah melalui pengarah pembangunan negeri dan permohonan terus dari orang ramai seperti Pengerusi JKK dan Penghulu. Kerajaan memang sedar dan memberi sepenuh perhatian serta keutamaan bagi mempercepatkan dan menyediakan kemudahan authority yang mencukupi seperti bekalan elektrik luar bandar di kawasan luar bandar khususnya di kampung-kampung terpencil. Ini jelas terbukti di mana siling peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh bagi program bekalan elektrik luar bandar telah ditambah daripada RM425 juta kepada RM469 juta. Kerajaan juga telah mengambil kira perlunya negeri-negeri di mana kampung-kampung di pedalaman diberi keutamaan misalnya bagi negeri Sarawak dan negeri Sabah, siling peruntukan masing-masing ditambah daripada RM160 juta kepada RM207.5 juta dan RM150 juta kepada RM197.5 juta.

Namun begitu, disebabkan kawasan liputan yang luas, kedudukan kampung-kampung terpencil dan di pedalaman yang melibatkan kos yang tinggi, pelaksanaan projek-projek tersebut terpaksa dibuat secara peringkat demi peringkat mengikut keutamaan. Dalam pelaksanaan projek tersebut, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar sentiasa menjalankan kajian mengenai kaedah atau sistem pembekalan yang paling sesuai dan melibatkan kos yang munasabah, fleksibel dan viable, dengan izin, bagi lokasi yang telah dikenal pasti. Antara sistem alternatif tersebut ialah penjanaan elektrik seperti solar, generator save, hybrid, battery generator dan bio-mess.

Di samping itu bagi mempercepatkan pelaksanaan projek BLB, konsep payung telah dilaksanakan di Sarawak mulai tahun 1995 dan tahun 1998 di Sabah. Adalah didapati konsep ini telah berjaya mencapai matlamat mencepatkan pelaksanaan

projek serta mempertingkatkan lagi delivery system programme. Selain daripada perbekalan air melalui pembangunan sistem retikulasi di bawah program bekalan air luar bandar yang lazimnya dilaksanakan oleh pihak berkuasa air negeri, kerajaan memang menyedari terdapat keperluan untuk membekal air melalui kaedah sistem alternatif seperti telaga, tiub, bekalan sistem gravity dan telaga terbuka bagi kampung-kampung terpencil dan jauh dari paip utama. Dasar ini telah pun dilaksanakan sehingga tahun 1998, sejumlah 163 projek alternatif telah pun dilaksanakan di seluruh negara. Bagi tahun 1999 PBAN telah memasukkan senarai projek bekalan alternatif di samping senarai projek BLB retikulasi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu jalan ladang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin, adalah dimaklumkan bahawa di bawah dasar program menaikkan jalan kampung, jalan-jalan hanya boleh dibina jika mendapat kebenaran dari tuan tanah, jika jalan-jalan berkenaan adalah melalui ladang-ladang, ianya boleh dibina setelah pihak ladang memberi kebenaran. Mulai tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, KPLB telah mengkaji spesifikasi PJK dan menetapkan piawaian minimum bagi tujuan meningkatkan tahap ketahanan jalan untuk menampung kegiatan ekonomi di samping memberi keselesaan kepada penduduk kampung-kampung berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, telah mencadangkan supaya garis panduan bagi golongan termiskin ditingkatkan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pendapatan garis kemiskinan tahun 1995 yang digunakan sebagai asas telah dikemas kini dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Pada tahun 1995, PJK bagi Semenanjung Malaysia adalah RM425 bagi saiz isi rumah 4.6, di Sabah RM601 bagi saiz isi rumah 4.9, sementara di Sarawak adalah RM516 bagi saiz isi rumah 4.8. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, PJK yang telah dikemas kini bagi Semenanjung adalah telah dinaikkan kepada RM460 bagi saiz isi rumah 4.6, di Sabah adalah dinaikkan pada RM633 dan di Sarawak pula dinaikkan pada RM543.

Pendapatan garis kemiskinan dianggarkan berasaskan kepada separuh pendapatan garis kemiskinan. Sehubungan dengan itu, pendapatan garis kadar kemiskinan tahun 1995 telah dikemas kini dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Untuk makluman Yang Berhormat, pendapatan garis kadar

kemiskinan terkini bagi Semenanjung Malaysia adalah RM230, bagi Sabah RM316 dan bagi Sarawak RM271. Pendapatan garis kemiskinan disemak setiap dua tahun melalui kajian pendapatan isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail, definisi kemiskinan sememangnya mencakupi kemiskinan di bandar malah seperti termaktub dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, kadar kemiskinan di bandar adalah 2.1% pada tahun 1997 berbanding dengan 3.7% pada tahun 1995. Pada tahun 2000 kadar kemiskinan di bandar dijangka turun kepada 1.9%.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah Abas, skim pinjaman perumahan dan kenderaan kerajaan tidak dipanjang kepada kakitangan KEMAS pada masa ini kerana mereka tidak akan dapat memenuhi syarat seperti mampu menjelaskan pinjaman dan tempoh kontrak perkhidmatan maksimum tiga tahun dan ansuran balik tidak lebih daripada 30% ke 40% gaji bulanan mereka. Walau bagaimanapun kakitangan kontrak KEMAS masa ini memang telah menerima kemudahan rawatan di rumah sakit dan inisiatif tetap perumahan seperti mana kakitangan kerajaan yang lain.

Mengenai bangunan Taman Bimbingan Kanak-kanak KEMAS kerajaan telah, sedang dan akan terus membaikinya dari masa ke semasa. Pada tahun 1999 ini sebanyak 205 tabika baru akan dibina dan 650 buah tabika akan dibaik pulih bangunannya. Latihan lanjutan untuk pemaju masyarakat tabika memang sentiasa mendapat perhatian kerajaan dan dilaksanakan. Umpamanya pada 3 Mei, 1999 kerajaan telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Unimail sebuah anak syarikat Universiti Malaya bagi melaksanakan program Diploma Pendidikan Prasekolah, untuk penyelia dan pemaju masyarakat tabika KEMAS, dan kerajaan juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Institut Keluarga NURI sejak Julai 1998 untuk melatih para penyelia dan pemaju masyarakat Tabika KEMAS dalam melaksanakan kaedah pembangunan kanak-kanak ala NURI.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu bantuan RISDA kepada pekebun-pekebun kecil yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail adalah dimaklumkan bahawa kementerian tidak sedar atas ada bantuan RISDA tidak kesampaian kepada pekebun-pekebun kecil terutama mereka yang mempunyai tanah luas kurang dari 10 ekar. Mengenai benih getah yang dibekalkan kepada pekebun kecil sepanjang yang diketahui tidak ada kes seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun sekiranya ada Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada kementerian untuk tindakan selanjutnya. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini RISDA melalui anak syarikatnya RISDA Semaian dan Landskap bertanggungjawab menyediakan dan membekalkan benih tanaman bermutu tinggi kepada peserta-peserta program tanaman semula. Pelaksanaan pemindahan teknologi kepada pekebun kecil getah terutama berkaitan benih dilaksanakan 100% kerana penyeliaan dan bekalannya dikawal oleh RSPSB.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara kementerian menjawab, perkara-perkara yang lain, isu-isu yang disentuh oleh Yang Berhormat yang tidak dijawab ianya akan diambil perhatian oleh kementerian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Luar Negeri.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah bidang Kementerian Luar Negeri semasa membahaskan Titah Ucapan Diraja di Dewan yang mulia ini pada 3 hingga 10 Mei 1999. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman semasa persidangan Dewan pada 4 Mei telah membangkitkan tentang soal laporan negatif media asing terhadap Malaysia di luar negeri dan sehubungan itu perlunya penyambungan perkhidmatan pegawai kanan yang berpengalaman dan juga bekalan-bekalan akhbar-akhbar tempatan daripada perwakilan kita di luar negeri untuk mengikis serangan-serangan media asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai laporan negatif media asing terhadap negara kita Malaysia sememangnya diambil perhatian khas oleh kementerian ini.



Pihak kerajaan dari masa ke semasa memberi penjelasan kedudukan sebenar mengenai laporan negatif media asing terhadap negara ini iaitu melalui kementerian ini dan juga mamanggil ketua-ketua perwakilan asing yang berada di Kuala Lumpur. Penjelasan di media di negara-negara berkenaan juga dibuat oleh ketua-kektua perwakilan Malaysia di negara-negara berkenaan juga dibuat seperti mana yang dilakukan oleh Duta Besar kita di Washington D.C. baru-baru ini. Di samping itu kerajaan juga ada menyambung perkhidmatan pegawai-pegawai kanan yang berpengalaman untuk meneruskan perkhidmatan mereka di luar negara kerana sumbangan mereka masih diperlukan. Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri sentiasa dibekalkan dengan maklumat-maklumat dan laporan terkini mengenai perkembangan di negara iaitu melalui E-mail, faxes, surat-menyurat, telefon dan beg diplomatik. Di samping itu berita-berita ringkas daripada akhbar tempatan negara boleh diperolehi oleh Perwakilan kita di luar negeri melalui perkhidmatan Internet, akhbar-akhbar berkenaan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin pada 6 Mei 1999 telah membangkitkan soal perlantikan ketua-ketua perwakilan di luar negeri di kalangan ahli-ahli politik iaitu sama ada yang telah bersara atau yang masih aktif bagi tujuan menimba pengalaman. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya ada melantik di kalangan ketua-ketua perwakilan kita di luar negeri dari ahli-ahli politik seperti Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di New Zealand, Utusan Khas Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York dan Presiden Pusat Persahabatan dan Perdagangan Malaysia di Taiwan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah saja yang saya dapat ulaskan perkara-perkara yang telah dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini dan saya mengucap terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah kementerian ini.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Pihak kerajaan telah pun menjawab mengatakan memang kerajaan ada dan hendak melantik bekas-bekas ahli politik yang boleh lagi memberi perkhidmatan kepada negara. Tetapi pihak menteri ada menyebut seorang sahaja duta, yang seorang lagi itu Utusan Khas di Bangsa-Bangsa Bersatu, seorang lagi itu trade, berkenaan phubungan perniagaan sahaja. Tidakkah pihak kerajaan berfikir ataupun tidak layakkah orang-orang politik ini menjadi duta ataupun High Commissioner, dengan izin ke luar-luar negara dengan

tidak memberi tempat yang banyak lagi. Jadi kepada saya orang-orang politik ini tidaklah layak sebabnya tidak ramai yang dilantik untuk menjadi duta dan High Commissioner kepada tempat-tempat yang ada masalah politik, bukannya masalah perniagaan, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini bukannya masalah mengatakan bahawa masalah layak atau tidak layak, tetapi pada masa kini kita telah melantikkan tiga orang ini semuanya adalah usaha berasaskan secara diplomatik juga. Walaupun nama mereka ini tidak dipanggilkan sebagai ambassador atau duta besar Utusan Khas itu adalah envoy dan presiden pusat adalah dalam segi perhubungan perdagangan, kerana sebab-sebab diplomatik kita tidak menggunakan nama sebagai duta besar. Kita akan mengambil kira pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat atas perkara ini dan perkara ini memang saya ingin memastikan di sini bukannya sebab tidak layak tetapi adalah kerana kita masih melantikkan duta-duta dari ahli-ahli diplomatik yang sedia ada pada masa kini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Tak ada. Kementerian Belia dan Sukan.

**3.59 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian kepada Kementerian Belia dan Sukan dalam tempoh perbahasan ke atas Titah Diraja di Upacara Perasmian Penggal Kelima Parlimen Kesembilan di Dewan Negara kali ini.

Kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Seng Huat yang telah menyatakan bahawa program pembangunan belia telah banyak memberi sumbangan dan berjaya memantapkan masyarakat belia. Mengenai pandangan masih lagi kedapatan gejala tidak sihat di kalangan belia, kementerian akan mempertingkatkan lagi semua program yang dianjurkan terutama memajukan elemen-elemen sahsiah, tanggungjawab dan patriotisme serta akan membuat analisis keberkesanan dari masa ke semasa. Di antara usaha mengukuhkan program ini ialah menubuhkan badan muafakat belia bagi menangani isu-isu semasa yang sedang dihadapi. Rancangan penubuhan badan ini sedang diteliti di peringkat akhir dari segi keahlian, skop tanggungjawab dan mekanisme peranan dan pelaksanaannya.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*].

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno menyentuh mengenai program pembangunan belia bagi melahirkan belia yang bertanggungjawab dan bersemangat patriotik, perluasan Program Rakan Muda sedang mencadangkan program galakan bekerja kepada belia-belia yang menganggur.

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian melalui semua program Pembangunan Belia seperti Program Rakan Muda, Program Motivasi Perdana, Program Khidmat Sosial Negara, program Latihan dan Kemahiran serta Program-program ekonomi sentiasa memberi penekanan ke arah melahirkan belia yang bertanggungjawab dan mempunyai kekuatan serta semangat patriotik dan cintakan negara. Program khusus untuk tujuan ini ialah Program Bela Negara dan program ini akan terus dimantapkan lagi bagi mencapai keberkesanan yang maksimum.

Kementerian mengucapkan terima kasih kepada pandangan mengenai keperluan untuk memperluaskan Program Rakan Muda dan dibuat penilaian serta susulan untuk memantapkan lagi program ini. Pada kedudukan sekarang, program ini telah diperluaskan mengikut pendekatan sektor di mana anak-anak muda dapat dihubungi dengan lebih berkesan. Sektor-sektor yang aktif ialah Rakan Muda Sektor NGO untuk belia di peringkat negeri dan akar umbi, Rakan Muda Sektor Industri untuk anak-anak muda di Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan, Rakan Muda Sektor Pusat Beli-Belah untuk anak-anak muda yang berkunjung ke pusat beli-belah dan Rakan Muda Sektor Pusat Pengajian Tinggi untuk anak-anak muda di IPT awam dan swasta. Manakala Rakan Muda Sektor Kawasan Kemajuan Tanah, Rakan Muda Sektor Perumahan dan Rakan Muda Sektor Awam akan digerakkan sepenuhnya pertengahan tahun ini.

Rakan Muda Sektor Swasta pula akan diberi tumpuan pada tahun 2000. Kementerian memberi perhatian yang tinggi kepada Program Rakan Muda dan sentiasa memantau dan mengadakan tindakan susulan untuk memantapkan pelaksanaan, terutamanya dari segi 'capaian' (reach), kesesuaian dengan anak-anak

muda dan kesan menyeluruh kepada pembangunan generasi muda negara. Bilangan pegawai yang mengendalikan program ini akan disesuaikan mengikut keperluan pembangunan program dari masa ke semasa.

Mengenai cadangan diadakan Program Galakan Bekerja kepada belia-belia menganggur di samping menggalakkan bersukan dan berpersatuan, kementerian telah mengambil tindakan ini melalui Program Latihan dan Kemahiran, Program Pembangunan Usahawan dan Program Pengupayaan Pertubuhan-pertubuhan Belia. Bagaimanapun, kementerian akan meneliti pandangan-pandangan tersebut sekiranya terdapat keperluan yang ketara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah turut serta di dalam perbincangan di Dewan yang mulia ini dan telah memberi pandangan dan cadangan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Segala pandangan dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh kementerian kami dalam merancang dan melaksanakan program ke arah pembangunan belia dan sukan di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menjawab.

**4.03 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Tan Ah Eng, Senator Haji Abdillah bin Haji Abdul Rahim, Senator Haji Abdul Malik bin Haji Abdul Ghani, Senator Siti Hawa @ Karimah binti Mohd Noor dan Senator Chew Poh Thoi yang telah membahas dan menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa membahas Titah Diraja di upacara Pembukaan Parlimen Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Ah Eng telah menyuarakan supaya kerajaan menggubal dasar dan peraturan masa kerja fleksibel untuk kaum wanita bagi membolehkan mereka menguruskan antara masa kerja dan rumah tangga.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat belum bercadang untuk merangka rang undang-undang yang menyediakan waktu kerja anjal kepada wanita. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memperkenalkan waktu bekerja berperingkat di Lembah Klang mulai 1 Mei 1998. Setakat ini kerajaan sedang meneliti dan mengawasi keberkesanannya untuk dilaksanakan di negeri-negeri lain di Malaysia. Dari maklumat awal yang diterima waktu berperingkat ini telah dapat membantu suri rumah yang bekerja menguruskan rumah tangga dengan lebih teratur.

Mengenai isu kursus perkahwinan kepada bakal suami isteri bukan Islam dan meminta supaya peranan Tribunal Perkahwinan dikaji semula turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Ah Eng. Kementerian ini melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara memang sentiasa menggalakkan pasangan-pasangan yang hendak berkahwin mengikut kursus-kursus praperkahwinan, keibubapaan dan kekeluargaan. Kursus yang terbuka kepada semua kaum ini dibahagikan kepada beberapa modul seperti berikut:

- Pembangunan Potensi Manusia;
- Keibubapaan;
- Kependudukan Berkualiti;
- Kesihatan Keluarga;
- Modul Permata Kasih untuk pembangunan remaja; dan
- Modul Bahtera Kasih untuk persediaan perkahwinan dan pemantauan keluarga.

Sungguhpun begitu, syarat bagi mewajibkan bakal suami isteri bukan Islam mengikut kursus perkahwinan sebelum dikeluarkan Sijil Perkahwinan adalah di

bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara. Berkaitan dengan kajian semula ke atas sistem dan peranan Tribunal Perkahwinan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah merupakan salah satu agensi kerajaan yang menjadi ahli Tribunal Perkahwinan dan dipengerusikan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Kementerian ini bersedia memberikan kerjasama kepada Jabatan Pendaftaran negara ke atas sebarang cadangan positif bagi memperkemaskan badan yang sedia ada.

Berkenaan dengan kes-kes di bawah Akta Keganasan Rumah tangga 1994, sejak dikuatkuasakan pada 1 Jun 1996, jumlah kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan ialah 222 kes bagi tahun 1996, tahun 1997 sebanyak 630 kes dan sepanjang tahun 1998 adalah sebanyak 984 kes yang telah dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Untuk makluman Yang Berhormat, pendakwaan bagi kes-kes ini akan dilakukan oleh pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Siti Hawa @ Kamariah binti Mohd. Noor menyarankan supaya Pusat Khidmat Bimbingan Wanita anjuran HAWA yang ditubuhkan di negeri-negeri....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh minta laluan oleh Yang Berhormat Siti Hawa.

**Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk pembaikan. Nama saya Karimah bukan Kamariah, terima kasih.

**Tuan G. Palanivel:** Saya minta maaf, Yang Berhormat Senator Kamariah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Siti Hawa.

**Tuan G. Palanivel:** Senator Siti Hawa, saya minta maaf. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat amat prihatin dan menyedari keperluan penubuhan Pusat Khidmat Wanita bagi wanita yang mempunyai masalah-masalah kekeluargaan. Pusat Khidmat Wanita ini telah ditubuhkan di peringkat negeri untuk menjalankan program dan aktiviti yang bersesuaian, khusus untuk pembangunan

wanita dan akan diperluaskan ke peringkat daerah. Kementerian ini melalui Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) telah pun memperuntukkan keperluan untuk menempatkan petugas-petugas di setiap Pusat Khidmat Wanita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Malek bin Abdul Ghani mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan Pusat Harian di setiap daerah bagi mengenang jasa dan sumbangan warga tua pada masa lampau dan meminta menyemak semula dasar pemberian bantuan kepada badan-badan kebajikan sukarela sebagai usaha menggalakkan penubuhannya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada usaha meningkatkan kesejahteraan warga tua di negara ini. Ini dapat dilihat dengan adanya Dasar Warga Tua Negara serta Pelan Tindakan Warga Tua yang menentukan pelbagai perancangan, program dan kemudahan untuk memenuhi keperluan sosial warga tua. Ini termasuk cadangan mewujudkan Pusat Jagaan Harian Warga Tua di setiap daerah. Sehubungan ini, kerajaan menganggap Pertubuhan Kebajikan Sukarela sebagai rakan kongsi dalam melaksanakan Dasar Warga Tua Negara dan Pelan Tindakan Warga Tua.

Dasar pemberian bantuan kepada badan-badan kebajikan sukarela adalah khusus untuk membantu sektor pertubuhan peladang sukarela bagi mengendalikan pelbagai perkhidmatan untuk kumpulan sasaran yang memerlukan serta menggalakkan penubuhannya.

Walau bagaimanapun, kerajaan tidak dapat memenuhi keperluan kewangan sebenar pertubuhan-pertubuhan tersebut kerana peruntukan yang terhad tetapi sentiasa memberi khidmat nasihat dan sokongan di mana sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdillah bin Abdul Rahim membangkitkan isu perpaduan dan usaha memupuk persaudaraan antara kaum oleh kerajaan bagi menjamin pergolakan kaum dan agama seperti yang berlaku di negara-negara luar mutakhir ini tidak merebak ke negara ini.

Untuk mengelakkan pergolakan kaum dan agama seperti yang berlaku di luar negara, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dan tindakan secara bersepadu dan menyeluruh dari falsafah dan ideologi membawa kepada dasar dan pelaksanaan. Ini dapat dilihat di mana falsafah Rukun Negara adalah bertujuan untuk menanam semangat kesetiaan, kesopanan dan kesusilaan di kalangan rakyat negara ini dan kini diikuti pula dengan Wawasan 2020 yang mana cabaran pertamanya ialah bagi membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu padu dalam menuju masa depan yang dikongsi bersama. Dari segi Dasar Pendidikan Negara, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara, kesemuanya adalah berteraskan pemantapan perpaduan rakyat negara ini.

Bagi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pula, pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan khususnya melalui Jabatan Perpaduan Negara di mana pendekatannya ialah berteraskan kepada strategi memupukkan perpaduan melalui interaksi anggota masyarakat berbilang kaum. Ini dilaksanakan melalui program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara di samping pemantauan isu-isu yang sensitif untuk tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, isu integrasi nasional antara penduduk Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta sistem pengangkutan yang tidak sistematik dan kos yang mahal antara Malaysia Barat dan Timur telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ting Check Sii. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang terbaik untuk memantapkan integrasi nasional dan seterusnya meningkatkan tahap perpaduan negara. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan untuk merapatkan hubungan masyarakat antara negeri-negeri khususnya di antara masyarakat dari negeri-negeri di Semenanjung dengan masyarakat di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan sebaliknya.

Dalam hubungan ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Perpaduan Negara telah melaksanakan program yang melibatkan tiga golongan iaitu:



- (i) masyarakat umum, iaitu lawatan integrasi antara rakyat di antara negeri-negeri berkenaan bersempena hari-hari tertentu seperti Hari Gawai di Sarawak, Perasmian Parlimen di Kuala Lumpur, Hari Kebangsaan dan Tilawah al-Quran di negeri di mana ia diadakan.
- (ii) Pegawai kerajaan iaitu melalui kursus orientasi untuk pegawai Persekutuan yang bertukar ke Sabah dan Sarawak.
- (iii) Pelajar-pelajar iaitu melalui khidmat kerja IPTA dan Titian Muhibah di mana pelajar-pelajar dari institut pengajian tinggi awam tinggal bersama keluarga angkat masyarakat setempat untuk selama seminggu.

Sehubungan dengan kos yang mahal, yang terpaksa ditanggung oleh penumpang-penumpang yang menggunakan penerbangan, suka saya menyatakan bahawa perkara ini terserahlah kepada syarikat penerbangan itu sendiri. Namun demikian, syarikat MAS memang ada menyediakan beberapa pakej tambang murah kepada orang ramai yang ingin berkunjung di antara negeri-negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh, tambang konsesi dengan potongan sebanyak 50% diberikan oleh MAS kepada lawatan-lawatan integrasi yang sentiasa dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara.

Selain dari itu, MAS juga ada menawarkan tambang khas pergi balik bagi kumpulan tidak kurang dari tiga orang yang ingin ke Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Chew Poh Thoi mengesyorkan supaya bantuan sebanyak RM70 kepada warga tua yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dinaikkan kepada kadar yang lebih tinggi.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sentiasa prihatin dan memberikan bantuan kepada mereka yang terdiri daripada golongan yang miskin dan daif, kanak-kanak, orang kurang upaya, orang tua dan lain-lain. Kerajaan menyedari akan keadaan ini dan pada masa ini kerajaan sedang mengambil tindakan menaikkan kadar bantuan kebajikan kepada orang-orang miskin dan daif, orang kurang

upaya, kanak-kanak termasuk bantuan orang tua bersesuaian dengan kos kehidupan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai isu-isu di bawah tanggungjawab kementerian ini secara langsung atau tidak langsung. Kementerian ini akan mengambil semua pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan demi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang disediakan. Sekian, terima kasih.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ibrahim bin Ali]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua jawapan dari kementerian dalam perbahasan ke atas Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Usul diluluskan. Selepas itu Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi hari Selasa 11 Mei 1999”.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah suatu Usul seperti yang dicadangkan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*[Perbahasan disambung semula]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Kementerian Kesihatan menjawab.  
**4.16 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada isu-isu di bawah fungsi

dan tanggungjawab Kementerian Kesihatan semasa berucap membahaskan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin telah mencadangkan untuk mengadakan pemeriksaan tempat ternakan babi oleh Jabatan Kesihatan dan beliau juga menyarankan agar pencegahan JE perlu dibuat secara berterusan di kawasan ternakan babi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini sedang dibincangkan oleh jawatankuasa antara kementerian bagi menangani penyakit-penyakit zoonotic atau penyakit di kalangan haiwan yang menular kepada manusia di mana penyakit Japanese Encephalitis merupakan salah satu penyakit zoonotic yang berlaku di negara ini.

Aktiviti-aktiviti pencegahan JE yang dijalankan secara berterusan di antaranya adalah kawalan nyamuk culex melalui semburan kabus dan pemusnahan tempat pembiayaan nyamuk, suntikan vaksin JE kepada golongan berisiko tinggi, pemantauan dan pengawasan penyakit di kalangan babi oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan, pendidikan kesihatan kepada penternak dan pekerja di ladang babi mengenai langkah pencegahan, penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Pemusnahan Serangga Yang Membawa Penyakit dan Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin telah bertanya mengapa Unit Anti Malaria di Bahagian Orang Asli telah tidak wujud lagi walhal kes demam malaria masih tinggi di kalangan Orang Asli. Beliau berharap unit ini dapat diwujudkan semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Anti-Malaria di bawah kelolaan Hospital Orang Asli, Gombak masih wujud. Tetapi aktiviti kawalan malaria di kawasan Orang Asli telah diselaraskan dengan Kementerian Kesihatan. Aktiviti kawalan malaria di kawasan Orang Asli telah dipertingkatkan dan dijalankan oleh pasukan antimalaria di Bahagian Orang Asli dan ditumpukan di empat kawasan Orang Asli yang tidak dapat dihubungi dengan jalan darat iaitu 'Pos Gok dan Elzed Clap' di Kelantan dan 'Pos Lenjang dan Pos Titumbi' di negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin bertanya mengapa inspektor-inspektor kesihatan tidak mengambil tindakan ke atas premis-premis makanan yang kotor, tandas-tandas awam, parit yang kotor dengan sampah sarap dan tersumbat yang boleh mendatangkan pembiakan nyamuk dan penyakit-penyakit lain.

Kementerian Kesihatan Malaysia sememangnya amat prihatin tentang keadaan kebersihan premis-premis makanan memandangkan ianya adalah salah satu faktor yang menyebabkan penyakit yang dibawa oleh makanan dan minuman.

Aktiviti penutupan premis makanan yang kotor adalah dijalankan oleh pegawai-pegawai kesihatan tidak termasuk Inspektor Kesihatan yang memberi kuasa di bawah Akta Makanan 1983 sejak tahun 1985. Prestasi aktiviti ini telah meningkat secara mendadak selepas tahun 1985. Pencapaian pada tahun 1986 adalah 1,195 premis ditutup manakala 9,125 premis ditutup pada tahun 1998. Aktiviti ini merupakan satu aktiviti yang berterusan di mana semua Pegawai Kesihatan telah disarankan untuk menutup premis-premis makanan dengan tahap penilaian kebersihan di bawah 50%.

Berhubung dengan keadaan kebersihan tandas awam dan parit, ianya adalah di luar bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Zainal bin Rampak, telah mencadangkan gaji dan syarat perkhidmatan doktor yang berkhidmat dengan kerajaan dinaikkan selaras dengan doktor swasta untuk mengenang jasa mereka kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya Kementerian Kesihatan sememangnya menyedari bahawa gaji yang ditawarkan kepada pegawai perubatan yang berkhidmat di sektor swasta adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pegawai perubatan yang berkhidmat dengan kerajaan. Namun begitu, dalam masa yang sama bagi pegawai-pegawai perubatan yang berkhidmat dengan kerajaan menikmati banyak faedah lain jika dibandingkan dengan mereka yang berkhidmat di sektor swasta, antara lain kemudahan pinjaman perumahan, kemudahan pinjaman kenderaan, kemudahan

pinjaman komputer, elaun wilayah dengan kadar 12.5% - 17.5% bergantung kepada gaji hakiki pegawai sekiranya pegawai berkenaan bertukar wilayah sama ada di Semenanjung, Sabah, Sarawak atau sebaliknya, Skim Pembiayaan Kelab Rekreasi dan Sukan, menghadiri kursus, seminar dan bengkel, cuti tanpa gaji, cuti tanpa rekod, kemudahan menjalankan latihan sarjana sama ada di bawah sistem terbuka, bekerja sambil kursus mahupun secara sistem tertutup, kemudahan kuarters, kemudahan rawatan perubatan untuk ibu bapa, kemudahan bayaran pencen dan ganjaran pencen. Sekiranya diambil kira gaji campur dengan kemudahan yang ditawarkan oleh kerajaan kepada pegawai perubatan, maka jurang perbezaan pada amnya, jika dibandingkan dengan mereka yang berkhidmat di sektor swasta bolehlah dianggap tidak begitu ketara. Memandangkan hakikat perbezaan gaji di antara pegawai perubatan yang berkhidmat di sektor swasta dengan yang berkhidmat dengan kerajaan, kementerian akan berusaha untuk mengkaji gaji yang diterima oleh pegawai perubatan berkenaan dari masa ke semasa.

Sekian, sahaja jawapan yang dapat saya berikan ke atas teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi teguran-teguran yang tidak sempat dijawab di Dewan yang mulia ini, ia akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Kementerian Dalam Negeri menjawab.

**4.23 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri. Mengenai perkara-perkara yang telah disentuh itu saya akan cuba memberi penjelasan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Tan Ah Eng, telah pun membangkitkan mengenai isteri-isteri warganegara Malaysia. Mengenai isteri-isteri

warganegara Malaysia yang terdiri dari warga asing, pertimbangan taraf penduduk tetap ke atas mereka akan diberi selepas 5 tahun isteri tersebut menetap di negara ini. Jika isteri tersebut diberi hak penjagaan terhadap anak-anaknya, pertimbangan akan diberi kepadanya untuk menetap lebih lama di negara ini. Kerajaan sentiasa mengambil pertimbangan terhadap isu-isu seperti ini supaya kasih sayang ibu dan anak tidak akan terputus. Walau bagaimanapun, memang terdapat banyak kes di mana isteri-isteri tersebut akan kembali ke negara asal kerana ingin menetap semula bersama ahli keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Jamilah binti Ibrahim, menyentuh isu-isu berhubung akhlak remaja dan belia-belie. Kerajaan memang memandang berat terhadap kegiatan-kegiatan negatif belia yang bukan sahaja terlibat dalam kegiatan maksiat dan berfoya-foya malah terjerumus di dalam kegiatan jenayah. Usaha untuk membanteras gejala-gejala negatif ini sebenarnya bukan sahaja terletak kepada pengawasan pihak polis malah tanggungjawab ini sepatutnya dipikul bersama oleh semua pihak termasuk ibu bapa khususnya, organisasi-organisasi di peringkat akar umbi seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, persatuan-persatuan belia dan sebagainya. PDRM secara umumnya sentiasa memberi kerjasama kepada pegawai penguatkuasa Majlis Agama Negeri dalam program-program membanteras maksiat di kalangan remaja. PDRM juga sentiasa mempertingkatkan penugasan perisikan dan rondaan bertujuan membanteras aktiviti-aktiviti negatif belia melalui operasi pencegahan dan memperketatkan kawalan terhadap sasaran yang dikenal pasti.

Mengenai satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri, sentiasa mengambil tindakan yang tertentu terhadap rencana-rencana dan gambar-gambar yang dimuatkan di dalam media cetak termasuklah majalah hiburan bagi memastikan bahan-bahan yang dimuatkan di dalamnya sesuai untuk dibaca dan ditatap oleh masyarakat umum. Di antara tindakan yang diambil ialah:

- (a) tindakan terhadap penerbitan negatif yang diterbitkan di dalam negara ini dan Singapura yang diedarkan di Malaysia. Yang diambil adalah seperti berikut:
- (i) memberi nasihat kepada penerbit dan pencetak;
  - (ii) memberi amaran;
  - (iii) menggantung atau membatalkan permit penerbitan atau lesen mesin cetak; dan
  - (iv) mengharamkan tajuk penerbitan di dalam Warta Kerajaan bagi dikenakan Perintah Larangan.
- (b) tindakan terhadap penerbitan negatif yang diimport daripada luar negara selain dari Singapura dan diedarkan di Malaysia pula ialah:
- (i) menahan penghantar serahan atau menahan dari mengembalikan kepada pengirim di luar negara;
  - (ii) memadam atau menghapuskan atau menghitamkan gambar rencana-rencana yang dimuatkan di dalam penerbitan;
  - (iii) mengharamkan tajuk penglibatan di dalam Warta Kerajaan bagi dikenakan perintah larangan; dan
  - (iv) mengadakan pemeriksaan mengejut ke atas premis penerbit, pencetak dan juga para pengedar penerbitan di seluruh negara.

**Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan dan Datuk Haji Sairin bin Karno telah membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan**

**penguatkuasaan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Saya ingin menjelaskan sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini, peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah lengkap dan sesuai. Peruntukan-peruntukan ini bukanlah untuk mengenakan hukuman kepada individu atau kumpulan individu tetapi lebih merupakan satu usaha untuk menyekat sesuatu aktiviti yang boleh mendatangkan mudarat kepada keselamatan negara, penyenggaraan perkhidmatan perlu - ‘essential services’ dengan izin, dan kehidupan ekonomi Malaysia. Kerajaan sentiasa bersikap adil di dalam melaksanakan akta ini terhadap individu-individu atau kumpulan individu yang telah bertindak di luar batas undang-undang negara. Peruntukan yang terdapat adalah mencukupi dan mampu bagi menangani keadaan sedemikian. Perlulah diingat bahawa kerajaan tidak sewenang-wenangnya menggunakan akta ini tetapi ianya akan digunakan sebagai jalan terakhir apabila sesuatu yang berlaku itu boleh memudaratkan keadaan keselamatan negara. Segala tindakan yang diambil adalah untuk menjamin kesejahteraan Malaysia.**

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gesaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sairin bin Karno, selanjutnya kerajaan telah pun mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas akhbar-akhbar yang disebutkan iaitu akhbar *Harakah, Mingguan Waktu* dan *Berita Sabah*. Tindakan yang lebih tegas akan diambil terhadap penerbit akhbar-akhbar berkenaan sekiranya pihak penerbit masih tidak mengendahkan nasihat atau amaran yang telah diberikan.

**Mengenai keselamatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, pihak keselamatan sentiasa bersedia mengawal sempadan Sabah, Filipina dan Indonesia. Pada masa ini penempatan pegawai-pegawai dan anggota-anggota keselamatan adalah mencukupi dan ianya dibuat bergantung kepada keadaan keselamatan dan ancaman semasa di kawasan-kawasan berkenaan. Kerajaan**



**sedar dan sentiasa mahu memastikan keselamatan rakyat dan pelancong-pelancong terjamin sepanjang masa. Berkaitan dengan pengambilan pekerja asing secara haram, kerajaan memang sentiasa mengambil tindakan ke atas pendatang asing tanpa izin yang dikesan dan majikan-majikan yang melindungi mereka bukan sahaja di Sabah bahkan di seluruh negara.**

Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim pula menggesa supaya imej PDRM yang telah tercemar dipulihkan segera. Saya ingin menegaskan di sini, Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan tugas dan tanggungjawab PDRM dilaksanakan secara saksama dan berdisiplin berlandaskan undang-undang dan peraturan-peraturan sedia ada. Di antara langkah-langkah yang sedang diusahakan bagi memulihkan segera imej PDRM termasuklah:

- (i) memperkemaskan kursus asas dan kursus-kursus perkhidmatan yang bertujuan mempertingkatkan tahap profesionalisme, keutuhan pengurusan dan perkhidmatan mesra;
- (ii) menghidupkan semula semangat polis, “Bersedia Berkhidmat” dengan menggunakan semula lencana yang diberi imej baru yang dipakai di poket sebelah kiri uniform mulai 25 Mac 1999;
- (iii) menanam budaya dan sifat-sifat mesra dengan motto baru iaitu “Mesra, Cepat dan Betul”; dan
- (iv) memperkemaskan tindakan disiplin terhadap salah laku yang menjejaskan konsep mesra.

Yang Berhormat Senator Dato’ Ting Check Sii.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh beri laluan untuk Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, satu yang saya ingin respon mengenai dengan beberapa penukaran kalau perlu sama ada lambang bersalam atau 'shake hand' yang ada pada pasukan polis sekarang ini mahu ditukar sebab di negeri Sabah ada sebuah parti pembangkang yang menggunakan lambang tersebut. Jadi kadang-kadang ini boleh mengelirukan kepada rakyat Ini adalah lambang berjabat tangan bagi sebuah parti pembangkang di Sabah. Apakah kerajaan berhasrat sama ada untuk meminta parti tersebut menukar lambang itu ataupun pasukan polis akan menukar lambang yang sedia ada? Terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, pasukan polis tidak bercadang untuk menukar lambangnya. Tetapi mengenai parti politik yang satu lagi yang memakai lambangnya, saya ingin memberi jaminan pada Ahli Yang Berhormat jangan bimbang kerana parti itu tidak lama lagi perlahan-lahan akan pupus dan mati dan hilang begitu sahaja [*Ketawa*] Don't worry.

Yang Berhormat Senator Dato' Ting Check Sii pula mengesa kerajaan mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang telah bersubahat untuk membolehkan Bruno Manser masuk ke negara ini sehingga tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa. Berhubung dengan perkara tersebut, sebagaimana yang pernah dijelaskan di Dewan yang mulia ini siasatan secara menyeluruh terhadap perkara ini telah pun dijalankan dan mendapati beliau telah masuk ke negara ini secara haram iaitu melalui pintu masuk yang tidak diwartakan.

**Kerajaan berpuas hati dengan langkah-langkah keselamatan bagi mencegah kemasukan orang-orang yang tidak diingini. Memandangkan negara mempunyai kawasan pantai dan sempadan yang panjang, maka tidak dapat dielakkan kemungkinan orang-orang seperti ini berjaya menyusup masuk memang ada. Namun operasi-operasi risikan sentiasa dijalankan bagi mengesan kehadiran orang-orang yang tidak diingini di negara ini. Tindakan tegas juga akan diambil terhadap individu atau sindiket yang memberi bantuan terhadap orang-orang yang tidak dikehendaki ini.**

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengulas isu yang dibangkitkan oleh Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail memang tidak dinafikan bahawa pihak kerajaan menghadapi masalah untuk memulihkan penagih-penagih tegar yang berulang kali masuk ke pusat serenti. Golongan ini terdiri dari mereka yang pernah terlibat dengan jenayah dan dipenjarakan. Golongan inilah yang menimbulkan masalah kepada pihak pengurusan di pusat serenti kerana mereka sering menjadi perancang kepada kejadian-kejadian melarikan diri, rusuhan dan kebakaran di pusat serenti. Penagih-penagih yang menjalani pemulihan di pusat serenti tidak dianggap sebagai penjenayah. Sekiranya mereka melakukan kesalahan seperti merusuh, lari dari pusat Serenti dan sebagainya yang menyalahi peraturan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Pindaan) 1998 tindakan mahkamah boleh diambil ke atas mereka. Selain daripada itu sebagai langkah untuk meningkatkan tahap keselamatan di pusat-pusat serenti kerajaan akan melantik pegawai-pegawai keselamatan di pusat serenti sebagai polis bantuan. Pada masa ini pengawal-pengawal keselamatan pusat serenti sedang mengikuti latihan khas di Pusat Latihan Polis Bakri, Muar secara berperingkat. Dengan adanya kuasa polis ini adalah diharapkan pengawal keselamatan akan lebih berkeyakinan dan berpengetahuan dalam menghadapi sebarang krisis.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang bilangan dan tujuan badan-badan bukan kerajaan atau NGO yang terdapat di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga akhir bulan Disember 1998 terdapat 29,574 pertubuhan yang didaftarkan di seluruh negara yang mempunyai pelbagai tujuan seperti berpolitik, sosial, kebajikan, sukan, wanita, agama dan lain-lain. Bilangan yang banyak ini adalah sesuai dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan yang memberi hak untuk berpesatuan kepada rakyat. Seperti yang Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Malaysia mempraktikkan konsep demokrasi dan rakyat adalah bebas berpesatuan. Mereka juga bebas menjadi ahli dan pemegang jawatan dalam mana-mana pertubuhan berdaftar termasuk parti-parti politik. Semua pertubuhan hendaklah bertindak berlandaskan undang-undang berdaftar pertubuhan itu mengikut Akta Pertubuhan 1966. Jika terdapat pertubuhan-pertubuhan yang tidak mematuhi undang-

undang pendaftarannya, tindakan boleh diambil terhadap pertubuhan itu dengan tujuan untuk membatalkannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, juga pada tahun 1998 sebanyak 981 pertubuhan telah dibatalkan kerana melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Pertubuhan-pertubuhan dibenarkan menonjolkan atau memperjuangkan soal-soal hak asasi manusia atau yang berhubung dengan keadilan sekiranya tujuan serta undang-undang tubuhnya membenarkan mereka berbuat demikian. Jika terdapat bukti yang kukuh yang menunjukkan pertubuhan tersebut menyeleweng atau melanggar undang-undang tubuhnya, atau lain-lain undang-undang negara, tindakan boleh diambil terhadap pertubuhan-pertubuhan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun selesai memberi ulasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan bagi perkara-perkara lain yang belum terjawab, ianya akan diberi perhatian sewajarnya oleh pihak Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Jabatan Perdana Menteri menjawab.

**4.36 ptg**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ibrahim bin Ali]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Diraja yang membangkitkan pelbagai perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri dan juga telah memberikan pandangan, teguran, cadangan-cadangan dan syor-syor.

Saya juga ingin mengambil kesempatan terhadap Tuan Yang di-Pertua untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini kerana daripada pengamatan saya di waktu perbahasan di atas Titah Ucapan Diraja, terbukti dan nyata sekali bahawa Ahli-ahli Dewan yang mulia ini apabila menyampaikan ucapan membuat homeworknya, ucapannya penuh dengan sukses, begitu baik sekali dan tidak benarlah kata sesetengah pihak sebelum ini iaitu ahli-ahli pembangkang yang

menyatakan ahli Dewan yang mulia ini seperti kayu mati ataupun rubber stamp. Malah saya berani mengatakan ahli-ahli Dewan yang mulia ini jauh lebih baik dari ahli-ahli pembangkang di waktu membahaskan ucapan Titah Diraja ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Gapar bin Gurrohu membangkitkan - saya katakan lebih baik daripada ahli-ahli pembangkang, [*Ketawa*] isu bakal-bakal haji yang gagal menunaikan fardu haji yang diuruskan oleh syarikat-syarikat swasta kerana gagal mendapatkan visa. Yang Berhormat mencadangkan supaya Lembaga Tabung Haji melipatgandakan usaha membantu bakal-bakal haji dengan memberi maklumat yang tepat mengenai syarikat-syarikat swasta yang diluluskan oleh Lembaga Tabung Haji dan seterusnya maklumat tersebut dipaparkan di pejabat-pejabat Lembaga Tabung Haji di daerah-daerah.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang menjadi amalan Lembaga Tabung Haji memaklumkan syarikat-syarikat swasta yang diluluskan oleh Lembaga Tabung Haji iaitu konsortium melalui pejabat-pejabat cawangan Lembaga Tabung Haji di seluruh Malaysia untuk dipanjangkan maklumat mengenainya kepada seluruh umat Islam melalui masjid dan surau. Pada masa yang sama maklumat tersebut juga disampaikan melalui kursus haji bersiri pada setiap tahun yang dianjurkan oleh setiap pejabat daftar haji di pejabat-pejabat cawangan Lembaga Tabung Haji.

Di samping itu, Lembaga Tabung Haji juga membenarkan syarikat-syarikat swasta tersebut mengedarkan brosur ataupun risalah kepada semua jemaah haji yang akan menunaikan haji pada tahun semasa. Bagi bakal-bakal haji mendapatkan maklumat lanjut, Lembaga Tabung Haji akan melaksanakan laman web yang menjelaskan maklumat yang berkaitan dengan perkhidmatan haji termasuk maklumat yang berkaitan dengan syarikat-syarikat swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Rosli bin Mat Hassan telah membangkitkan Akta Petroleum 1974 yang memberi monopoli kepada Petronas.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehkah memberi laluan kepada Yang Berhormat Dato' Abdu Aziz bin Abdul Rahman.

**Dato' Abdu Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, ini pertama kali saya mendengar Yang Berhormat Senator Timbalan Menteri memberi jawapan bagi pihak kerajaan. Saya pun rasa gelisah sedikit mendengar jawapan daripada Yang Berhormat, terutama sekali berkenaan dengan Tabung Haji ini, adakah benar bahawasanya Tabung Haji kini merupakan sarang parti-parti pembangkang menggunakan Tabung Haji sebagai institusi menyebarkan dakwahnya sehinggakan di Mekah terdapat ada mereka yang membawa bendera-bendera PAS. Jadi, kebanyakan mereka yang pergi haji termasuk orang kerajaan sendiri, timbalan menteri dan sebagainya pergi ke Mekah baru-baru ini terpaksa berdepan dengan perkara semacam ini. Ini institusi kerajaan yang membuat sesuatu tindakan yang amat baik untuk melicinkan kegiatan kita hendak membuat haji, tetapi termasuk dakwah-dakwah politik. Adakah ini benar, dan kalau benar, apakah pihak kerajaan hendak buat berkenaan dengan izin, cleansing Tabung Haji.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat ada sebut tadi bila saya menjawab pertama kali bagi pihak kerajaan Yang Berhormat kata Yang Berhormat gelisah. Sepatutnya bila saya ada dalam kerajaan Yang Berhormat tidak patut gelisah lagi sebab everything will be taking care, insya-Allah [*Ketawa*].

Mengenai dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai dakwaan bahawa apakah benar Tabung Haji telah diserang oleh parti pembangkang khususnya yang cuba mengambil kesempatan termasuklah di waktu menunaikan fardu haji. Memang kita tahulah parti pembangkang terutamanya PAS di mana-mana sahaja mereka akan cuba mengambil kesempatan. Saya difahamkan di waktu haji baru-baru ini, malah di waktu tempat melontar di Mina pun nampak ada satu, dua bendera PAS. Jadi, saya hendak menasihati parti PAS kalau hendak cari makan janganlah sampai ke Mekah pun kita jadikan alat. Sampai di Mina dijadikan modal politik. Tabung Haji di Kuala Lumpur memang juga kita difahamkan ada pihak-pihak berkenaan cuba membawa pengaruh-pengaruh yang tidak sihat. Saya mengakui ada pihak yang menulis surat kepada saya membuat komen ataupun melahirkan rasa tidak senang

sebab khutbah Jumaat pun ada unsur-unsur politik. Perkara ini sudah pun ditangani oleh pihak kerajaan dan kita sedang memantau kegiatan-kegiatan ini dan saya percaya insya-Allah perkara ini dapat diambil tindakan yang sewajarnya dan Yang Berhormat Dato' tidak perlu gelisah, sebab saya percaya tidak ramai orang-orang yang seperti ini yang mengambil kesempatan yang cuba mencari mileage politik di mana-mana sahaja termasuklah waktu menunaikan fardu haji. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Dato'.

Bagi bakal-bakal haji mendapat maklumat lanjut Lembaga Tabung Haji akan melaksanakan laman web bagi menjelaskan maklumat yang berkaitan dengan perkhidmatan haji termasuk maklumat yang berkaitan dengan syarikat-syarikat swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan telah membangkitkan Akta Petroleum 1974 yang memberi monopoli kepada Petronas untuk mengendalikan aktiviti gas petroleum, petrokimia dan gas. Yang Berhormat mencadangkan supaya akta ini dikaji semula bagi memecahkan monopoli oleh Petronas dan hendaklah diswastakan kepada ahli-ahli perniagaan bumiputera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa setelah diteliti Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan dapati bahawa akta tersebut tidak menghalang mana-mana syarikat tempatan menyertai aktiviti mencari gali, mengeksploitasi, membangun dan mengeluarkan petroleum di Malaysia. Oleh itu didapati tidak ada keperluan untuk meminda akta tersebut. Dari segi pelaksanaannya, Petronas bertanggungjawab menawarkan blok-blok di perairan Malaysia untuk diusahakan hasil oleh mana-mana syarikat petroleum yang mempunyai sumber kewangan yang mencukupi dan teknologi yang sesuai. Memandangkan aktiviti mencari gali merupakan suatu aktiviti yang berisiko tinggi dan memerlukan modal yang banyak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum ini terdapat beberapa syarikat tempatan yang terlibat dalam usaha mencari gali dan memajukan kawasan eksplorasi dengan izin, exploration blocks yang ditawarkan, namun usaha mereka masih lagi

belum mendatangkan hasil. Sungguhpun demikian, masih terdapat dua syarikat tempatan yang sedang meneruskan usaha mencari gali minyak di negara ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah membangkitkan perkara-perkara menyentuh Jabatan Perkhidmatan Awam. Yang Berhormat mencadangkan supaya kerajaan menentukan kadar pencen minimum dan pesara-pesara hendaklah memberi imbuhan seperti bonus, apabila kakitangan awam yang sedang berkhidmat menerimanya. Yang Berhormat juga mengesyorkan supaya kemudahan pemberian diskaun 50% untuk tiket kapal terbang boleh ditempah pada bila-bila masa dan bukannya satu minggu seperti yang diamalkan sekarang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa di bawah undang-undang pencen bagi pesara-pesara perkhidmatan awam sekarang, memang ada kadar pencen minimum iaitu RM180 sebulan bagi mereka yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun. Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya pesara-pesara diberikan imbuhan atau bonus, sama dengan kakitangan yang sedang berkhidmat, suka dimaklumkan bahawa adalah tidak wajar pesara diberi imbuhan atau bonus sebagai tambahan kepada pencen yang diterima kerana pemberian imbuhan dan bonus adalah bergantung kepada prestasi kerja penerimanya. Walau bagaimanapun, undang-undang pencen sekarang memang memperuntukkan penyelarasan kadar pencen untuk pesara-pesara setiap kali anggota yang berkhidmat menerima pelarasan gaji.

Pemberian diskaun tambang kapal terbang untuk pesara dan syarat-syarat bagi kemudahan ini adalah dalam bidang kuasa syarikat-syarikat penerbangan dan mungkin persatuan-persatuan pesara boleh menyuarakan cadangan mereka kepada syarikat-syarikat yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail juga membangkitkan isu pembekuan kenaikan gaji, elaun dan bonus pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan. Yang Berhormat meminta supaya perkara ini dikaji semula bagi memberi insentif kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang dedikasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutan kegawatan ekonomi negara, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurang dan mengawal



perbelanjaan awam. Ini termasuk pengurangan imbuhan tetap kerajaan, imbuhan tetap khidmat awam, elaun keraian dan elaun khidmat awam. Kerajaan tidak membekukan kenaikan gaji tahunan anggotanya. Untuk mengurangkan beban perbelanjaan yang dihadapi, kerajaan telah memberi bantuan kewangan sebanyak RM400 bagi tahun 1998. Walau bagaimanapun, pengurangan ini akan dikaji semula apabila keadaan ekonomi negara pulih.

Mengenai pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang terlibat dengan parti politik khususnya parti pembangkang dan yang menjalankan aktiviti provokasi terhadap kerajaan seperti yang dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang sentiasa memantau pegawai-pegawai kerajaan yang melibatkan diri dalam politik termasuk parti pembangkang dan menjalankan aktiviti provokasi terhadap kerajaan. Tindakan sewajarnya akan diambil mengikut kesalahan-kesalahan jika ada laporan yang terperinci bersabit dengan pegawai-pegawai kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Zainal bin Rampak mencadangkan supaya kerajaan menetapkan gaji minimum bagi pekerja misalnya sebanyak RM600. Penetapan gaji minimum ini merupakan insentif untuk meningkatkan produktiviti. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk mengadakan dasar gaji minimum bagi pekerja. Yang Berhormat juga membangkitkan perkara mengenai bersara wajib bagi kakitangan perkhidmatan awam.

Menurut Yang Berhormat, jangka hayat kehidupan di negara ini telah meningkat sehingga umur 72 tahun bagi lelaki dan 75 tahun bagi wanita. Yang Berhormat mencadangkan umur bersara wajib ditingkatkan dari umur 55 tahun kepada 60 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk melanjutkan umur persaraan. Walau bagaimanapun, peluang untuk bekerja semula dalam perkhidmatan kerajaan selepas persaraan pada umur 50 tahun memang ada ketika ini iaitu melalui perlantikan secara kontrak.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor pula mencadangkan supaya wanita-wanita bekerja dibenarkan balik awal dengan gaji yang

boleh dirundingkan. Ini bagi membolehkan wanita bekerja memberi tumpuan kepada keluarganya.

Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa kerajaan sentiasa prihatin kepada masalah yang dihadapi oleh pekerja wanita. Oleh itu beberapa kemudahan telah diberi seperti cuti bersalin 60 hari dan hari rehat Sabtu. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur waktu bekerja berperingkat telah pun dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sairin bin Karno membangkitkan tempoh perkhidmatan senator yang singkat iaitu selama tiga tahun dan tidak melebihi dua penggal. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan setakat ini tidak bercadang untuk menambah tempoh perlantikan Ahli Dewan Negara melebihi dua penggal – kena berjuang lagilah.

Yang Berhormat Senator Puan Jamilah binti Ibrahim membangkitkan isu penswastaaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) kepada Bernas. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan telah menerima beberapa cadangan untuk penswastaaan LKIM sama ada secara keseluruhan atau sekadar penswastaaan pusat-pusat LKIM secara berasingan. Namun demikian, kerajaan belum membuat keputusan muktamad mengenai penswastaaan LKIM. Sebarang keputusan penswastaaan akan memastikan bahawa pihak yang ditawarkan mampu melaksanakan tanggungjawab. Di samping itu, kerajaan hanya akan menswastakan LKIM setelah berpuas hati bahawa penswastaannya adalah berdaya maju dan tidak akan membebankan pengguna dan faedahnya akan dapat dinikmati oleh semua golongan terutamanya para nelayan yang merupakan golongan yang memerlukan pembelaan dan terlibat secara langsung dalam penswastaaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan secara khusus yang perlu dan sempat saya jawab. Walau bagaimanapun pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, di antara lain, menyentuh soal-soal kehakiman yang merupakan pandangan yang cukup membina dan pasti kerajaan akan memberi perhatian yang sewajarnya.

Saya juga mengambil kesempatan untuk menyatakan terima kasih saya kepada Yang Berhormat. Dato' Haji Mohd. Zuki kerana telah menyampaikan ucapan tahniah di atas perlantikan saya selaku Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan saya berjanji pada Ahli-ahli Yang Berhormat, insya-Allah, saya akan pikul tanggungjawab dengan penuh amanah, jujur, sebagaimana amanah yang telah diberi oleh Perdana Menteri dan juga Dewan yang mulia ini, rakyat dan negara.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, komen, pandangan serta syor-syor yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya kemukakan masalah untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng itu disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampuan Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kelima Parlimen Yang Kesembilan”.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 4.52 petang.*